

DN.6.8.2001

[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA**

Isnin, 6 Ogos 2001

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah:

– Y.B. Tuan Wee Kok Tiong.

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap Ahli yang baru dipilih itu dapat memberi sumbangan beliau yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga beliau dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan (2000 dan 2001) 2001;
2. Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2001;
3. Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2001;
4. Akta Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2001;
5. Akta Syarikat (Pindaan) 2001;

6. Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2001;
7. Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2001;
8. Akta Kastam (Pindaan) 2001;
9. Akta Cukai Jualan (Pindaan) 2001;
10. Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2001;
11. Akta Eksais (Pindaan) 2001;
12. Akta Zon Bebas (Pindaan) 2001;
13. Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001;
14. Akta Pendaftaran Negara (Pindaan) 2001;
15. Akta Pergigian (Pindaan) 2001;
16. Akta Insurans Luar Pesisir (Pindaan) 2001;

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“1 Ogos 1998

Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2001;
2. Rang Undang-undang Makanan (Pindaan) 2000;
3. Rang Undang-undang Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001;
4. Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) (No. 2) 2001;
5. Rang Undang-undang Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) 2001;
6. Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos (Pindaan) 2001;
7. Rang Undang-undang Tandatangan Digital (Pindaan) 2001;
8. Rang Undang-undang Duti Hiburan (Pindaan) 2001;

9. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2001;
10. Rang Undang-undang Lembaga Elektrik Sabah (Pindaan) 2001;
11. Rang Undang-undang Bekalan Gas (Pindaan) 2001;
12. Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2001;
13. Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) 2001;
14. Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2001;
15. Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2001; dan
16. Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 2001.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT.”

URUSAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Dompok]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Haji Karim bin Salleh** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan bercadang mengeluarkan garis panduan perkara-perkara yang dianggap salah guna Islam yang dilarang oleh Majlis Fatwa Kebangsaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin]: Tuan Yang di-Pertua, keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan bagi hal ehwal Islam Malaysia melarang mana-mana pertubuhan menggunakan Islam atau perkataan Islam untuk tujuan mengelirukan masyarakat atau menyeleweng adalah jelas dan setakat ini tidak perlu lagi ada garis panduan tertentu.

Sesiapa yang melanggarnya boleh diambil tindakan undang-undang dan akan diputuskan oleh mahkamah yang membicarakannya.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Terlebih dahulu saya mengucapkan syabas kepada Majlis Fatwa Kebangsaan yang telah membawa usul bagaimana cadangan untuk mengharamkan perkataan Islam telah ditolak oleh Majlis Raja-Raja. Persoalan saya di sini, apakah peranan sebenarnya Majlis Fatwa Kebangsaan dalam menentukan perkara yang jelas bertentangan dengan Islam yang masih dilaksanakan dalam negara kita. Adakah Majlis Fatwa Kebangsaan tidak mengambil berat perkara ini yang memang jelas bercanggah dengan Islam? Wallah hualam.

Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan tambahan Yang Berhormat, ingin saya jelaskan bahawa peranan yang dimainkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan adalah jelas sebagaimana yang telah diamanahkan iaitu memberikan fatwa-fatwa yang diarahkan atau yang diperintahkan oleh Majlis Raja-Raja dalam mendapatkan sesuatu hukum untuk diputuskan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan.

Di samping itu juga, Majlis Fatwa Kebangsaan dari masa ke semasa mengadakan muzakarahnya yang merupakan keperluan yang diminta oleh masyarakat atau individu atau pertubuhan atau mana-mana pihak untuk mendapatkan sesuatu garis panduan atau fatwa dalam perkara ataupun dalam permasalahan hukum-hukum Islam. Jadi, peranan-peranan ini telah pun dimainkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan, maka tidaklah timbul soal Majlis Fatwa Kebangsaan tidak memainkan peranannya sebagaimana yang dikehendaki atau yang diamanahkan.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Bolehkan kerajaan menerangkan kepada kita, memberi penjelasan, berapakah jenis ataupun bentuk persidangan ataupun yang boleh meletakkan fatwa kebangsaan ini sebagai fatwa yang boleh diterima tidak berasas kepada arahan Majlis Raja-Raja semata-mata kerana kita tahu Majlis Fatwa Kebangsaan ini dianggotai oleh ulama yang muktabar dan apakah sebenarnya pendirian Majlis Fatwa Kebangsaan berkenaan dengan Malaysia sebagai sebuah negara Islam kerana ada parti seperti PAS akan berjuang untuk membina sebuah negara Islam berasaskan kepada beberapa perkara yang telah dijelaskan dari masa ke semasa. Apakah sebenarnya pendirian Majlis Fatwa Kebangsaan berkenaan dengan

penubuhan Malaysia ini, adakah ianya menepati sebuah negara Islam ataupun tidak?

Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan tambahan Yang Berhormat tadi, ingin saya nyatakan bahawa peranan yang dimainkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan ataupun Majlis Fatwa Kebangsaan adalah dua peranan sebagaimana yang telah saya jelaskan sebelum ini iaitu pertama, Majlis Fatwa Kebangsaan akan mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Fatwa apabila diminta oleh Majlis Raja-Raja untuk mendapatkan sesuatu fatwa mengenai sesuatu isu. Maka, apabila fatwa itu dibincang oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan diputuskan, ianya akan diangkat balik kepada Majlis Raja-Raja melalui Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam dan apabila ianya diterima oleh Majlis Raja-Raja, maka negeri-negeri akan membawanya ke negeri masing-masing untuk diwartakan.

Adapun yang kedua, peranan yang dimainkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan ialah sebagai yang saya jelaskan, saya ulangi bahawa Majlis Fatwa Kebangsaan akan bermuzakarah, bukan bermesyuarat. Yang diarahkan oleh Majlis Raja-Raja namanya mesyuarat tetapi yang diminta oleh pihak-pihak tertentu sama ada orang perseorangan ataupun pertubuhan ataupun badan-badan menghendaki sesuatu penjelasan ataupun sesuatu fatwa mengenai sesuatu isu ataupun masalah, maka Majlis Fatwa Kebangsaan akan bermuzakarah.

Keputusan muzakarah fatwa kebangsaan tidak semestinya diwartakan. Itu terpulanglah kepada negeri-negeri sekiranya merasakan ianya untuk diwartakan, maka bolehlah diwartakan.

Adapun tentang soal pandangan Majlis Fatwa Kebangsaan ataupun pendapat Majlis Fatwa Kebangsaan mengenai negara Islam atau sebagainya ini, maka itu tidak perlu dipersoalkan lagi kerana negara kita sudah jelas adalah merupakan sebuah negara Islam yang mana telah menjalankan segala-gala secara Islam dan ketua negaranya adalah beragama Islam, maka semuanya ini sudah menunjukkan atau mengisyaratkan bahawasanya kita adalah sebuah negara Islam.

2. **Datuk Christine Tibok-Vanhouten** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan atau pendekatan yang dibuat oleh kerajaan untuk mendaftarkan masyarakat luar bandar Sabah untuk sijil kelahiran dan kad pengenalan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]:

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan untuk memastikan penduduk luar bandar yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri ialah melalui lawatan bergerak oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) negeri Sabah. Setakat Jun 2001 sahaja, JPN negeri Sabah telah mengadakan lawatan khas di 32 kampung di daerah Ranau dan 47 kampung bagi daerah Tenom.

Lawatan khas 47 kampung di daerah Tenom diadakan pada 16 hingga 23 April 2001. Dalam lawatan tersebut sebanyak 47 permohonan sijil kelahiran dan 744 permohonan kad pengenalan telah diterima. Bagi lawatan khas di 32 kampung di daerah Ranau yang diadakan pada 20 hingga 24 Mac 2001. Dalam lawatan ini sebanyak 564 permohonan sijil kelahiran dan 1,464 permohonan kad pengenalan telah diterima.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu tentang pengeluaran kad pengenalan di negeri Sarawak terutama sekali bagi penduduk-penduduk di kawasan pedalaman. Setakat ini berapa banyakkah lagi kad pengenalan lama yang belum lagi ditukar kepada kad pengenalan baru dan bagi kad pengenalan lama yang sudah ditukar kepada kad pengenalan baru, berapa banyakkah lagi kad ini masih lagi belum diambil oleh pemegang-pemegang kad itu. Sekiranya keadaan seperti ini berlarutan, apakah langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk menentukan pelaksanaan kad pintar bagi penduduk-penduduk di kawasan pedalaman kelak dapat dijalankan dengan licin. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai angka-angka yang diperlukan oleh Ahli Yang Berhormat tetapi saya akan meminta supaya beliau dibekalkan pada angka-angka yang diperlukan.

Tentang pengenalan kad pintar ini, saya ingin maklumkan kepada Dewan ini bahawa pengeluaran kad pintar sudah pun bermula dalam peringkat percubaan dan kita sedang meneliti apa kesannya kepada masyarakat.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang ramai bekas-bekas tentera yang berkahwin di Sabah dan di Sarawak dan mereka tinggal di Sabah dan Sarawak. Yang menjadi masalah kepada rakyat Malaysia yang berkahwin di Sabah dan Sarawak, setiap tiga bulan hingga enam bulan terpaksa mengecapkan pasport mereka dan selepas setahun kalau tidak silap saya mereka terpaksa balik ke Semenanjung, maka adakah pihak kementerian

bercadang supaya mereka disamakan juga seperti rakyat Sabah dan Sarawak berkahwin dan tinggal di Malaysia.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Masalah ini adalah satu masalah yang timbul dengan adanya syarat-syarat yang telah dikenakan kepada negara ini apabila Malaysia ditubuhkan iaitu apabila negara kita ini ditubuhkan pada tahun 1963 dan memang ada syarat-syarat tertentu yang dimasukkan dalam Perlembagaan ataupun dimasukkan dalam undang-undang yang sekarang ini masih lagi digunakan.

Penduduk-penduduk di negeri Sabah dan Sarawak iaitu rakyat Malaysia di negeri Sabah dan Sarawak selalu juga bertanya, kenapa pula negeri Sabah dan Sarawak ini yang mempunyai begitu besar bilangan penduduknya orang Sabah tidak dapat dipertimbangkan untuk menjadi Yang di-Pertuan Agong dan sebagainya. Jadi, semua ini termaktub dalam Perlembagaan dan syarat-syarat apabila Malaysia ditubuhkan pada tahun 1963. Mungkin ada satu hari nanti ini semua bolehlah dibahaskan dengan niat untuk menggubal satu dasar, satu Perlembagaan yang baru mungkin dalam generasi-generasi yang akan datang tetapi pada masa sekarang ini kerajaan tidak bercadang untuk membuat apa-apa.

3. **Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun** minta Menteri Pendidikan menyatakan, langkah-langkah dan tindakan jangka pendek dan panjang yang telah dan akan diambil oleh pihak kementerian bagi memastikan para pelajar, khususnya di institusi pengajian tinggi tidak terlibat dalam aktiviti berunsur politik militan yang bukan sahaja menjejaskan masa depan pendidikan mereka malah turut menjejaskan kesejahteraan dan keharmonian kampus dan negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memandang berat terhadap segelintir pelajar yang tidak menumpukan perhatian terhadap pelajaran tetapi sebaliknya terlibat dalam aktiviti-aktiviti menentang kerajaan.

Bagi menangani masalah tersebut kementerian dengan kerjasama IPTA telah dan akan terus mengambil pelbagai langkah untuk mendekati pelajar. Ia bertujuan agar pelajar mendapat gambaran sebenar dan tidak dikelirukan dengan isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Dari masa ke semasa pelbagai program telah diadakan termasuk program motivasi, sesi-sesi penerangan, perjumpaan serta sesi dialog dengan pemimpin negara dan juga sesi forum serta ceramah.

Pendekatan ini dapat meningkatkan kefahaman pelajar mengenai dasar-dasar kerajaan dan keselamatan negara. Program sahsiah pelajar dan tata kelakuan juga dikaji dari masa ke semasa bagi membendung pelajar daripada terpengaruh dengan kegiatan politik yang boleh menjejaskan masa depan mereka. Tindakan tegas akan diambil kepada pelajar yang terlibat dengan aktiviti berunsur politik partisan seperti amaran keras digantung daripada pengajian ataupun dibuang terus dari IPTA. Aktiviti kokurikulum dan kemasyarakatan yang menjurus ke arah memupuk semangat cintakan negara sentiasa digalakkan.

Pihak PTA melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar juga sentiasa memantau aktiviti yang dianjurkan oleh pelajar. Pelajar sentiasa diingatkan untuk memberikan tumpuan kepada pelajaran dan perbincangan sentiasa diadakan dari masa ke semasa bagi mencari jalan untuk meningkatkan pencapaian pelajar terutama pelajar bumiputera. Semua IPTA diminta menyediakan latihan dan kursus bagi meningkatkan kemahiran pembelajaran termasuk kemahiran bahasa di samping program bimbingan dan kaunseling kepada pelajar yang bermasalah.

Langkah yang sama juga dijalankan di IPTS iaitu dengan memantau kegiatan-kegiatan sosial yang dikendalikan oleh IPTS di samping mengadakan perjumpaan, mesyuarat atau seminar yang diadakan dengan persatuan-persatuan di IPTS. Pihak IPTS juga sentiasa diberi ingatan tentang disiplin dan tata kelakuan pelajar seperti yang diperuntukkan dalam Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996, Akta 555, Bahagian 8 - Seksyen 46 dan Seksyen 47.

Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kita juga difahamkan bahawa kemungkinan besar pelajar-pelajar bukan sahaja dipengaruhi oleh parti-parti politik pembangkang malah juga mereka dipengaruhi oleh pensyarah-pensyarah mereka sendiri yang sepatutnya komited untuk mendidik pelajar-pelajar ini untuk menjadi anak-anak bangsa yang berjaya dan cemerlang.

Soalan tambahan saya, apakah kementerian telah mengenal pasti mereka ataupun pensyarah-pensyarah yang terlibat ini dan apakah pula tindakan yang telah diambil untuk menghalang mereka daripada menggunakan pelajar-pelajar ini dalam agenda mereka.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ingin saya nyatakan di sini, orang ramai hari ini agak salah fahamkan mengenai dengan AUKU ataupun Akta Universiti dan Kolej Universiti, di mana seolah-olah akta ini hendak menyekat kegiatan pelajar di

universiti. Saya beri jaminan di sini dengan adanya akta itu sebahagian besar daripadanya ialah mengenai dengan the governance of the university, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Mengenai dengan kegiatan politik yang dimaksudkan di sini ialah politik partisan iaitu penuntut-penuntut tidak dibenarkan untuk bergabung ataupun mencampurkan diri mereka dengan mana-mana parti politik ataupun dalam bahasa Inggeris ia dikatakan 'partisan politic'. Dengan ini, begitu juga seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi mengenai dengan sebilangan kecil pensyarah yang mempengaruhi pelajar, di sini ingin saya nyatakan bahawa kita memang senantiasa memantau keadaan di kampus.

Sebenarnya kita juga menasihatkan kepada para pensyarah supaya mereka menjalankan kegiatan mereka secara profesional, sekiranya mereka menjalankan kegiatan mereka iaitu kuliah dan sebagainya yang tidak melibatkan partisan politic, saya anggap mereka itu adalah kumpulan yang profesional. Tetapi buat setakat ini saya beri jaminan bahawa saya rasa ramai daripada mereka, sebahagian besar daripada mereka adalah mereka yang profesional tarafnya.

Mengenai dengan sama ada kami dapat kenal pasti ataupun tidak, saya beri jaminan juga kita akan menentukan bahawa universiti tetap sebagai sebuah universiti bukan kampus sebagai medan parti-parti politik.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mencadangkan meritokrasi sebagai satu pendekatan akan dilaksanakan dan disokong oleh Jemaah Menteri di IPTA. Dan salah satu sebabnya ialah kerana keciciran terlalu ketara di tahap pencapaian murid-murid, pelajar-pelajar bumiputera dan salah satu sebabnya seperti yang kita maklum ialah kerana adanya – saya hendak guna perkataan 'segelintir' ketua-ketua pertubuhan-pertubuhan pelajar di IPTA-IPTA yang mungkin menggunakan kuasa sebagai pemimpin untuk mengacau-bilaukan keadaan di kampus-kampus.

Kalau ianya segelintir Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada pihak kementerian, tidak bolehkah Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) ini digunakan dengan secepat mungkin untuk mengambil tindakan yang tegas kepada mereka yang segelintir ini tadi supaya barahnya tidak merebak kepada silent majority, pelajar-pelajar bumiputera yang lain yang hendak belajar.

Jadi, saya perhatikan Tuan Yang di-Pertua, dan hendak tahu sekarang ini berapa ramai pelajar-pelajar yang terpesong daripada akta ini yang diambil tindakan, apakah tindakan dan berapa ramai, dan berapa ramai pula pensyarah-pensyarah seperti yang dinyatakan oleh sahabat saya tadi yang sememangnya jelas mengambil bahagian menghasut pelajar-pelajar dan sebagainya diambil tindakan. Kalau tidak barah yang kecil itu sekarang ini telah pun dikuasai oleh meritokrasi dan ini Tuan Yang di-Pertua, akan mengakibatkan satu generasi kehilangan untuk bertapak di institusi-institusi terutamanya di IPTA. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, ini soalan panjang dan perlukan jawapan panjang. Boleh saya ringkaskan jawapan saya.

Beberapa Ahli: Ya, boleh.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Pertama ialah mengenai saranan dan teguran oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai dengan meritokrasi. Itu sebenarnya adalah apa kita kata saranan Yang Amat Berhormat. Kita cuma kemukakan itu sebagai saranan dan sekarang ini kita dapat satu perbincangan dan perbahasan di kalangan masyarakat mengenai dengan meritokrasi.

Jadi, pelbagai reaksi telah timbul di kalangan masyarakat mengenai dengan soal meritokrasi. Sebenarnya ramai daripada kita ada juga yang merasakan bahawa meritokrasi itu diasosiasikan dengan meritokrasi yang senantiasa dimainkan oleh pihak DAP. Sama sekali meritokrasi yang dibangkitkan oleh DAP tidak sama dengan meritokrasi yang dibangkitkan oleh pihak Yang Amat Berhormat.

Yang Amat Berhormat begitu jelas di sini kita berbincang mengenai dengan meritokrasi iaitu kecemerlangan penuntut-penuntut di IPTA, khususnya di kalangan penuntut-penuntut bumiputera dan sama sekali saya berpendapat bahawa Yang Amat Berhormat tidak pun menyentuh mengenai dengan sistem kuota. Dia menyentuh kemampuan serta bagaimana hendak mempertahankan kecemerlangan penuntut-penuntut di universiti di kalangan bumiputera.

Kalau saya ambil contoh sahaja di sini, angkanya memang panjang sekali. Umpamanya macam jumlah penuntut IPTA yang gagal dalam peperiksaan tahun akhir pada sesi akademik 2000/2001 di peringkat Ijazah Pertama mengikut jurusan. Kalau saya hendak sebut Tuan Yang di-Pertua, panjang Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Pendekkan sedikitlah.....

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: ...saya ambil contoh macam ini sahajalah. Universiti Malaya sahaja ini bukan bumiputera secara keseluruhan. Di Universiti Malaya sahaja bahagian profesional iaitu seperti bio perubatan, kejuruteraan, perakaunan, ukur bahan, seramai 50 orang gagal. Begitu juga di bahagian bukan profesional, 113 orang. UKM – profesional 7, bukan profesional 12; UPM – profesional 68, bukan profesional 224; UUM – profesional 2, bukan profesional 25; UMS – profesional 1, bukan profesional 7; UIAM – profesional 22, bukan profesional 30; UiTM – profesional dan sub profesional 830 orang; KUITTHO - baru seorang kes gagalanya.

Jadi, dalam hal ini, saya rasa kalau kita sebut lagi banyak masalahnya. Ada juga penuntut-penuntut yang digantung daripada pengajian mereka kalau saya sebut di sini adalah berpunca daripada masalah disiplin. Jadi, saya rasa dalam hal ini bila kita sebut meritokrasi janganlah bimbang. Kita cuma kita hendak betulkan keadaan.

Saya mintalah mereka daripada parti politik pembangkang terutama sekali PAS, mintalah sama-sama kita membantu bagaimana mempertahankan kecemerlangan akademik serta juga sahsiah penuntut itu.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: *[Bangun]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Janganlah kita campur adukkan politik partisan sehingga mengacau-bilaukan keadaan kampus. Ini kita tidak akan izinkan dan AUKU ini bukan untuk menahan mana-mana pihak untuk bergiat. Sebenarnya kita adalah garis panduan bagaimana hendak mentadbirkan universiti dan sebahagian kecil sahaja mengenai dengan disiplin pelajar.

Malah pihak pelajar juga berpeluang untuk melahirkan apa sahaja rasa ketidakpuasan hati melalui saluran-saluran yang tertentu. Mana ada sebuah negara dalam dunia, Perdana Menteri sendiri turun ke kampus-kampus bertemu dengan pemimpin pelajar dan juga pelajar untuk mendengar sendiri... *[Tepuk]* Termasuk ada juga forum secara formal dan tidak formal oleh Timbalan Perdana Menteri.

Jadi, apa lagi yang mereka hendak menzahirkan perkara-perkara yang tidak puas hati. Apa sahaja boleh dibincangkan oleh Perdana Menteri. Jadi, saya berharap janganlah disalahfahamkan satu mengenai dengan meritokrasi. Kedua, janganlah disalahfahamkan terutama sekali daripada pihak pembangkang yang cuba menghasut pihak pelajar-pelajar bahawa AUKU itu menyekat pelajar. Terima kasih. *[Tepuk]*

4. **Tuan Hassan bin Haji Shukri** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apakah faktor-faktor yang menyebabkan projek pembesaran Lapangan Terbang Pengkalan Chepa Kelantan dan Lapangan Terbang Kuala Terengganu tidak diteruskan dan adakah kerajaan bercadang untuk menghentikan terus projek ini. Jika ya, mengapa?.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak dapat meneruskan projek lapangan terbang oleh kerana Kerajaan Negeri Terengganu dan Kelantan tidak ingin memberikan tanah untuk membina lapangan terbang yang berkenaan yang telah dijanjikan oleh kerajaan berkenaan.

Sekiranya kerajaan berkenaan dapat selesaikan masalah ini, kerajaan akan meneruskan projek lapangan terbang ini.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya hendak tahu daripada pihak Kementerian Pengangkutan sejauh mana pemantauan yang telah dibuat oleh pihak kementerian terhadap kapal terbang-kapal terbang domestik yang berurusan dalam negara kita ini yang telah lama yang masih beroperasi dalam negara kita.

Yang saya lihat pengalaman saya sendiri dalam dua tiga minggu, mungkin dekat sebulan yang lepas penerbangan daripada Pengkalan Chepa ke KLIA. Kapal terbang tergendala apabila hendak berlepas. Tiga kali turun naik pelanggan terpaksa penerbangan yang pukul 6.30 pagi terpaksa ditukar kepada pukul 9.30 pagi menggunakan kapal terbang lain.

Jadi, tidak rasional kalau dalam suasana menaikkan tambang kapal terbang dalam keadaan perkhidmatan yang tidak setaraf untuk rakyat. Jadi, apa sebenarnya kedudukan. Berdasarkan ini saya hendak tahu penjelasan daripada pihak kementerian.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat. Masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah spesifik seperti yang dikatakan. Kalau Yang Berhormat boleh memberi bukti, saya akan memanggil MAS untuk membuat siasatan untuk perkara yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dahulu saya pernah menyarankan kepada kerajaan kalau sekiranya Kelantan dan Terengganu ini susah sangat hendak memberikan tanah untuk hendak memperluas dan memperbesarkan lapangan terbang di situ, saya

cadangkan pindah sahaja ke Kuantan, kita bersedia hendak memberi tanah dan kerajaan di sana di bawah kepimpinan kerajaan Barisan Nasional sedia hendak memberi peluang pelancong-pelancong ke pantai timur. Jadi, tidak bolehkah pihak kementerian menimbangkan dengan serta merta tukarkan sahaja.

Tuan Ir Donald Lim Siang Chai: Terima kasihlah cadangan Yang Berhormat. Memang saya tahu Yang Berhormat dari Kuantan tetapi kita tahu Kuantan adalah pintu untuk ke timur. Rakyat akan menimbangkan cadangan ini.
[Tepuk]

5. **Puan Chew Poh Thoi** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:-

- (a) kedudukan tentang nota bantahan dan penjelasan dari Indonesia tentang nelayan yang terbunuh di Hutan Melintang, di perairan Malaysia, dan
- (b) langkah yang diambil oleh kerajaan Malaysia untuk memastikan tragedi seperti ini tidak berulang.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab secara serentak kedua-dua soalan oleh Ahli Yang Berhormat Puan Chew Poh Thoi dan Yang Berhormat Tuan Kee Ah Kau mengenai kejadian penembakan bot nelayan Malaysia oleh kapal Peronda Tentera Nasional Indonesia Angkatan Laut (TNIAL) pada bulan Jun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, pihak berkuasa Indonesia mendakwa bahawa bot nelayan Malaysia terbabit berada di Perairan Indonesia semasa kejadian penembakan berlaku. Bot nelayan Malaysia juga dikatakan telah merempuh kapal peronda TNIAL semasa kejar mengejar. Tindakan pihak TNIAL melepaskan tembakan dan mengorbankan seorang nelayan Malaysia dikatakan atas alasan keselamatan. Dakwaan pihak berkuasa Indonesia ini memerlukan siasatan terperinci dan Malaysia sedang meneliti setiap laporan yang diterima termasuk laporan pihak polis Bukit Aman yang membuat siasatan secara berasingan berhubung dengan kejadian tersebut.

Soalan kedua, kerajaan Malaysia memandang serius perkara ini dan akan membawanya ke mesyuarat dua hala dengan Indonesia menerusi jawatankuasa sempadan bersama dan suruhanjaya bersama yang akan diadakan kelak. Sementara itu nelayan-nelayan Malaysia telah diingatkan supaya menjalankan

aktiviti memukat ikan di perairan Malaysia bagi mengelakkan daripada kejadian yang tidak diingini berulang. Jadi, untuk memastikan kedudukan semasa pemukat bot-bot nelayan Malaysia digalakkan memasang alat sistem penentu global atau JPS.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail.

[Soalan No. 6 - Y.B. Dato' Haji Ahmad bin Ismail tidak hadir]

7. **Dato' Hamzah bin Zainudin** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kementerian akan melaksanakan cadangan untuk menghentikan potongan caruman lebih 600,000 pekerja Indonesia di negara ini bagi mengurangkan beban pengurusan.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, sebagai Menteri yang bertanggungjawab bagi soal hak asasi manusia, kementerian saya memang mengambil maklum aktiviti-aktiviti Suhakam dan meneliti cadangan-cadangannya. Walau bagaimanapun, pendekatan ataupun cadangan Suhakam ini akan dipertimbangkan dengan mengambil kira semua faktor yang mempengaruhi kestabilan negara dan kesejahteraan rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Siti Zailah.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, sejauh manakah berkesannya peranan yang dimainkan oleh Suhakam sekarang ini di dalam membela hak asasi manusia dan kita lihat hari ini bagaimana hak-hak Suhakam ini hendaklah tidak dinafikan, sebab Suhakam ini telah diluluskan di dalam Parlimen. Jadi, setakat ini sejauh manakah pihak kementerian telah memberi perhatian kepada hak Suhakam di dalam memberi hak terutama tangkapan di bawah ISA setakat ini.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat ini saya ingin menjawab dengan ringkas bahawa bila Yang Berhormat menyoal hak-hak Suhakam adalah tertakluk kepada akta Parlimen yang telah menubuhkan badan ini dan kita seharusnya dapat memberikan bahawa pada masa ini kita nampak bahawa ruang-ruang khususnya untuk pembangkang membuat aduan banyak tempat dan kita nampak seharusnya ruang-ruang untuk mereka mengeluarkan perasaan tidak senang hati atau dengan perkara-perkara mengenai hak asasi manusia. Kerajaan telah menyediakan di bawah pemimpin kerajaan kita, kita telah memberikan ruang untuk mereka mengeluarkan pandangan-pandangan,

tetapi saya ingin memperingatkan di sini bahawa Suhakam adalah satu badan yang bebas dan diberikan peluang untuk menyuarakan tetapi yang pentingnya saya ingin mengingatkan di sini bahawa keputusan-keputusan atas cadangan-cadangan dan apa keputusan tindakan-tindakan atas keselamatan dan kesejahteraan rakyat kita adalah masih di dalam kuasa kerajaan kita sekarang.

8. **Tuan Haji Abdillah bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan adakah kementerian sedar bahawa masih terdapat barang-barang makanan yang tidak mempamerkan tarikh luputnya dan jika ya, apakah tindakan yang telah diambil oleh kementerian untuk memastikan barang-barang makanan ini tidak terus dijual kepada pengguna.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, penandaan tarikh luput pada label makanan hanya diwajibkan ke atas makanan tertentu sahaja sebagaimana yang termaktub di bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985 yang dikuatkuasakan oleh pihak Kementerian Kesihatan. Dengan yang demikian tidak semua barang makanan yang ada di pasaran perlu ditandakan atau dilabelkan dengan tarikh luputnya. Walaupun demikian, kawalan dijalankan oleh kerajaan khususnya melalui kementerian saya bagi menentukan barang-barang makanan yang tidak wajib dilabelkan dengan tarikh luput tersebut layak dijual bersesuaian dengan tujuan kegunaannya, dengan izin *fitness for purpose*. Dari aspek ini jika barang makanan yang dijual itu tidak lagi sesuai dimakan, tindakan diambil mengikut Akta Perihal Dagangan 1972. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abdillah.

Tuan Haji Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana telah memberi jawapan yang memuaskan. Walau bagaimanapun, saya ingin tahu sama ada bagi barang makanan yang mesti mempamerkan tempohnya dikesan dengan rapi kerana terdapat juga tempoh yang ditulis itu tidak berapa jelas. Jadi, selain daripada itu saya juga ingin tahu sama ada pemantauan juga dibuat di kawasan luar bandar supaya barang-barang yang perlu dipastikan tempohnya itu tidak dijual dengan secara luas. Sekian, terima kasih.

Tuan Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat yang begitu prihatin kepada pengguna-pengguna yang menggunakan barang-barang makanan.

Untuk makluman Yang Berhormat, penggunaan meletakkan tarikh luput adalah menjadi kewajipan pihak pengeluar makanan menentukan sendiri tarikh ketahanan makanan yang dikeluarkan oleh pihak mereka. Jadi, bentuk penandaan tarikh adalah mengikut pilihan seperti berikut

- (a) tarikh akhir berkenaan sesuatu makanan hendaklah ditunjukkan mengikut salah satu bentuk berikut iaitu:-
 - (i) *'tarikh akhir'* atau *'t.h. akhir'*, *'guna sebelum'* atau *'guna sb!'*;
 - (ii) *'makan sebelum'* atau *'makan sb!'* dan *'minum sebelum'* atau *'minum sb!'*.
- (b) Tarikh ketahanan minuman berkenaan dengan sesuatu bungkus makanan hendaklah ditunjukkan dalam bentuk berikut:-
 - (i) *'baik sebelum'* atau *'baik sb!'*.
 - (ii) penggunaan perkataan lain seperti *'dikilangkan pada'* adalah ditandakan secara sukarela kerana tidak berasaskan kepada keperluan perundangan.

Yang Berhormat juga membangkitkan berkenaan dengan pemeriksaan atau pemantauan di daerah pedalaman atau di desa-desa. Kementerian saya membuat pemeriksaan baik di bandar mahupun di kawasan pedalaman dengan saksama iaitu di bawah Akta Perihal Dagangan, peruncit-peruncit yang menawarkan makanan mesti mematuhi akta ini iaitu layak bagi maksud yang saya katakan tadi iaitu dengan izin *fitness for purpose*. Kalau ada apa-apa barang-barang makanan yang tidak sesuai untuk maksudnya, maka di bawah akta ini kita boleh mengambil tindakan yang tegas. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Dato' Dr Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya apakah akan terjadi kalau label-label yang dipasang itu telah ditukar oleh penjual kerana pada pemerhatian saya masih ada banyak jenis barangan yang label itu tidak dalam bentuk yang tidak dapat dikeluarkan dan hanya dilekatkan pada barangan itu sahaja dan mungkin dekat dengan tarikh luput itu, penjual itu sendiri menggantikan label. Bagaimana kementerian boleh memastikan bahawa itu tidak berlaku dan bagaimana pengguna itu boleh memastikan barangan itu selamat digunakan. Terima kasih.

Tuan Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr Chin Fook Weng. Sesungguhnya kegagalan meletakkan tarikh luput adalah satu peraturan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985 yang di bawah Kementerian Kesihatan. Walau bagaimanapun, kementerian saya mengambil berat tentang masalah ini. Di peringkat kilang faktor-faktor ini boleh dikawal tetapi kawalan menjadi sukar di peringkat peruncit yang terdapat ramai pengendali. Kegagalan mengambil berat tentang faktor-faktor di atas boleh menyebabkan jangka simpanan sesuatu makanan dalam tin, bekas dan sebagainya menjadi lebih singkat daripada sepatutnya.

Jadi, saya merayulah kepada pengguna-pengguna iaitu merayu kepada kerjasama dan peranan mereka untuk memastikan bahawa makanan tin, bekas dan sebagainya diteliti terlebih dahulu sebelum membeli dan menolaknya. Jika tin, bekas dan sebagainya telah rosak, kemek, berkarat, bonjol atau telah melepasi tarikh luput, aduan boleh dibuat kepada Kementerian Kesihatan atau di semua pejabat cawangan atau bilik gerakan ibu pejabat Bahagian Penguatkuasa. Di sini saya bekalkan telefon iaitu telefon kementerian saya talian panas atau *hotline* [Ketawa] jangan fikir yang bukan-bukan ya. 03-40436888 atau 03-40437888. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz.

9. Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan implikasi kegawatan ekonomi sejak 1998 terhadap pencapaian bumiputera mengikut matlamat dasar ekonomi baru dan dasar pembangunan negara dan nyatakan langkah-langkah yang boleh mempercepatkan pencapaian matlamat itu menerusi dasar wawasan negara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Douglas Unggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum negara mengalami kemelesetan ekonomi pada tahun 1998 khususnya dalam tempoh Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional, negara telah berjaya mencapai kadar pertumbuhan yang tinggi dan rakyat telah menikmati taraf hidup yang lebih baik. Pertumbuhan yang tinggi tersebut telah membantu pencapaian matlamat menyusun semula masyarakat termasuk menyusun semula ekuiti sektor korporat.

Pemilikan ekuiti bumiputera telah meningkat daripada 2.4% pada tahun 1970 kepada 19.4% pada tahun 1990 dan 20.6% pada tahun 1995. Bilangan dan peratusan guna tenaga bumiputera khususnya dalam pekerjaan profesional juga

terus meningkat dalam tempoh berkenaan. Walau bagaimanapun, kegawatan dan kemelesetan ekonomi yang dialami telah memberi kesan kepada pencapaian ekuiti bumiputera. Peratusan pemilikan ekuiti bumiputera dalam sektor korporat telah berkurangan daripada 20.6% pada tahun 1995 kepada 19.4% pada tahun 1998 dan menurun lagi kepada 19.1% pada tahun 1999.

Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang boleh mempercepatkan pencapaian matlamat meningkatkan penyertaan bumiputera dalam ekonomi negara di bawah Dasar Wawasan Negara adalah melalui program-program strategik seperti menggembelngkan sumber modal bumiputera dan mempelbagaikan penyertaan ke dalam aktiviti baru yang berkembang pesat seperti bidang k-ekonomi ataupun ekonomi berasaskan pengetahuan, ICT dan aktiviti yang mempunyai nilai tambah yang tinggi seperti elektrik dan elektronik, bioteknologi, *pharmaceutical*, petro kimia dan komposit termaju. Bagi mencapai matlamat tersebut, usahawan bumiputera mestilah memperolehi teknologi yang diperlukan di samping mempunyai keupayaan kewangan dan pengurusan.

Dalam hubungan ini, perkongsian bijak antara syarikat antarabangsa dan syarikat bukan bumiputera akan digalakkan. Seterusnya kerajaan akan terus melaksanakan program-program seperti penswastaaan, *vendor*, *franchise*, skim modal teroka, kemudahan kredit dan latihan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan: Kebelakangan ini kita dapati banyak syarikat gergasi kepunyaan bumiputera telah kecundang sehinggakan kerajaan menerusi agensi-agensinya terpaksa terutamanya mengambil alih saham Syarikat Penerbangan MAS. Yang keduanya, yang paling terbaru, kerajaan terpaksa, menerusi dana sahamnya, mengambil alih United Engineers dan juga Renong. Jadi saya ingin mengetahui - banyak syarikat-syarikat yang lain yang mungkin terpaksa diambil alih oleh dana saham atau dana modal ataupun dana harta - saya ingin mengetahui sekarang, khazanah yang mengambil alih kepentingan-kepentingan dari segi harta, aset, hartanah dan dari segi saham syarikat-syarikat yang bermasalah ini, adakah ianya ditakrifkan sebagai masih lagi dimiliki oleh bumiputera ataupun telah diambil alih dan kepentingan bumiputera tidak termasuk dalam senarai seperti yang termaktub di dalam jumlah 19.1% tadi? Jadi kalau tidak, berkemungkinan besar peratusan ekuiti bumiputera di dalam saham-saham yang berdaftar di Bursa Saham Kuala Lumpur

lebih teruk daripada apa yang dikatakan oleh perjanjian. Saya ingin mengetahui dari segi takrifnya, dan kalau ini berlaku apakah caranya dan menerusi dasar baru iaitu Dasar Wawasan Negara Rancangan Malaysia Kelapan ini untuk hendak mempercepatkan pembaikan pulih supaya ekuiti bumiputera dapat mencapai bukan sahaja ke tahap 20.6% iaitu sebelum kegawatan tetapi mencapai 30%?

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha kerajaan untuk hendak mengambil alih beberapa syarikat hendaklah dibuat atas kepentingan negara. Jadi sama ada ianya akan menjayakan pegangan ekuiti bumiputera itu tidak akan berlaku kerana khazanah adalah dipunyai oleh kerajaan dan kerajaan akan menentukan apa-apa usaha yang diambil, ia nanti tidak akan menjejaskan dasar-dasar kerajaan untuk meningkatkan penyertaan bumiputera di dalam bidang-bidang ini kerana kita dalam OPP3 matlamat kita jelas untuk mencapai peratusan 30% dalam penghujung OPP3 iaitu 2010.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Rosli.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya: Kita merasa bangga di atas pencapaian walaupun kita menghadapi kegawatan ekonomi baru-baru ini yang mana pencapaian yang masih berada dari bentuk ekuiti bumiputera pada tahun 1999 sebanyak 19.1%. Tetapi di pasaran ada bercakap sama ada di dalam majalah-majalah, business dan sebagainya masih mempersoalkan berapakah sebenarnya ekuiti bumiputera individu daripada komponen 19.1% itu. Apakah benar dakwaan yang menyatakan ekuiti sebenar bumiputera di dalam ekuiti tersebut ataupun di dalam pegangan sebanyak 19.1 itu hanya di antara 2% - 4% kerana yang lainnya ialah ekuiti yang dilihat bertaraf bumiputera tetapi dimiliki oleh syarikat-syarikat kerajaan ataupun anak-anak syarikat-syarikat kerajaan? Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, anggapan itu adalah tidak benar. Mengikut angka yang ada pada kita iaitu hak milik modal saham syarikat berhad mengikut kumpulan etnik dan sektor pada tahun 1999, jumlah peratusan pegangan individu bumiputera adalah 14.3%, institusi-institusi ada 31% dan agensi amanah adalah 1.7%.

10. **Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengenai hasil kajian yang dibuat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri dan rombongannya ke Amerika Syarikat dan United Kingdom berkaitan dengan sistem penjara di sana bagi mengatasi kesesakan penjara-penjara sekarang. Adakah

pihak penjara akan menjalankan sistem parol untuk banduan-banduan agar mereka menjadi insan yang berguna kepada masyarakat bila dibebaskan kelak.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]:

Tuan Yang di-Pertua, jawatankuasa teknikal yang diketuai oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri bagi mengkaji sistem kepenjaraan dan pelaksanaan sistem parol di United Kingdom dan Amerika Syarikat masih belum berkesempatan untuk membuat lawatan sebagai mana yang dikatakan sebelum ini. Jawatankuasa ini telah terpaksa menangguhkan lawatan kerja ini disebabkan oleh faktor masa dan keadaan yang belum mengizinkan. Walau bagaimanapun, rombongan ini telah dijadualkan berlepas ke United Kingdom dan Amerika Syarikat pada 16 September 2001 untuk melakukan lawatan dan kajian sebagaimana yang telah dirancang.

Kerajaan memang bercadang untuk melaksanakan sistem parol ke atas banduan-banduan yang memenuhi kriteria dan berisiko rendah. Lawatan yang akan diadakan nanti adalah bagi melihat sendiri bagaimana sistem parol ini dijalankan dan apakah institusi-institusi sokongan yang diperlukan. Oleh itu persoalan sama ada sistem parol ini akan dilaksanakan atau tidak adalah bergantung kepada hasil kajian yang dijalankan ke atas undang-undang sedia ada, keperluan diwujudkan, undang-undang baru serta kemampuan kerajaan dalam menubuhkan satu badan khas untuk mengendalikan pelaksanaan sistem parol ini.

11. **Tuan K.R.A. Naidu** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk menangani masalah liputan telefon bimbit yang menyebabkan ketidakpuasan hati di kalangan pengguna yang mengikut satu kajian kini mencapai 70% daripada pengguna telefon bimbit pada masa ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia

[Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada amnya, aduan yang diterima oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKM) mengenai perkhidmatan pemberi telefon cellular bergerak telah pun di bawa ke perhatian pemberi perkhidmatan yang berkenaan terlebih dahulu oleh para pengguna sendiri. Aduan pengguna adalah diselesaikan di peringkat pemberi perkhidmatan. Jumlah aduan pengguna yang diterima oleh SKM mengenai perkhidmatan pemberi telefon cellular bergerak tidak banyak dan SKM memastikan bahawa aduan pengguna didatangi oleh pemberi perkhidmatan yang berkenaan. Sebagai tindakan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan, pemberi perkhidmatan

telefon bimbit dikehendaki untuk mengemukakan rancangan bagi memperbaiki perkhidmatan masing-masing untuk perkara-perkara yang dikenal pasti oleh kajian.

Di samping itu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia akan memantau pemberi perkhidmatan supaya mereka mematuhi rancangan yang dikemukakan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan. Pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia juga akan mengadakan kajian setiap suku tahun sekali sehingga kualiti perkhidmatan bertambah baik. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan K.R.A Naidu.

Tuan K.R.A Naidu: Tuan Yang di-Pertua, penyelidikan tentang penggunaan telefon bimbit di Amerika Syarikat dan negara-negara Barat yang lain menunjukkan adanya bahaya kepada pengguna-pengguna oleh kerana *radioactive waves*, dengan izin, yang terdapat di telefon bimbit. Adakah kementerian sedar tentang ini dan apakah langkah-langkah atau tindakan-tindakan yang diambil untuk menjaga kesihatan pengguna telefon bimbit tidak terjejas.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, kajian yang dijalankan oleh World Health Organisation (WHO) dan lain-lain badan tidaklah conclusive walaupun ada kajian yang mengatakan radioactive adalah dalam tahap yang bahaya. Dan ada kajian termasuk kajian oleh WHO tidak mengatakan seperti itu, tetapi kebanyakan mereka tidak menentukan atau non conclusive seperti yang dinyatakan. Walau bagaimanapun, pengguna-pengguna dinasihatkan bahawa jangan gunakan terlalu lama, bukan jangan cagak banyak tetapi [*Ketawa*] menggunakan peralatan-peralatan lain seperti wireless dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya: Beberapa bulan yang lalu kementerian ini telah melakukan satu kajian terhadap kepuasan pengguna-pengguna telefon bimbit ini, tetapi selepas kajian ini nampaknya masih tidak ada satu perkembangan yang baik. Apakah langkah yang telah diambil oleh kementerian sejak kajian itu dan adakah perakuan-perakuan yang dibuat itu telah dilaksanakan, dan adakah kementerian meninjau sejauh mana keberkesanannya terhadap perakuan-perakuan itu? Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar bahawa kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia telah menjalankan satu kajian untuk menentukan satu Indeks Kepuasan Pengguna atau Consumer Satisfaction Index dan ini meliputi bidang-bidang seperti telefon fixed-line, telefon bimbit, penyiaran iaitu broadcasting termasuk TV dan radio dan juga mengadakan

indeks untuk Internet Services, dengan izin. Kebanyakan indeks yang dikeluarkan melalui kajian ini boleh dikatakan memuaskan kerana kebanyakan indeks lebih daripada 70% walaupun ada beberapa bidang atau sektor yang perlu diperbaiki perkhidmatannya dan semua keputusan yang diperolehi dari kajian ini telah disiarkan melalui satu sidang akhbar. Dan melalui pengumuman Indeks Pengguna ini diharapkan bahawa semua pemberi perkhidmatan atau operators dapat mempertingkatkan mutu perkhidmatannya. Kalau mengikut pemberian perkhidmatan, adalah lebih kurang bersamaan dengan persepsi, dan oleh sebab ini kebanyakan pengguna telah beralih kepada satu operasi atau pemberi perkhidmatan yang tertentu dan kesan dan akibatnya mutu perkhidmatan itu kurang sedikit kerana terlalu ramai orang menggunakan perkhidmatan itu. Sekian, terima kasih.

[Soalan No. 12 - Y.B Puan Nosimah Hashim tidak hadir]

13. Puan Hajah Che Jam binti Harun minta Menteri Pertahanan menyatakan setakat ini adakah Kementerian dapat mengesan saluran dan kerjaya anggotanya yang telah bersara yang setelah menyertai kursus peralihan dan di bidang apakah ramai yang menyertainya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertahanan sentiasa mengambil berat kebajikan bekas-bekas tentera dan ini telah ditunjukkan melalui penubuhan jabatan khusus yang menjaga kebajikan dan seterusnya memantau perkembangan bekas anggota tentera iaitu Jabatan Hal Ehwal Veteran. Selain dari itu kementerian juga berusaha mengukuhkan peranan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) untuk memastikan program latihan pertahanan berjalan dengan lancar. Walau bagaimanapun, setakat ini Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM dan PERHEBAT tidak dapat mengesan saluran dan kerjaya ATM yang telah bersara setelah menyertai kursus peralihan memandangkan kebanyakan yang telah memperolehi kerjaya tidak melaporkan kedudukan mereka kepada Jabatan Hal Ehwal Veteran mahupun PERHEBAT. Hanya mereka yang masih belum memperolehi kerjaya dan mendaftarkan diri dalam PERHEBAT - Employment Exchange Portal yang dilancarkan pada 28 Jun 2001 - dapat dikesan dan dipantau oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran dan PERHEBAT.

Kementerian juga ingin menjelaskan bahawa tidak semua kerjaya yang diceburi pesara ATM adalah berkaitan dengan kursus yang diikuti semasa

menjalankan kursus peralihan. Walau bagaimanapun, Jabatan Hal-Ehwal Veteran mempunyai rancangan jangka panjang untuk mewujudkan sistem pengesanan saluran dan penempatan kerjaya pesara ATM untuk tujuan memberi sokongan dan bantuan bagi meningkatkan kerjaya mereka. Dari segi latihan setakat ini, tiada bidang khusus yang menjadi tumpuan penyertaan oleh pesara ATM.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Mengapakah terdapat ramai bekas-bekas tentera yang tidak menggunakan kepakaran dan kemahiran semasa dalam perkhidmatan dan juga semasa kursus peralihan apabila tamat perkhidmatan, tetapi sebaliknya memilih kerjaya yang merangkumi bidang baru bagi mereka. Adakah mereka diberi khidmat kaunseling sebelum membuat pilihan untuk kursus peralihan mereka yang sesuai dengan keadaan semasa? Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad. Sememangnya sebelum mereka hendak bersara, kita bagi tempoh sekurang-kurangnya enam bulan untuk mereka dilatih dalam kursus di PERHEBAT dan pelbagai kursus yang kita sediakan meliputi minat masing-masing dan kita bagi panduan sebelum itu dan tiada paksaan kepada mana-mana pihak dan mereka mempunyai pilihan sendiri mana bidang kursus yang mereka akan ceburi mengikut minat masing-masing dan maklumlah kadang-kadang kita faham bahawa minat yang mereka ceburi adalah satu bidang kemungkinan, bukanlah satu bidang yang kita agak dapat melengkapkan diri mereka bilamana mereka keluar daripada perkhidmatan angkatan tentera.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi Jawab Lisan sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No 13 hingga 21 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BEKALAN ELEKTRIK (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.14 pagi.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mengemukakan Rang Undang-undang bernama Rang undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2000 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2000 digubal ekoran daripada keputusan kerajaan untuk menubuhkan Suruhanjaya Tenaga yang bertujuan untuk memperkukuhkan dan mempertingkatkan keberkesanan kawal selia sektor tenaga iaitu bekalan elektrik dan bekalan gas.

Saya ingin memaklumkan bahawa penubuhan Suruhanjaya Tenaga akan melibatkan pemindahan kuasa kawal selia daripada badan kawal selia yang sedia ada iaitu Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas kepada Suruhanjaya Tenaga. Sesuai dengan penubuhan Suruhanjaya Tenaga beberapa pindaan perlu dibuat terhadap Akta Bekalan Elektrik 1990, Akta 447 bagi memastikan wujudnya kesinambungan dalam pelaksanaan kawal selia ke atas sektor tenaga. Di samping itu, pindaan juga dilakukan terhadap Akta 447 bagi menguatkuasakan beberapa dasar baru kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi huraian mengenai aspek-aspek utama yang terlibat dalam pindaan kepada Akta Bekalan Elektrik 1990 bagi tujuan memastikan kesinambungan antara Rang Undang-undang Suruhanjaya Tenaga dengan Akta 447 dan seterusnya membolehkan pemindahan kuasa kawal selia daripada Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas kepada Suruhanjaya Tenaga.

Fasal-fasal yang terlibat adalah seperti berikut:

Fasal 4, yang meminda Seksyen 2 kepada Akta ibu di mana definisi 'elektrik' dipinda supaya sama dengan definisi 'elektrik' dalam Rang Undang-undang Suruhanjaya Tenaga.

Fasal 4, 7, 10, 13, 14, 15, 16, 17, 22, 23, 24, 25, 26, 28, 32, 33, 34, 35, 36, 37 dan 39 meminda seksyen-seksyen yang berkaitan di mana perkataan "Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah, Timbalan Pengarah, Penolong

Pengarah Bekalan Elektrik dan mana-mana pegawai yang lain" di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 dipinda dan digantikan dengan perkataan 'Suruhanjaya atau Pengerusi' mengikut kesesuaian konteks peruntukan.

Fasal 8, yang melibatkan perenggan baru 4A di mana satu seksyen baru mengenai pegawai diberi kuasa atau *authorized officer* dengan izin, diperkenalkan untuk melicinkan penguatkuasaan Akta Bekalan Elektrik apabila Suruhanjaya Tenaga ditubuhkan. Pegawai diberi kuasa dalam konteks Suruhanjaya Tenaga merujuk kepada mana-mana pegawai awam atau pegawai suruhanjaya yang diberi kuasa secara bertulis oleh menteri.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh tentang peruntukan-peruntukan baru ataupun pindaan kepada peruntukan yang sedia ada dalam Akta Bekalan Elektrik 1990 untuk tujuan penguatkuasaan Dasar Baru kerajaan. Fasal-fasal yang terlibat adalah seperti berikut:

- (a) Fasal 13, yang meminda Seksyen 9 Akta itu di mana satu peruntukan baru iaitu Seksyen 9(2A) diwujudkan bagi tujuan memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk mengenakan surcaj berdasarkan kadar 1% sebulan atau sebahagian dari sebulan atau pada apa-apa kadar yang akan ditetapkan ke atas pemegang lesen kerana lewat membuat pembayaran lesen. Rasional untuk mengadakan peruntukan baru ini ialah untuk menggalakkan pemegang lesen melakukan pembayaran mengikut tempoh masa yang ditetapkan.
- (b) Fasal 18, yang melibatkan bahagian baru VA yang mengandungi Seksyen 23A, 23B dan 23C adalah bertujuan untuk menggalakkan penggunaan elektrik dengan cekap dengan izin, *electricity efficiency*. Cadangan Seksyen 23A akan membolehkan menteri meletakkan peraturan dalam semua hal berkaitan penggunaan elektrik dengan cekap manakala Seksyen 23B dan Seksyen 23C melarangkan pengilangan, penjualan atau penggunaan pemasangan peralatan yang tidak memenuhi piawaian berhubung dengan penggunaan elektrik dengan cekap.
- (c) Fasal 19, yang melibatkan peruntukan baru iaitu Seksyen 26A memberikan kuasa kepada pemegang lesen untuk mengenakan surcaj tertakluk kepada syarat dan kadar yang akan ditetapkan oleh menteri ke atas pengguna-pengguna yang lewat membayar bil

kepadanya. Tujuan cadangan ini ialah untuk menghindarkan pengguna dari lewat membayar bil mereka.

- (d) Fasal 21, yang melibatkan peruntukan baru iaitu Seksyen 28A dan peruntukan pemegang lesen hendaklah membayar kepada seseorang tertakluk kepada syarat dan kadar yang akan ditetapkan sejumlah wang bersamaan dengan faedah tahunan bagi sesuatu cagaran yang dikemukakan. Cadangan ini dibuat ekoran daripada rungutan pengguna-pengguna yang berpendapat bahawa mereka harus menikmati faedah yang terakru ke atas cagaran mereka.
- (e) Fasal 29, yang melibatkan pindaan kepada Seksyen 38 mengandungi dua peruntukan baru yang diperkenalkan selaras dengan pindaan kepada Akta Rumah Judi Terbuka 1953. Cadangan pindaan yang dimaksudkan melibatkan pemotongan bekalan elektrik kepada premis-premis yang terlibat dalam pengendalian mesin perjudian haram dan adalah bertujuan membantu kerajaan dalam usaha membanteras masalah perjudian yang berleluasa dalam negara ini.

Seksyen 38(1A) baru membolehkan pegawai polis yang berpangkat tidak kurang dari Penolong Penguasa Polis untuk memohon kepada suatu pihak kuasa bekalan atau pemegang lesen untuk memotong bekalan elektrik kepada premis-premis yang terlibat dalam pengendalian mesin judi haram untuk satu tempoh tidak melebihi satu bulan di bawah Seksyen 21A kepada Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

Seksyen 38(2A) baru pula menerangkan penyambungan semula bekalan elektrik kecuali kebenaran bertulis diperolehi dari pegawai polis yang berpangkat tidak kurang dari Penolong Penguasa Polis.

- (f) Fasal 30, yang meminda Seksyen 42 Akta ibu memperuntukkan bahawa tidak ada pendakwaan boleh dijalankan bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta 447 kecuali setelah keizinan bertulis diperolehi daripada Pendakwa Raya. Tujuan pindaan ini ialah untuk mengelakkan dari berlaku salah guna kuasa oleh pegawai-pegawai suruhanjaya.

- (g) Fasal 31, mengenai pindaan kepada Seksyen 43 Akta ibu memberikan kuasa kepada Pengerusi Suruhanjaya Tenaga untuk mengenakan kompaun dengan keizinan bertulis dari Pendakwa Raya bagi kesalahan di bawah Akta 447 dengan mengutip daripada mana-mana orang yang disyaki melakukan sesuatu kesalahan denda yang tidak melebihi 50% daripada jumlah denda maksimum untuk kesalahan tersebut.

Seksyen 43(1A) baru memperuntukkan bahawa semua wang yang diperolehi dari kompaun bagi sesuatu kesalahan yang dilakukan hendaklah dimasukkan dan menjadi sebahagian dari Kumpulan Wang Disatukan.

- (h) Fasal 38 yang meminda Seksyen 53 Akta ibu memperkenalkan satu peruntukan baru iaitu Seksyen 53(2) untuk membenarkan denda dikenakan terhadap sebarang kesalahan di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta 447. Peruntukan ini menetapkan bahawa denda yang dikenakan bagi sesuatu kesalahan tidak boleh melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi setahun atau kedua-dua hukuman bagi kesalahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan lain dalam Akta Bekalan Elektrik 1990 hanya merupakan pindaan kecil atau diakibatkan oleh pindaan lain. Saya yakin bahawa dengan adanya Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2000, urusan penguatkuasaan kawal selia ke atas sektor tenaga akan diperkukuh. Di samping itu cadangan pelaksanaan beberapa dasar baru semasa oleh kerajaan akan memastikan keadilan kepada semua pihak sama ada rakyat sebagai pengguna atau pihak industri. Rang undang-undang ini juga merupakan pelengkap kepada usaha-usaha kerajaan untuk menangani masalah sosial khususnya aktiviti perjudian mesin haram.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini sedar bahawa keberkesanan undang-undang yang berniat murni ini hanya akan terhasil sekiranya dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Oleh yang demikian, rang undang-undang ini memerlukan sokongan yang menyeluruh daripada semua pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia

[Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Bekalan Elektrik 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Dato' Lee Pit Chern.

11.27 pagi.

Dato' Lee Pit Chern: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2000 hari ini. Pindaan ini dibuat ekoran daripada keputusan kerajaan untuk menubuhkan Suruhanjaya Tenaga yang bertujuan untuk memperkukuh dan mempertingkatkan keberkesanan kawal selia sektor tenaga. Kuasa kawal selia dipinda daripada Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas kepada Suruhanjaya Tenaga.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada pindaan ini dalam Seksyen 26A bagi tujuan mengenakan surcaj kepada lewat membuat pembayaran mengikut tempoh masa yang ditetapkan, saya ingin mendapat pandangan dan maklumat daripada pihak Kementerian Tenaga Komunikasi dan Multimedia mengapa TNB boleh mengutip surcaj daripada pihak pengguna mulai Julai tahun lepas sebelum pindaan Akta 447 yang dibentangkan penggubalan pada hari ini sebelum rang undang-undang ini diluluskan. Saya ingin tahu, mengapa ini berlaku?. Sila memaklumkan jumlah surcaj yang telah dikutip sepanjang setahun. Jika pengutipan ini adalah salah dari sisi undang-undang, adakah pihak kementerian akan mengarahkan pihak pemegang lesen untuk memulangkan semua bayaran surcaj ini serta semua faedah kepada pengguna-pengguna.

Saya juga ingin tahu, adakah masalah pengguna lewat bayar bil elektrik mereka ini sesuatu masalah yang serius di mana TNB terpaksa mengenakan surcaj. Jikalau boleh, sila berikan jumlah kes di mana TNB telah lewat dibayar oleh pengguna. Di sini saya juga ingin mengetahui, bagaimana pula dengan pengguna komersial yang menggunakan tenaga elektrik dalam urusan perniagaan mereka seperti kedai, kilang dan sebagainya. Apakah tindakan TNB yang boleh diambil jika mereka lambat atau enggan bayar bil elektrik mereka. Jika mereka ini melibatkan syarikat besar ataupun korporat yang terkenal saya, bercadang supaya senarai itu dikemukakan supaya kita semua tahu, siapakah mereka ini sepanjang masa menggunakan tenaga elektrik tetapi enggan bayar pada masa yang ditetapkan.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Saya masih ingat bekas pengerusi TNB Dato' Ahmad Tajuddin yang mengatakan ada di antara mereka yang menggunakan tenaga tetapi enggan bayar dan pihak TNB terpaksa menanggung kos yang tinggi. Ini seolah-olah seperti mendapat pinjaman tanpa bayar faedah. Bagi mereka yang berniaga dan meminjam duit dari bank, satu hari lewat bayar pun pihak bank akan mengenakan faedah sampai jumlah pinjaman dijelaskan. Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak TNB mengasingkan pengguna domestik dan pengguna komersial. Dato' Tajuddin juga mengatakan, masalah pengguna domestik yang tidak bayar bil tidak serius. Bagi pihak pengguna komersial yang ingin mengambil kesempatan TNB, pihak TNB boleh menyediakan sesuatu tindakan terhadap mereka termasuk mengenakan faedah terhadap bil-bil yang lewat dibayar sehingga mereka menjelaskan. Ini akan mendisiplinkan mereka yang minat untuk mengambil kesempatan dan turut menjelaskan bayaran pada masa tetap.

Saya menganggap ini penting bagi pihak TNB sebab tahap pengguna bekalan elektrik jauh lebih tinggi daripada penggunaan domestik. Saya menyeru kepada pihak TNB, janganlah mengenakan tindakan yang sama kepada semua dan pada hakikatnya, TNB boleh tahu secara spesifik punca masalah tunggakan bil. Di sini saya harap TNB tidak memberi layanan yang kurang adil kepada pengguna yang genuine, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada pihak TNB sama ada pembayaran bil elektrik di Pejabat Pos boleh menyebabkan kelewatan bagi pihak TNB menerima bayaran. Jika ia merupakan salah satu punca masalah, mungkin pihak pos dan TNB harus mencari jalan untuk melicinkan dan mempercepatkan bagi bayaran kepada TNB. Kita sekarang berada dalam era IT di mana kebanyakan kerja telah dijalankan oleh komputer. Kerja-kerja yang memerlukan beberapa hari untuk selesai pada zaman dahulu telah boleh diselesaikan dengan sekelip mata sekarang.

Dengan kata-kata sedemikian saya memohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Tuan K. R. A Naidu.

11.35 pagi.

Tuan K. R. A Naidu: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2000.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini diperlukan oleh kerana keputusan kerajaan untuk menubuhkan Suruhanjaya Tenaga yang bertujuan untuk mempertingkatkan keberkesanan kawal selia sektor tenaga. Kuasa kawal selia dipinda daripada Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas kepada Suruhanjaya Tenaga. Saya menyokong penuh usaha kerajaan untuk meningkatkan keberkesanan kawal selia bekalan elektrik dan gas negara. Kita memindahkan kuasa daripada Jabatan Elektrik dan Gas kepada Suruhanjaya Tenaga yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Tenaga 2000. Ini adalah satu langkah yang bijak memandangkan peningkatan permintaan tenaga elektrik mempunyai koordinasi yang begitu mendalam dengan peningkatan ekonomi negara. Sekiranya kita menganggarkan pertumbuhan GDP negara kita pada kadar 5% pada tahun 2001 dan 6% pada tahun 2002 maka peningkatan permintaan tenaga elektrik adalah pada kadar 9% hingga 10%. Oleh itu keberkesanan dalam mengawal selia bekalan elektrik ini adalah perlu diberi perhatian yang berat.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada pindaan ini dalam Seksyen 9(2A) diwujudkan bagi memberi kuasa kepada suruhanjaya untuk mengenakan surcaj berdasarkan kadar 1% sebulan atau sebahagian daripada sebulan atau pada apa-apa kadar yang akan ditetapkan ke atas pemegang lesen kerana lewat membuat pembayaran lesen supaya mereka akan melakukan pembayaran lesen mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Pewujudan Seksyen ini adalah adil kerana pihak pengguna bekalan elektrik dan gas pun dikenakan surcaj oleh TNB iaitu pemegang lesen dalam Seksyen 26A.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 26A telah memberikan kuasa kepada pemegang lesen untuk mengenakan surcaj kepada pengguna-pengguna yang lewat membayar bil kepadanya supaya dapat menggalakkan pengguna membayar bil dalam tempoh masa yang diberikan. Saya di sini ingin mendapat pandangan dan maklumat daripada pihak yang berkenaan, mengapa pihak pemegang lesen boleh mengutip surcaj daripada pengguna-pengguna mulai Julai 2000 sebelum pindaan Akta 447 yang dibentangkan pada sesi ini. Sebelum ianya diluluskan, saya juga ingin tahu mengapa ini berlaku, dan juga makluman amaun surcaj yang telah dikutip sejak tarikh ini perlu diberitahu.

Sekiranya pengutipan surcaj sebelum ini adalah salah dari segi undang-undang, pihak kementerian harus mengarahkan pihak pemegang lesen untuk

memulangkan semula bayaran surcaj itu dengan bunga kepada pengguna-pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 28A telah memperuntukkan pemegang lesen hendaklah membayar bunga tahunan bagi sesuatu cagaran yang dibayar oleh pengguna. Peruntukan undang-undang ini patut dipuji dan akan dapat menyelesaikan rungutan pengguna-pengguna selama ini. Saya ingin tahu berapakah amaun cagaran telah dibayar oleh para pengguna dan berapakah kadar faedah atas wang cagaran yang akan diberikan?

Tuan Yang di-Pertua, tentang seksyen 38 yang mengandungi dua peruntukan baru yang diperkenalkan selaras dengan pindaan kepada Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953. Pindaan ini melibatkan potongan bekalan elektrik kepada premis-premis yang terlibat dalam pengendali mesin perjudian haram. Pindaan ini akan dapat membantu pihak penguat kuasa kerajaan yang terdiri daripada beberapa jabatan seperti pejabat daerah, pejabat pihak berkuasa tempatan, pihak polis dan lain-lain jabatan dalam usaha membanteras masalah pusat mesin perjudian haram.

Tuan Yang di-Pertua, dalam seksyen 38(1 A) telah membolehkan pegawai polis yang berpangkat tidak kurang daripada Penolong Penguasa Polis untuk memohon kepada pemegang lesen TNB untuk memotong bekalan elektrik kepada premis-premis yang terlibat dalam pengendalian mesin judi haram untuk satu tempoh tidak melebihi satu bulan di bawah seksyen 21 A kepada Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953. Kuasa ini jika boleh patut diberikan juga kepada pihak berkuasa tempatan dan pegawai daerah supaya dapat mewujudkan keberkesanan dalam penguatkuasaan undang-undang yang akan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, tentang seksyen 38(2A) yang mana melarang penyambungan semula bekalan elektrik kecuali kebenaran bertulis diperolehi oleh pegawai polis yang berpangkat tidak kurang daripada Penolong Penguasa Polis, saya ingin cadangkan, kuasa ini pun diberikan kepada pihak berkuasa tempatan dan juga pegawai daerah supaya dapat mengelakkan kemungkinan salah guna kuasa oleh mana-mana pihak.

Tentang seksyen 42, iaitu tiada pendakwaan boleh dijalankan bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta 447, keizinan bertulis perlu diperolehi daripada Pendakwa Raya supaya dapat mengelakkan dari berlaku salah guna kuasa oleh pegawai-pegawai Suruhanjaya. Ini adalah satu perkara yang baik supaya kita dapat mengelakkan penyalahgunaan kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan akta ini kemungkinan mendatangkan urusan penguatkuasaan kawal selia ke atas sektor tenaga dengan sempurna dan memastikan keadilan kepada semua pihak terutama para pengguna. Ia juga merupakan pelengkap kepada usaha-usaha kerajaan untuk menangani masalah sosial, khususnya aktiviti perjudian mesin haram yang berlaku di bandar-bandar besar di seluruh negara.

Dengan itu, saya menyokong pindaan ini. Dengan kata-kata ini, saya ucapkan terima kasih sekali lagi kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya di sini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Chin.

11.44 pagi.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin menyokong beberapa cadangan dalam pindaan kepada Akta Bekalan Elektrik 1990 itu.

Yang pertama saya ingin menyentuh tentang seksyen 9 iaitu pindaan-pindaan yang mana fi akan dikenakan kepada pemegang lesen sekiranya pemegang lesen itu bayar lewat. Saya ingin tahu sama ada seksyen ini diperlukan memandangkan pemegang lesen itu tidak begitu ramai. Setahu saya, pemegang lesen untuk tujuan ini di Semenanjung Malaysia ialah TNB, di Sabah mungkin Sabah Electricity Board (SEB) dan mungkin satu lagi di Sarawak.

Jadi, kalau syarikat-syarikat yang besar ini pun lewat bayar, adakah patut kita menerima apa jua penjelasan tentang bayaran lewat ini. Pada pendapat saya, ini tidak sepatutnya berlaku kerana ini melibatkan badan korporat yang begitu besar dalam negara kita dan kalau kita perlukan seksyen ini untuk kenakan fi bayar lewat, bagi saya, ini adalah satu perkara yang sangat malu dan tidak harus berlaku tetapi itu mungkin dari segi pandangan saya sahaja. Mungkin ada sebab-sebabnya kenapa kementerian memerlukan ini.

Jadi, untuk menyenangkan dan untuk pengetahuan umum, mungkin kita boleh diberitahu berapa banyak pemegang lesen yang ada sekarang, berapa fi yang mereka kena bayar dari segi jumlah, adakah kes-kes yang telah bayar lewat dan kalau ada, berapa yang telah terhutang kepada kementerian dan selain dari cadangan meminda seksyen ini, apakah langkah-langkah yang telah diambil sekiranya ada pembayaran lewat dan adakah langkah-langkah itu telah berkesan dari segi pungutan?

Saya juga bersetuju dengan rakan-rakan saya yang telah mengucapkan tadi tentang seksyen baru 26A iaitu memberi kuasa untuk dikenakan surcaj sekiranya mereka itu bayar lewat dan nampaknya surcaj ini sudah dimulakan sebelum Parlimen luluskan seksyen baru 26A ini dan saya sokong pendapat rakan-rakan saya yang berucap tadi bahawa ini adalah satu perkara yang tidak harus berlaku, seolah-olah itu telah melampaui kuasa undang-undang dan kita perlukan satu penjelasan.

Bersangkut-paut dengan bayaran lewat itu juga, ada kuasa untuk memotong bekalan dan saya juga difahamkan bahawa caj untuk menyambung semula selepas dipotong itu juga telah ditingkatkan dan pada ingatan saya, pada bekalan domestik, mungkin RM3 ditingkatkan kepada RM10 dan RM10 untuk premis perniagaan ditingkatkan kepada RM80. Mungkin saya silap dari segi angka itu tetapi apa yang jelas ialah caj untuk menyambung semula selepas dipotong itu juga ditingkatkan dan saya telah difahamkan bahawa apabila Telekom pun mencadangkan peningkatan caj kepada sambung semula, maka selepas rayuan itu, pihak itu telah dikenakan RM50 sahaja, sungguhpun cadangan mereka pada awal ialah RM80 telah diturunkan.

Jadi, saya ingin hendak tahu sama ada pihak ini juga akan menimbang caj untuk menyambung semula selepas dipotong itu dan sama ada rayuan untuk dikurangkan itu telah diberi pertimbangan.

Berkenaan dengan seksyen baru 28A di mana ada peruntukan bagi faedah atau bunga itu diberi kepada pengguna di atas cagaran mereka, ini memang satu langkah yang dahulu-alukan dan saya harap dari segi pelaksanaan itu, kerajaan akan memantau tentang jumlah yang telah dikutip dan semua bunga itu dari cagaran haruslah diberi kepada pengguna tanpa memotong caj pentadbiran dan sebagainya. Biasanya ada caj pentadbiran dan sebagainya dan baki sahaja dipulangkan. Saya harap keseluruhan itu akan dipulangkan tanpa apa-apa potongan.

Pada Fasal 29, pindaan kepada seksyen 38 itu, saya dapati mungkin ada sedikit percanggahan iaitu pada pendapat saya, ada sedikit percanggahan di antara seksyen 38(1A) dan (1B). Di seksyen (1A) itu ada disebutkan bahawa tempoh masa itu tidak boleh melebihi satu bulan kalendar iaitu keizinan kepada pegawai polis untuk meminta pemotongan kepada satu premis yang disyaki menjadi premis perjudian itu, beliau boleh minta pemotongan tetapi masa itu tidak boleh melebihi satu bulan kalendar tetapi di seksyen (1B), ada disebutkan kalau pegawai itu tidak memberi persetujuan, maka penyambungan semula itu tidak boleh dilakukan.

Katakan selepas masa satu bulan itu, pegawai itu masih tidak mahu memberi keizinan untuk disambung semula. Itu bermakna potongan itu sudah melebihi satu bulan kerana dalam seksyen (1 A), permohonan itu tidak boleh melebihi satu bulan tetapi di bawah seksyen (1B), keizinan pegawai itu diperlukan kalau hendak sambung semula. Dalam keadaan di mana ia tidak memberi keizinan, masa itulah, pada pendapat saya, sudah melebihi satu bulan.

Katakan selepas satu bulan diminta sama ada boleh sambung semula, dia kata, tidak boleh lagi, sudah melebihi satu bulan, sungguhpun di bawah (1 A) itu, masa yang boleh diguna untuk dia hanya satu bulan. Saya minta penjelasan kenapa ini berlaku, sama ada tafsiran saya ada percanggahan itu betul atau tidak.

Dengan kata-kata itu, saya juga menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Tuan Yew Chiew.

11.53 pagi.

Tuan Yew Tuan Chiew: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan rang undang-undang untuk meminda Akta Bekalan Elektrik 1990.

Seksyen 38 dalam rang undang-undang ini mengandungi dua peruntukan baru yang diperkenalkan selaras dengan pemindaan kepada Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953. Pindaan ini melibatkan pemotongan bekalan elektrik kepada premis-premis yang terlibat dalam pengendalian mesin perjudian haram. Pindaan ini akan membantu pihak berkuasa kerajaan yang terdiri daripada beberapa jabatan seperti pejabat daerah, pejabat berkuasa tempatan, polis dan lain-lain dalam usaha membanteras masalah pusat mesin perjudian haram dan kita sedia maklum dalam usaha semangat berpasukan dan kerjasama antara pihak-pihak berkuasa dan dengan koordinasi yang sempurna, kita dapati bahawa tindakan yang berkesan kepada gejala-gejala sosial negatif amat mustahak.

Tempat seperti cyber café, video centre, pusat snooker haram, hanya dapat dikurangkan dengan usaha semangat dan kerjasama antara pihak berkuasa. Tempat sedemikian menjadi masalah apabila mereka menyalah guna lesen yang diberikan untuk menjalankan aktiviti perjudian dalam internet, pusat video haram dan juga pusat snooker.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya mengalu-alukan pindaan yang membenarkan pemotongan elektrik dikenakan kepada premis-premis yang

menjalankan kegiatan judi haram sebagai salah satu langkah untuk membendung gejala sosial negatif. Kita mempunyai undang-undang yang baik untuk memastikan aktiviti-aktiviti perjudian tidak boleh dijalankan dengan sewenang-wenangnya. Di sini saya harap pindaan yang memotong bekalan elektrik dikenakan kepada operator judi haram dan bukan tuan punya premis.

Terdapat operator yang tidak membayar bil elektrik sebab mereka menyewa bangunan dan telah berpindah ke tempat lain. Tuan punyanya pula dijadikan mangsa di sini untuk membayar tunggakan mereka. Saya berharap seksyen yang diberi kuasa untuk memotong bekalan elektrik tidak digunakan sewenang-wenangnya untuk mendenda tuan punya kedai walaupun kita perlu memastikan penyewa-penyewa kedai dipertanggungjawabkan.

Di sini saya juga ingin membangkitkan kes-kes kebakaran yang disebabkan oleh litar pintas (short circuit), dengan izin. Laporan bomba telah menunjukkan litar pintas adalah punca kebakaran yang paling penting sekali pada tahun 1999 dan 2000.

Tuan Yang di-Pertua, apakah sebab-sebab letupan substation ini dan apakah langkah-langkah kementerian untuk mencegah ataupun mengurangkan kebakaran berpunca daripada litar pintas? Saya juga difahamkan kebakaran kerap berlaku di bangunan lama yang didirikan dalam tahun 50-an di mana semua ini telah dijadikan bangunan heritage. Sistem litar dalam bangunan tersebut mungkin sudah lama dan pendawaian patut ditukar demi keselamatan. Ada juga penduduk-penduduk di pusat bandar sering menghadapi masalah kekurangan bekalan elektrik seperti di kawasan China Town, Jalan Tun H.S. Lee, Jalan Loke Yew dan kawasan rumah pangsa DBKL.

Ini mungkin disebabkan oleh permintaan yang tinggi sebab banyak hotel di dirikan di pusat bandar, pusat membeli-belah, ruang pejabat dan sebagainya. Pengguna-pengguna yang sedia ada tidak harus menghadapi masalah bekalan elektrik kerana TNB tidak dapat menampung permintaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap TNB dapat memberi keutamaan terhadap masalah tersebut untuk memperbaiki taraf perkhidmatannya kepada pengguna-pengguna. Saya ingin merayu kepada unit pemeriksaan elektrik harus kerap membuat rondaan atau pemeriksaan untuk keselamatan orang ramai dan juga boleh mengelakkan kes litar pintas berlaku. Setiap kebakaran mendatangkan kerugian

besar kepada bangsa mahupun negara. Jika boleh, kita harus mengurangkan risiko kejadian kebakaran.

Sekianlah sahaja dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Siti Zailah.

12.00 tgh.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2000. Sebagaimana yang kita sedia maklum, pindaan Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2000 ini menggantikan Akta Ibu untuk membolehkan peruntukan Suruhanjaya Bekalan Elektrik menggantikan Jabatan Elektrik dan Gas.

Kita mengharapkan agar pindaan ini akan lebih membantu dan menjadi pemangkin kepada pembangunan negara kita. Sebagaimana yang kita maklum bahawa 73% daripada penggunaan tenaga elektrik adalah penting untuk sektor perniagaan, perindustrian dan pengangkutan dan lebihannya 27% untuk lain-lain kegunaan seperti sekolah, perumahan dan jabatan.

Kita mengharapkan pindaan ini juga tidak hanya mengambil kira dari sudut pertimbangan ekonomi semata tetapi keperluan dan tanggungjawab sosial kepada rakyat hendaklah diberi perhatian. Saya setuju sebagai pandangan sahabat tadi sejak kebelakangan ini banyak berlaku kebakaran yang berpunca daripada litar pintas. Kalau kita lihat dalam tahun 1999 dan tahun 2000 sahaja, terdapat 680 kes kebakaran yang berpunca daripada litar pintas di seluruh negara kita. Ia sudah tentu merupakan angka yang tersangat tinggi yang membawa kerugian yang sangat tinggi, nilai yang berjuta-juta ringgit kepada rakyat dan negara kita.

Begitu juga contohnya kebakaran yang berlaku di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya, baru-baru ini bagaimana bomba telah mengesahkan bahawa kebakaran berpunca daripada litar pintas. Walaupun ada pihak yang mendakwa ia adalah angkara sabotaj pelajar, yang jelas kepada kita ialah bahawa litar wayar elektrik di Dewan Tunku Canselor itu mengikut siasatan bomba, telah berusia lebih daripada 37 tahun. Jadi, kita mengharapkan Tenaga Nasional Berhad perlu memandang serius tentang perkara ini. Adakah Tenaga Nasional Berhad sudah mengambil berat terhadap pemuliharaan terhadap wayar-wayar elektrik yang lama ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mencadangkan agar diadakan satu tempoh had masa pendawaian elektrik iaitu pemuliharaan terhadap litar-litar yang lama. Saya

juga mencadangkan agar kerajaan memperluaskan kempen jimatkan tenaga elektrik untuk mengelakkan pembaziran termasuk juga pemantauan perlu dibuat terhadap lampu-lampu jalan raya yang banyak masih menyala sampai ke siang hari. Ini penting untuk mengelakkan pembaziran tenaga.

Begitu juga dalam menampung keperluan tenaga elektrik negara yang semakin bertambah di masa hadapan, apakah perancangan yang telah dibuat oleh pihak kerajaan setakat ini untuk mengatasi masalah bekalan tenaga elektrik. Kalau kita lihat dalam Projek Hidro Bakun yang semua kita tahu jangkaan kosnya melebihi daripada RM12,000 juta yang kita sebelum ini difahamkan tertanggung dan telah beroperasi semula, tetapi yang menjadi persoalan kepada rakyat semua ialah kenapa kerajaan tidak menyenaraihitamkan Syarikat IKRAR yang gagal menyiapkan Projek Hidro Bakun tersebut dan masih diberi kepercayaan untuk meneruskan Projek Hidro Bakun.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bagaimana ramai pendapat sahabat-sahabat saya tadi yang merujuk kepada Fasal 19 yang memasukkan seksyen baru 26A yang mana Fasal ini membolehkan pemegang lesen mengenakan surcaj kepada pengguna yang membayar lewat bil mereka. Saya melihat betapa tindakan ini terlalu drastik dan ia akan menambahkan bebanan kepada para pengguna khususnya rakyat jelata yang terdiri daripada mereka yang miskin dan berpendapatan rendah. Meskipun suatu keadaan lain kita melihat ianya memberi suatu jaminan perlindungan kepada pemegang-pemegang lesen, namun dalam beberapa situasi, sebenarnya para pemegang lesen juga melakukan beberapa kesilapan.

Contohnya, insiden kabel elektrik terputus di Pulau Pinang oleh sebab kebakaran. Ini menyebabkan berlakunya gangguan elektrik yang menjejaskan kedudukan para pengguna elektrik dan mengakibatkan kerugian berlipat kali ganda kepada syarikat-syarikat dan kilang-kilang. Oleh yang demikian, adalah tidak adil kepada para pengguna yang seolah-olah dikenakan denda kerana terlewat membayar bil sedangkan tiada hukuman atau tindakan terhadap TNB atau syarikat yang menjual tenaga kepada TNB. Sejurus itu saya mencadangkan agar Suruhanjaya Elektrik itu nanti akan dapat memasukkan seksyen baru yang membolehkan pengguna juga dilindungi.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita pernah suatu ketika yang lalu mengalami krisis tenaga yang mana dua blackouts pernah berlaku pada tahap kebangsaan iaitu

pada tahun 1992 dan 1993. Ini mengakibatkan Lembaga Elektrik Negara (LLN) telah diswastakan menjadi Tenaga Nasional Berhad (TNB). Setelah 10 tahun TNB menjadi satu syarikat swasta yang menguruskan hal-hal yang berkaitan bekalan tenaga, saya difahamkan bahawa stesen penjana kuasa TNB Fasa 3 yang dibuat di Jalan Kafari yang boleh menghasilkan 1,000 megawatt telah pun dilewatkan selama 2 tahun dan ianya hanya mula beroperasi dalam beberapa bulan yang lepas.

Saya meminta kerajaan agar menyatakan sebab-sebab utama kelewatan yang berlaku pada satu-satu pelan kuasa yang ditubuhkan oleh TNB ini. Oleh kerana stesen kuasa ini merupakan jentera yang terbesar dalam rangkaian TNB iaitu ia mempunyai dua penjana kuasa yang setiap satunya menghasilkan tenaga sebanyak 500 megawatt, maka apakah yang akan berlaku sekiranya masalah itu semasa operasi biasa? Adakah TNB masih mempunyai rizab tenaga sebanyak 30% sebagaimana yang diharap-harapkan? Adakah TNB pula akan digantikan sekiranya masalah blackout di peringkat kebangsaan berlaku semula? Apakah pelan yang akan dirangka oleh pihak TNB dan kerajaan sendiri dalam memastikan masalah-masalah tidak akan berlaku dalam soal bekalan tenaga keseluruhannya di negara kita? Kita juga ingin penjelasan apakah perlindungan ataupun pampasan ganti rugi kepada kilang-kilang yang mengalami kerugian akibat terputusnya bekalan elektrik ini.

Jadi, kami mengharapkan pindaan yang dibuat ini benar-benar memberi manfaat kepada semua golongan lapisan rakyat yang terbanyak, bukan hanya kerana faktor ekonomi semata-mata.

Dengan kata-kata itu saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Datuk Abdul Aziz bin Abdul Rahman.

12.08 tgh.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian untuk menyokong rang undang-undang yang dinamakan Akta Bekalan Elektrik (Pindaan) 2000 yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah amat sesuai sekalilah kalau kita pindahkan dari segi pengurusan daripada jabatan kepada suruhanjaya dengan matlamat-matlamat yang lebih besar bagi menentukan negara Malaysia dijamin dengan pembekalan elektrik secara berterusan bukan sahaja untuk pembangunan negara

kerana sebentar tadi kita telah pun mendengar 73% daripada kegunaan bekalan elektrik ini adalah untuk menjana pembangunan ekonomi kita dari segi industri, pembuatan dan sebagainya dan hanya 27% sahaja yang digunakan secara domestik dan aspek-aspek sosial yang lain.

Jadi, apabila kita memberi kuasa yang lebih luas kepada suruhanjaya, terutama sekali dari segi menentukan kecekapan dari segi menghasilkan tenaga elektrik kepada negara kita ini, saya terpanggil untuk memikirkan apakah cara yang paling efficient bagi suruhanjaya memikirkan jangka panjangnya untuk menentukan Malaysia menggunakan khazanah kekayaan yang diberikan oleh Allah S.W.T. seperti air, tenaga suria sebelum kita menggali gas, minyak, arang batu dan juga dari segi hampasan-hampasan bio-mass seperti yang dikeluarkan oleh kilang-kilang kelapa sawit.

Memang banyak hampasan-hampasan yang dikeluarkan oleh kilang kelapa sawit yang boleh digunakan untuk pengeluaran tenaga. Jadi, saya ingin mengetahui daripada pihak kerajaan berasaskan kekayaan yang wujud di negara kita ini, adakah satu dasar yang mungkin boleh digubal bagi menentukan peratusan kegunaan tenaga ini yang dikeluarkan oleh bahan-bahan tertentu. Kalau sekiranya ada dasar jangka panjang, misal katakan, kita Tuhan beri 12 jam matahari, 12 jam gelap. 12 jam ini panjang kerana negara-negara lain, Tuan Yang di-Pertua, musim sejuk (winter) dia dapat kadang-kadang 4 jam sahaja matahari dan kalau di sebelah North Pole dan South Pole mungkin kadang-kadang sampai 24 jam pun masih lagi terang tetapi cuaca suria di negara kita ini 12 jam itu seolah-olah berterusan.

Jadi, sepatutnya kita mencari jalan bagaimana khazanah tenaga suria itu sendiri dapat kita gunakan kerana ianya mengurangkan dari segi penghasilan karbon pada udara kita. Kalau kita guna arang batu, saya tengok sekarang ini banyak yang akan menggunakan arang batu. Baru-baru ini kita dengar di Lumut, Perak, satu pengusaha aluminium telah pun diberikan lesen untuk membuat tenaga sendiri, fasalnya aluminium ini menggunakan banyak tenaga dan ianya akan menggunakan arang batu yang mungkin diimport dari China.

Arang batu ini sungguhpun mungkin murah - saya tidak tahu berapa harga - tetapi dari segi pengeluaran carbon dioxide ianya yang paling tinggi, yang paling teruk. Kita sekarang ini selepas wujudnya satu perjanjian di Kyoto Protocol, dunia sekarang ini terpaksa menengok secara serius bagaimana pengeluaran carbon dioxide oleh negara-negara seperti Amerika, Jepun dan sebagainya dapat

ditentukan, dapat dikurangkan supaya ozone layer kita ini tidak terdedah bagi menentukan kita ini berpenyakit dari segi kanser kulit dan sebagainya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, suruhanjaya ini sepatutnya membuat satu dasar jangka panjang dari segi, terutamanya kegunaan sumber-sumber tenaga. Yang saya sebutkan tadi, suria, air dan hampasan-hampasan dari segi kelapa sawit dan sebagainya sebelum kita menentukan arang batu, gas ataupun minyak. Jika kita buat itu, kita hendak tahu pula dalam perancangan jangka pendek, jangka panjang, berapa peratuskah dari segi tenaga yang akan dikeluarkan oleh bahan-bahan ini selain daripada menggunakan exhaustive mode, dengan izin, perkara-perkara yang kita gali ini, Tuan Yang di-Pertua. Dia ada risab 20 tahun atau 30 tahun, selepas itu ke mana kita hendak pergi?

Dalam satu statistik baru-baru ini kita lihat kebanyakan negara-negara Islam mempunyai rizab minyak yang paling tinggi, terutama Saudi Arabia, negara-negara di Timur Tengah, Malaysia, Indonesia ada rizab, Brunei ada rizab yang tinggi. Soalnya, ianya mempunyai had mungkin yang kehabisan. Waktu itu di mana kita hendak mencari, kalau tidak kita memikirkan sumber-sumber yang lain, yang Tuhan beri kepada kita?

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama, saya tidak dengar lagi dalam suruhanjaya dalam akta baru ini bagaimana kepentingan pengguna dijaga. Apakah peranan suruhanjaya bagi menentukan harga setiap unit tenaga ini diawasi? Kita sekarang banyak menggunakan pendekatan pembangunan ekonomi berasaskan penswastaan. TNB pun sekarang ini diswastakan, syarikat-syarikat independent power units IPP lain pun diswastakan. Sampai ketikanya nanti, Tuan Yang di-Pertua, kerana swasta ini wujudnya berasaskan kepada keuntungan. Saya ingin tahu daripada pihak kementerian berasaskan kepada akta baru ini siapa yang menentukan harga unit tiap-tiap b.t.u ini dikawal?.

Perkara ini berlaku di California. Tuan Yang di-Pertua. Di California pada satu ketika, dua, tiga bulan dulu tidak ada elektrik kerana dari segi harga pasarnya berasaskan kepada penswastaan yang dibuat di sana, terlalu tinggi sehinggakan penjana kuasa di California tidak mampu hendak membeli bahan-bahan untuk mengeluarkan elektrik dan di negeri-negeri sempadan yang lain boleh mengeluarkan berlebihan, tetapi di California tidak dapat. Jadi, saya bimbang, brown-up pun ada, blackout pun ada di sana. Jadi, saya bimbang kalau kita tidak ada satu mekanisme mengawasi dari segi penetapan harga yang bersesuaian untuk kita tentukan, pada

satu ketika nanti pihak swasta yang mementingkan keuntungan akan out-price pengguna-pengguna yang mungkin memerlukan tenaga tetapi tidak mampu kerana harga yang begitu tinggi.

Jadi, adakah satu mekanisme yang akan diwujudkan oleh Suruhanjaya ini di mana pihak Suruhanjaya akan meminta akaun-akaun pengeluar-pengeluar tenaga ini untuk menentukan harga yang ditetapkan berpatutan dan tidak membuat keuntungan yang begitu tinggi.

Saya terbaca di dalam surat khabar baru-baru ini saya tengok Tenaga Nasional Berhad mungkin membuat RM1 bilion lebih dari segi keuntungan dan pada masa yang sama hendak caj kepada pengguna-pengguna untuk menyambung semula tenaga yang dipotong itu sampai RM80. Dia pergi sahaja lebih kurang 10 minit, pasang balik sudah kena caj RM80 dan untungnya sekarang ini RM1 bilion mengikut laporan terbaru.

Jadi, soalnya sekarang adakah pihak Suruhanjaya ini boleh – adakah dia yang mempunyai kuasa meneliti akaun Tenaga Nasional Berhad lepas itu membuat kenyataan, membuat keputusan caj untuk hendak menyambung semula kalau naik pun daripada RM10 jadi RM15, misalnya kerana keuntungan yang dibuat oleh Tenaga Nasional begitu tinggi. Ataupun caj kepada *domestic user*, pengguna-pengguna domestik daripada RM3 dahulu kepada RM1 misalan kata, penalti RM1 sahaja daripada RM3.

Perkara ini boleh membantu kesejahteraan hidup mereka yang mungkin tidak dapat membayar mengikut masa kerana gaji tidak dapat mengikut masa ataupun tidak ada kerja dan sebagainya. Jadi, kita memberikan dari segi sungguhpun swasta tetapi kesejahteraan hidup kepada pengguna-pengguna tenaga ini.

Jadi, saya ingin mengetahui sejauh mana mekanisme (mechanism) penentuan harga setiap unit BTU yang dapat dikawal oleh Suruhanjaya. Adakah mekanisme ini diwujudkan bagi menentukan pengguna-pengguna tidak dieksploitasi secara mendadak, secara berterusan berasaskan kepada penggunaan yang mereka perlukan.

Pada masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin seperti yang disebutkan oleh saudara-saudara saya yang lain pemantauan dibuat, saya amat percaya kepada satu sistem di mana Suruhanjaya menetapkan setiap wiring, setiap pendawaian bangunan-bangunan kerajaan, bangunan-bangunan bukan kerajaan, bangunan persendirian mempunyai tahap masa yang terpaksa diaudit maknanya

diperiksa semula dari segi masa ke semasa mengikut skala-skala tertentu bagaimana wirings ini diperbaharui *certificate fitnessnya*, *certificate* kegunaannya.

Jadi, kalau boleh Suruhanjaya tiap-tiap rumah yang didirikan kita beri *certificate*, suruhanjaya *certificate* elektrik ini dia kata kamu sekarang elektrik dan wayar ini baik-baik untuk 10 tahun selepas itu ianya akan diperiksa oleh tenaga-tenaga mahir daripada yang dilantik oleh Suruhanjaya sendiri bagi hendak menentukan adakah pendawaian itu berterusan baik ataupun sudah rosak dimakan tikus misalnya, kerana sekarang ini kita tengok banyak wayar mungkin terdedah kerana digigit tikus dan digigit benda-benda lain.

Jadi, kalau kita buat semacam ini mungkin tidak berlaku apa yang berlaku di Dewan Tunku Canselor atau di tempat-tempat lain. Malahan saya pun hendak bertanya kepada pihak kementerian apakah sebabnya penjana kuasa TNB sendiri terbakar. Bagaimanakah kecuaian berlaku di TNB sendiri terbakar adakah kerana wiringnya tidak betul, adakah kerana sabotaj, adakah kerajaan apa saya tidak tahu. Jadi, di sini kita hendak mengetahui kerana TNB sepatutnya mempunyai piawai-piawai yang lebih tinggi untuk menentukan keselamatan wujud di bangunannya dan di substesen-substesennya. Jadi, kenapa perkara ini mesti berlaku?

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita buat sedemikian rupa berkemungkinan kurangnya rumah-rumah terbakar seperti yang disebutkan 680 kes ini tinggi, Tuan Yang di-Pertua, terbakar kerana pendawaian, kerana litar pintas yang tidak memuaskan.

Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, kita juga memerlukan perondaan dari segi pencurian-pencurian tenaga. Banyak berlaku saya hendak tahu daripada pihak kementerian kerana bukan sahaja berlaku dari segi kerugian yang akan menimpa Tenaga Nasional Berhad dan sebagainya tetapi kerugian dari segi kematian maut kerana bila kita curi tap daripada main source itu untuk masuk ke rumah masing-masing pendawaiannya tidak mengikut *certificate* dan sebagainya kerana *certificate* tidak boleh keluar pasal perkara ini dibuat secara haram.

Kita tidak berpaksi kepada pengeluaran *certificate*, kegunaan tenaga. Kalau ini kita buat maknanya yang tidak ada *certificate* itu dibuat secara haram dan buat secara haram ini juga mendorong rumah-rumah setinggalan di merrata-rata ceruk. Kadangkala Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kita membuat perundangan kalau hendak sambung elektrik daripada main sourcenyanya terpaksa kita dapat kelulusan daripada kerajaan tempatan dan sebagainya, mungkin dia dapat kerana yang

setinggalan itu secara semi official. Dia boleh buat rumah di situ lepas itu boleh sambung elektrik kalau tidak elektrik tidak boleh disambung dan kita hendak hapuskan itu. Kita hendak tentukan tidak ada mana-mana pihak yang dapat mencuri elektrik ini kerana ianya melanggar dua syarat. Satu syaratnya kerana kita sudah buat certificate penggunaan, yang keduanya syarat pencurian ini dari segi criminal.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasakan Suruhanjaya ini mesti mengemaskinikan dan menguatkan perondaan-perondaan bagi menentukan keselamatan orang ramai kerana apabila dia curi elektrik ini bukan sahaja rumah dia sahaja terbakar, kalau di tempat kawasan setinggalan Tuan Yang di-Pertua, semua kawasan itu setiap rumah yang berdekatan terbakar. Ini pernah berlaku dan selalu berlaku kerana kurangnya pengawasan.

Jadi, ianya kalau kita buat dengan perondaan yang dibuat selalu kemungkinan tidak dapat menentukan rumah-rumah setinggalan ini dapat berlegar di kawasan-kawasan tertentu terutamanya di Kuala Lumpur dan di Johor tempat Tuan Yang di-Pertua, pun banyak rumah setinggalan. Jadi, ini satu perkara yang boleh menyelesaikan sebahagian daripada masalah sosial yang dihadapi oleh kita sekarang ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengetahui dari segi jawatankuasa ataupun ahli-ahli Suruhanjaya ini supaya ianya dapat mewakili kepentingan-kepentingan tertentu. Saya tidak tahu sekarang ini siapa dia yang akan menganggotainya pihak Menteri mempunyai kuasa untuk melantik, kalau boleh lantiklah juga pengguna-pengguna kerana pengguna-pengguna selain daripada pengeluar dan penjana tenaga, pengguna-pengguna di dalam sektor-sektor tertentu sektor sosial, sektor industri, sektor penggunaan domestik terutama sekali suri rumah bawalah seorang berdua masuk ke situ menduduki ahli-ahli jawatankuasa ini ataupun suruhanjaya ini memberikan pandangan daripada perspektif mereka sendiri pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan selalu sangat kita ini buat satu pertubuhan jawatankuasa dan sebagainya tidak mengambil kira orang yang terlibat. Macam baru-baru ini saya tengok seminar-seminar berkenaan dengan pelajar meritokrasi dan sebagainya tetapi pelajar itu sendiri tidak termasuk di dalam senarai ahli-ahli panel. Misalnya, yang kita hendak bincangkan perkara yang berkaitan dengan mereka tetapi mereka tidak dikaitkan, tidak dapat menyertai dari segi

perbincangan di panel itu sendiri. Begitu juga apabila kita membincangkan hal tentang kemiskinan. Selalunya kita ambil akademik daripada universiti-universiti, pegawai-pegawai kerajaan, orang yang miskin itu jarang sekali mendapat peluang untuk bersama-sama dengan cerdik-pandai ini menceritakan bagaimana perspektif kemiskinan yang dirasakan oleh mereka, yang dialami oleh mereka dapat didedahkan kepada panel itu sendiri.

Jadi, saya mahulah kalau boleh Suruhanjaya ini bukan sahaja memikirkan cerdik pandai sahaja duduk di suruhanjaya yang dilantik oleh Menteri tetapi ambil juga pengguna-pengguna dari segi sektor-sektor tertentu termasuk suri rumah kerana mereka pun selalu menggunakan. Merekalah sebenarnya yang menggunakan elektrik ini dan pada masa yang sama kita buatlah kursus-kursus kepada suri rumah-suri rumah ini berkenaan dengan penggunaan elektrik dan bahaya atau cara hendak mengelak kesalahan guna kerana kita dapati kadangkala Tuan Yang di-Pertua, perkakas-perkakas rumah elektrik sekarang ini begitu sofistikated sehinggakan saya sendiri pun tidak reti hendak menggunakannya.

Jadi, kebanyakannya digunakan oleh suri rumah hendak buat pelbagai. Jadi, mereka ini didedahkan cara menggunakannya secara yang baik, secara yang betul. Kalau sekiranya kursus-kursus macam ini diwujudkan kepada suri rumah-suri rumah terutamanya kerana mereka yang selalu duduk di rumah kerana apabila suami pergi bekerja dia juga duduk di rumah. Lainlah sekarang ini bila kita ada membahaskan Perlembagaan ini nanti kita tidak boleh mengasingkan wanita ini dari segi gender ini dia termasuk di dalam Perlembagaan. Sungguhpun parti lawan tidak bersetuju tetapi perkara ini sudah dipersetujui di peringkat Dewan Rakyat tetapi dari segi amalannya kadangkala tidak boleh bertandinglah, tidak boleh itu dan ini mungkin sekarang ini diubahsuaikanlah bagaimana gender sebagai satu *empowerment*, satu kuasa baru yang diberi kepada wanita untuk 'berdiri sama tinggi, duduk sama rendah' dengan kaum lain maknanya kaum laki-laki.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau dapat pihak Suruhanjaya membuatkan peraturan-peraturan ini *that means a scheme of things*, mohon izin, Tuan Yang di-Pertua, satu rancangan. Kalau kita ada Rancangan Lima Tahun, kalau ada RMK-8 dan sebagainya Suruhanjaya juga mempunyai perancangan yang tersusun cara mana sumber tenaga kita dapati, cara mana dapat menyelamatkan dari segi efisiennya, penggunaan tenaga dan penggunaan tenaga, cara mana keselamatan

pengguna dapat diawasi dan bagaimana perondaan-perondaan dapat dijalan bagi menentukan keselamatan pengguna-pengguna.

Jadi, ini yang patut ditekankan oleh Suruhanjaya sebin daripada hanya membentuk satu infrastruktur atau susunan pengurusan yang lebih penting, susunan perancangan, tindakan, action plan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, mesti diwujudkan, maka barulah impak untuk memartabatkan jabatan kepada suruhanjaya ini dapat dirasakan oleh pengguna-pengguna dan juga kerajaan.

Jadi, saya ingin juga mengetahui apa dia rizab dari segi minyak dan gas di negara kita ini kalau sekiranya penggunaannya berterusan sebagai sumber tenaga kepada Malaysia. Kita merasakan Allah S.W.T telah memberi khazanah kekayaan ini hendaklah kita jaga dengan baik. Saya hendak tahu adakah bila kita mengeluarkan gas di pusat-pusat pengeluaran berapa peratusan gas yang dikeluarkan itu dibazirkan, dibakar. Saya tengok setiap kali saya pergi ke sebelah Pantai Timur di mana – saya tengok Tuan Yang di-Pertua, api bukan main besar, tinggi rupanya gas itu ia macam terbakar, saya tidak tahu, saya tidak faham.

Jadi, apakah peratusan sebenarnya setiap mereka yang mencari gas cari gali ini ataupun minyak berapa peratusan yang dibiarkan atau sengaja dibakar begitu sahaja kerana api selalu besar di tempat-tempatnya. Adakah ini mengikut piawai cara pengeluaran yang terbaik ataupun kita ini kurang efisien jadi lebih banyak benda yang terbakar daripada benda yang menyalur untuk kegunaan secara produktif itu pun kita hendak tahu.

Jadi, *efficiency* Tuan Yang di-Pertua, bukannya berpunca daripada cara mengeluarkan tenaga sahaja cara hendak mengeluarkan bahan yang digunakan untuk tenaga itu sendiri terpaksa – adakah ini bidang kuasa suruhanjaya juga ataupun bidang kuasa lain saya tidak tahu. Jadi, kalau ia merupakan bidang kuasa Suruhanjaya ini keadaan mereka sepatutnya mengetahui bagaimana bahan-bahan yang digunakan untuk mengeluarkan kuasa ini dikeluarkan secara efisien oleh pengeluar-pengeluar macam Petronas dan syarikat-syarikat carigali yang lain kerana sesungguhnya barang-barang ini merupakan dengan izin, *depleting asset*, aset yang boleh terhakis dari segi jumlahnya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita hendak tahu adakah Suruhanjaya ini mempunyai tanggungjawab sampai ke situ dan pada masa yang sama adakah mereka mempunyai kepakaran yang cukup bagi hendak menentukan garis-garis panduan dan juga bidang kuasa yang wujud dalam akta ini dapat dilaksanakan

dengan baik. Kalau tidak sia-sia sahaja kita mengadakan akta yang begitu canggih dari segi skop tanggungjawabnya tetapi tidak dapat melaksanakannya kerana kekurangan pakar-pakar yang boleh menentukan akta ini berjalan dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga bertanya bilakah setiap penduduk di luar bandar negara ini akan menikmati elektrik kerana kita dapati Tuan Yang di-Pertua, dalam pengumuman yang dibuat oleh kerajaan bila kita hendak menentukan supaya setiap sekolah di luar bandar terutamanya mendapat komputer kita diberitahu lebih kurang 3,000 buah sekolah masih tidak ada elektrik. Jadi, saya hendak tahu daripada pihak kerajaan dengan adanya Suruhanjaya yang begitu canggih ini dan pengeluaran tenaga yang dibuat dan dijanakan oleh Tenaga Nasional Berhad dan pelbagai lagi pengeluar-pengeluar bebas, bilakah sekolah-sekolah terutamanya akan mendapat bekalan elektrik 100% tidak kira di mana mereka berada. Lepas itu barulah kita tanya bila pula rumah-rumah di luar-luar bandar mendapat elektrik ataupun adakah kita masih memikirkan keuntungan kerana tidak untungnya Tenaga Nasional Berhad menghasilkan elektrik nun 100 batu daripada pusat bandar kerana ada lima buah rumah sahaja di sana.

Kalau itu caranya mungkin kita boleh buat dari segi sistem suria, sistem solar yang saya sebutkan tadi. Saya hendak mendapat pengetahuan daripada pihak kerajaan bilakah semua dan setiap ahli masyarakat di negara kita ini mendapat elektrik lepas itu barulah kita boleh mengatakan bila elektrik sudah ada, kelengkapan-kelengkapan yang sudah ada barulah boleh kita mengatakan pelajar-pelajar luar bandar sudah pun ready, sudah pun bersiap sedia untuk bersaing dengan pelajar-pelajar lain kerana infrastruktur bagi menjana pemikiran mereka lengkap. Ini dari segi meritokrasi.

Meritokrasi Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya tanya pagi tadi sesungguhnya berasaskan kepada perkara semacam ini dan saya tahu Perdana Menteri sendiri pun sedar untuk menentukan semua masyarakat dapat berlumba dan bersaing secara kompetitif, kita mesti bermula daripada garis permulaan yang sama. Apa ertinya kalau kita berlumba lari, Tuan Yang di-Pertua, 100 meter – Ahmad, Ah Chong, Muthusamy, Gurbachan Singh dan sebagainya berlari. Kalau Ahmad tidak makan dari pagi kerana tidak cukup duit, Ah Chong minum *Milo* satu gelas dengan dua biji telur, dua keping roti, Muthusamy makan capati lepas itu yang lain-lain ini semua ada breakfast tentulah yang Si Ahmad ini tertinggalan, *Milo* sudahlah tidak

minum, elektrik pun tidak ada hendak tengok komputer dengan cara-caranya, dia ketinggalan.

Tuan Yang di-Pertua, maknanya kalau dia berlumba lari untuk hendak sampai sama ke peringkat akhir Ahmad dan mungkin Muthusamy kena duduk 50 meter di hadapan ataupun 30 meter di hadapan, itulah handicap Tuan Yang di-Pertua, yang diberikan kepada mereka yang tidak ada elektrik handicap dari segi pelajaran kerana tidak dapat. Kita cakaplah tentang komputer kerana wujudnya *digital divide*, pemisahan digital antara orang yang mempunyai elektrik (electricity) orang yang tidak ada elektrik pun sudah wujud di negara kita ini. Mereka inilah yang hendak kita lumba-lumbakan dari segi competition, dari segi persaingan untuk mencari ilmu pengetahuan.

Jadi, tanggungjawab Suruhanjaya ini amat berat bukan sahaja Suhakam menentukan hak-hak asasi manusia. Suruhanjaya ini mesti menentukan setiap individu mendapat peluang, pendedahan kepada kuasa elektrik kerana kuasa elektrik akan memberi kuasa pula kepada minda untuk mencari ilmu dengan secanggih-canggihnya serupa juga orang di bandar, orang di kota.

Jadi, kalau tidak, tanggungjawab akta ini tidak begitu luas, tidak mempunyai impak kepada seluruh negara dan kita minta kementerian juga menerusi suruhanjaya ini bukan sahaja mencari kuasa yang lebih efisien tetapi melebar dan meluaskan penggunaan elektrik sebagai satu matlamat perjuangannya sendiri. Kalau ini dibuat Tuan Yang di-Pertua, apa sahaja saingan kita boleh buka untuk semua pihak mengambil bahagian.

Saya juga ingin bertanya sungguhpun saya ada menyebut tadi angin, air, gas, minyak, arang batu, suria dan *biomass* – saya sebut *biomass* saya teringat apakah dasar kerajaan sebenarnya bagi hendak menentukan hampasan-hampasan ini dapat digunakan untuk menjana kuasa kerana terlalu banyak aset semacam ini dilupakan begitu sahaja tanpa memberi faedah kepada orang ramai.

Jadi saya hendak tahu dasar kerajaan terhadap *biomass*, Suria, kalau air pun kita sebut Tuan Yang di-Pertua, tadi kita sebutkan Bakun. Saya hendak bertanya pihak kerajaan di pedalaman sebelah Ulu Pahang kita banyak sungai Tuan Yang di-Pertua, di Sungai Jelai, banyak sungai hendak pergi ke gunung tahan, Sungai Jelai, saya lupa namanya pasal lama tidak pergi ke sana. Jadi, dia ada 7,8 hendak pergi ke Kampung Bantal, Kampung Pagi, dia sebut pagi, bantal ada beberapa nama kita boleh sampai ke sana. Jadi, kalau kita bertolak daripada Jerantut, hendak

sampai ke kampung pagi, maknanya waktu pagilah. Jauhnya tempat itu, bila sampai ke Kampung Bantal waktu hendak tidur, itu sebabnya Kampung Bantal, bantal tersorong dia hendak tidur. Jauhnya tempat itu.

Jadi, saya hendak tahu adakah pihak kerajaan bercadang untuk mewujudkan janakuasa menerusi hidro di Sungai Jelai, Ulu Jelai di mana ramai penduduk di sana Tuan Yang di-Pertua, terlalu jauh dengan arus perdana pembangunan yang terdapat di Jerantut, di Temerloh, tempat saya dan juga di Kuantan, di Kuala Lumpur apatah lagi dapat menikmati elektrik menerusi janakuasa air. Air ini Tuan Yang di-Pertua, bukan menerusi hidrolik sahaja, saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua, air ini boleh menyedut ke atas selepas itu turun ke bawah boleh menggunakan air itu. Dia tidak merosakkan sangat dari segi ekosistem sungai Ulu Jelai di mana wujudnya ikan patin, ikan kelah. Jadi kalau Tuan Yang di-Pertua berpeluang untuk pergi ke Taman Negara melalui jalan raya asli ini iaitu sungai-sungai, Tuan Yang di-Pertua akan dapat menikmati ikan-ikan yang liar berkeliaran semulajadi. Di air yang jernih iaitu ikan kelah dibakar memang sedap, ikan patin dimasak tempoyak. Orang sana pandailah.

Timbalan Yang di-Pertua: Masih banyak lagi Dato' kawasan sungai itu?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Masih-masih ada. Jadi, Tuan Yang di-Pertua boleh menikmati. Jadi, saya mintalah pihak kementerian memberikan penjelasan kepada saya adakah Ulu Jelai akan diberikan satu sistem hidro untuk dibuat dengan secepat mungkin dalam Rancangan Malaysia Kelapan supaya mereka di sana dapat menikmati elektrik dan dapat pula komputer dan dapat pula bersaing untuk masuk ke universiti. Saya menyokong rang undang-undang ini semoga dengan izin Allah s.w.t. rakyat jelata di negara kita menikmati tenaga sepenuhnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Gapar bin Gurrohu]: Dijemput Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim.

12.40 tgh.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga akan turut mengambil bahagian dalam waktu yang pendek untuk membincangkan sedikit mengenai Akta Bekalan Elektrik (Pindaan) 2000 ini. Pertama, saya mengalu-alu Akta Bekalan Elektrik (Pindaan) 2000 agar ianya dapat beroperasi dengan baik oleh pihak TNB. Saya ingin menyentuh pindaan ini secara umum memandangkan pada pandangan saya pindaan ini adalah positif kepada pengguna keseluruhannya.

Faktor pertama yang kita yakini bahawa dengan pindaan ini akan memantap kembali TNB dalam pengurusannya yang lebih berkesan dan keduanya secara tidak langsung dia akan turut meningkatkan ekonomi negara dan berkembang baik.

Kedua ialah pembelaan terhadap pengguna, terutamanya soal pengawal selia kepada pengguna elektrik itu sendiri di mana sama ada individu ataupun rumah individu ataupun bangunan orang ramai seperti dewan sekolah industri ataupun apa sahaja yang diperlukan oleh pengguna, terutamanya dengan pindaan ini secara tidak langsung dapat terbela nasib, nyawa, harta benda dan lain-lain juga akan turut terselamat. Apa yang saya ingin merayu kepada pihak TNB untuk memastikan tenaga sumber manusia yang akan beroperasi mesti memastikan bahawa mereka ini tidak mudah dan memejam mata dengan rasuah.

Perkara ini tidak mustahil berlaku kerana apabila diarahkan oleh penyelia yang mengawal selia bangunan ataupun industri yang diarah untuk menukarkan wayar-wayar baru ianya memerlukan kepada kos, kepada perbelanjaan yang tinggi. Walaupun kita dengan rayuan kerajaan sekarang mesra rakyat, jadi kita tidak mahu mengambil TNB dan tenaga operasi mengambil kesempatan untuk mesra rakyat terpaksa memejam mata dan menerima rasuah kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Seterusnya saya ingin merayu kepada pihak TNB supaya memasang kembali tiang-tiang elektrik di kampung-kampung terutamanya di luar bandar dengan alasan sekarang ini kita melihat kepada perkembangan terkini remaja dan sosial keadaan sekarang yang amat tenat berlaku pemaksaan, pukulan, penderaan dan perkosaan di tempat-tempat yang gelap. Jadi, tentulah sekali pengguna-pengguna dan penduduk di persekitaran di kampung-kampung yang gelap ini memerlukan suasana di waktu malam kepada sinaran cerah, tidak ada lain selain daripada bulan bintang yang agak jauh dari bumi ini maka Lembaga Letrik dan TNB lah di antara yang diperlukan oleh masyarakat pengguna dan masyarakat penduduk. Jadi, saya harap kepada TNB pasang semula dan tanamkan tiang-tiang elektrik yang pernah dahulunya dilayan atas permintaan pengguna dan pemohon. Tambahan tiang-tiang elektrik yang dipasang di hadapan rumah dengan kosnya yang murah kalau tidak silap saya hanya RM10.00 iaitu rancangan untuk luar bandar.

Jadi, saya berharap walaupun pindaan ini maknanya pihak TNB kena consider dan prihatinlah kepada keperluan pengguna terutamanya sahabat-

sahabat saya yang merayu dan bercakap, sentiasa kita bercakap untuk memenuhi permintaan elektrik kepada pengguna di luar bandar dan seterusnya di zaman globalisasi yang memerlukan komputer dan sebagainya. Jadi, saya rasa seperti mana saya katakan tadi saya hanya mengambil bahagian sedikit sahaja pada umumnya dan akhirnya dengan kata-kata lain saya juga turut menyokong dengan pindaan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Dengan ini saya menjemput pula bagi pihak Menteri Tenaga Komunikasi dan Multimedia untuk menjawab. Dijemput Yang Berhormat.

12.46 tgh.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai Rang undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2000. Saya ingin menjawab secara umum kerana banyak perkara yang dibangkitkan adalah lebih kurang sama. Yang pertama mengenai pelaksanaan 1% surcaj oleh TNB di atas kelewatan pembayaran bil elektrik. Banyak Ahli-ahli Yang Berhormat telah mempersoalkan apakah sebab, apakah rasional yang TNB boleh mengenakan surcaj 1%.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada isu ini saya ingin memaklumkan bahawa keputusan kerajaan membenarkan pihak TNB mengena surcaj sebanyak 1% adalah di atas asas bahawa surcaj 1% ini tidak seharusnya dianggap sebagai penalti tambahan. Justeru itu ianya tidak dianggap bercanggah dengan peruntukan undang-undang. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, langkah tersebut adalah merupakan satu tindakan alternatif oleh TNB daripada terpaksa membuat pemotongan bekalan elektrik. Ia juga adalah merupakan satu balasan atau consideration yang diberikan oleh TNB dalam bentuk pemberian tambahan masa kepada penggunaanya untuk membuat bayaran bil mereka sebelum tindakan pemotongan elektrik terpaksa dilakukan. Seperti yang dimaklumkan bahawa TNB sebenarnya boleh di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 membuat pemotongan bekalan elektrik tanpa notis terhadap pengguna tidak membuat pembayaran bil elektrik pada masa yang ditetapkan. Ini adalah kuasa TNB membuat pemotongan. Walau bagaimanapun untuk tidak membebankan para pengguna setelah menimbang kesukaran serta kerugian yang akan dihadapi oleh pihak pengguna

sekiranya bekalan elektrik dipotong maka TNB telah dibenarkan untuk mengenakan surcaj 1% sebagai satu alternatif yang akan membantu meringankan kesukaran yang akan dihadapi oleh para pengguna.

Bagi satu contoh Tuan Yang di-Pertua, katakan sebuah kilang yang tidak membuat pembayaran pada tempoh masa yang ditetapkan. Kalau TNB melakukan pemotongan bekalan elektrik kilang ini akan menghadapi banyak masalah, di mana pekerja-pekerja akan hentikan operasi kilang ini, tidak boleh diteruskan. Ini merupakan satu kerugian yang besar terhadap kilang.

Oleh itu TNB bila tidak memotongkan bekalan elektrik dengan secara yang tadi saya katakan, mengambil consideration iaitu mengenakan 1% surcaj. Jadi, bekalan elektrik kilang itu tidak diberhentikan atau tidak dipotongkan. Jadi, inilah yang tadi saya kata tidak boleh anggap sebagai penalti tambahan. Oleh itu kerajaan membenarkan pihak TNB mengenakan surcaj sebanyak 1%.

Tuan Yang di-Pertua, perkara mengenai caj penyambungan semula bekalan elektrik, saya ingin menjelaskan di sini iaitu pada masa dahulu sejak tahun 60-an, bayaran sambungan semula hanya RM3 sahaja untuk industri, kediaman dan perdagangan dan amaun ini iaitu RM3 tidak pernah diulang kaji. dan tadi saya kata, sudah lama dan kosnya pun telah meningkat.

Walau bagaimanapun, kadar baru yang dilaksanakan oleh TNB iaitu untuk industri dan perdagangan adalah RM80 caj sambungan semula dan RM10 untuk kediaman. Ini telah menyebabkan ramai pengguna membuat komplain atau aduan kepada kementerian ini dan juga ramai Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada Wakil Rakyat di Dewan Rakyat atau di Dewan Negara. Semua Ahli-ahli Yang Berhormat menyatakan, ini adalah satu caj yang tinggi di mana akan membebankan pengguna.

Oleh itu masa saya menjawab di Dewan Rakyat, saya pun telah memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa TNB harus ambil tindakan untuk mengkaji semula supaya caj penyambungan semula bekalan elektrik boleh diturunkan dan jangan membebankan pengguna. Oleh itu TNB telah membuat kajian dan keputusan telah diputuskan oleh TNB dan TNB akan mengenakan satu kadar caj yang baru. Di sini saya memang tidak boleh beritahu jawapan secara rasmi kerana keputusan ini belum sampai ke kementerian ini. Selepas mesyuarat kementerian ini, kita akan umumkan kadar baru yang telah diputuskan oleh TNB. Memang caj penyambungan semula ini akan diturunkan tetapi menunggu jawapan yang rasmi dari kementerian ini tidak lama lagi.

Ada Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan masalah mengenai Seksyen 38 (1A) yang mengatakan supaya kuasa-kuasa pihak polis yang berpangkat tidak kurang daripada Penolong Penguasa Polis untuk pemotongan bekalan elektrik dilanjutkan atau dipanjangkan kepada Yang di-Pertua Majlis Daerah atau Perbandaran. Ini satu cadangan yang bagus dan cukup baik tetapi di bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1963, Seksyen 21 A di mana kita masukkan kuasa kepada Yang di-Pertua Majlis Daerah atau Perbandaran. Ini adalah Akta Rumah Perjudian Terbuka '1963' adalah jatuh di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan. Saya akan merujuk perkara ini kepada Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini iaitu mengenai jumlah surcaj yang dikenakan sejak bulan Julai 2000 hingga Mei 2001 adalah RM54 juta surcaj atau tadi saya kata 1%. Kepada pengguna yang telah membayar cagaran kepada TNB secara wang tunai, mereka dapat faedah sebanyak RM500 tetapi *interest* atau faedah ini dibahagikan secara rebet dalam jumlah bekalan elektrik yang digunakan dan biasanya dibahagikan pada bulan Januari setiap tahun.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebanyak RM198.7 juta wang cagaran yang telah dikutip oleh TNB. Tadi saya katakan pengguna yang membayar cagaran secara wang tunai hanya boleh dapat faedah daripada TNB. Kepada syarikat-syarikat besar yang menggunakan kemudahan bank, sebagai contoh, bank guarantee atau corporate guarantee, ini bermakna mereka tidak layak dapat faedah daripada TNB.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pembaikan lesen.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Gapar bin Gurrohu]: Yang Berhormat Datuk, boleh kita sambung jawapan selepas rehat?

Datuk Tan Chai Ho: Boleh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Gapar bin Gurrohu]: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan mesyuarat Dewan ini sehingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengahari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***].

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila sambung.

2.32 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Tan Chai

Ho]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung jawapan saya. Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng telah membangkitkan perkara berkenaan surcaj ke atas pemegang lesen kerana lewat membuat pembayaran fixed kepada Suruhanjaya Tenaga dan beliau telah katakan bilangan pemegang lesen tidak banyak.

Sebenarnya, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan lesen adalah banyak. Saya boleh bagi angka yang tepat iaitu, pada tahun 1999, bilangan pemegang lesen adalah seramai 1,904. Untuk tahun 2000, adalah sebanyak 1,996. Jenis lesen adalah seperti di bawah ini iaitu utility utama iaitu TNB dan SESB tidak termasuk SECCO iaitu, utility lama di Sarawak.

Kita ada keluarkan lesen penjaanaan awam. Kita ada keluarkan lesen untuk penghantaran awam, lesen pengagihan awam, lesen untuk *co-generation* yang besar, lesen *co-generation* dengan pengagihan, lesen penjaanaan persendirian dan lesen pintasan. Kerajaan perlu bertindak secara adil. Kalau pihak syarikat utility atau pemegang lesen yang mengenakan 1% surcaj kepada pengguna dan jika mereka (pembayar) pay kepada Suruhanjaya Tenaga secara lewat, mereka tidak dikenakan surcaj, ini bermakna tidak adil. Itu sebab, kita menggubalkan atau kita memindahkan peraturan akta ini supaya semua pemegang lesen hendaklah melakukan pembayaran dengan tempoh masa yang ditetapkan.

Sementara Yang Berhormat Yew Tuan Chiew telah membangkitkan isu mengenai kebakaran akibat litar pintas terutama di bangunan lama. Tuan Yang di-Pertua,. saya ingin menjelaskan bahawa kejadian litar pintas adalah melibatkan pemasangan dalam sesuatu premis atau bangunan. Ianya tidak ada kaitan dengan sistem TNB. Sebenarnya, pengguna sepatutnya mengambil langkah untuk membaiki sistem pendawaian di dalam premisnya, dan di bawah peraturan di mana pemunya ataupun pemilik bangunan hendaklah melakukan pemeriksaan oleh orang yang *competent* iaitu, orang yang berkelayakan untuk melakukan ujian dan pemeriksaan. Selepas ujian, orang yang *competent* ini akan membuat cadangan sama ada tindakan perlu diambil supaya pendawaian adalah dalam keadaan yang baik. Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas boleh membuat pemeriksaan untuk

bangunan kecuali domestik. Ujian hendaklah dibuat sekurang-kurangnya lima tahun sekali atau bila-bila masa diarahkan oleh Pengarah JBE.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng telah membangkitkan isu pemotongan bekalan di bawah Seksyen 38 Akta 447 dan seksyen baru 38(1A) berkenaan pemotongan di bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1953. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemotongan sekarang tidak melebihi tiga bulan di bawah Seksyen 38 adalah khusus bagi kesalahan yang dilakukan di bawah, iaitu:

- (i) Seksyen 37(1) - Mengganggu atau melaraskan pemasangan atau mengilang, mengimport yang menyebabkan bahaya.
- (ii) Seksyen 37(3) - Pencuri tenaga. Kalau sesiapa melakukan kecurian elektrik, jadi pemotongan bekalan elektrik akan dilakukan oleh pihak pemegang atau pihak pembekal elektrik.
- (iii) Seksyen 37(14) - Merosakkan meter pemasangan dan sebagainya.

Oleh itu, pemotongan bekalan elektrik yang saya katakan, tidak melebihi sebulan, adalah spesifik di bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1953. Akta sedia ada memperuntukkan pemotongan bekalan elektrik di bawah Seksyen 37(1), tadi saya telah katakan, 37(3) dan 37(14) adalah tidak melebihi tiga bulan.

Pindaan Subsekyen 38(2A) memperuntukkan - walaupun peruntukan di atas adalah pemotongan tiga bulan - bagi kes yang spesifik di bawah Akta Rumah Judi Terbuka, pemotongan adalah tidak melebihi satu bulan. Ini bermakna apabila rumah atau bangunan yang disyaki oleh pihak berkuasa yang melibatkan aktiviti perjudian, jadi pihak polis boleh mohon kepada pemegang lesen atau pemegang bekalan letrik supaya potongan bekalan elektrik dilakukan. Dalam tempoh satu bulan, bila kes-kes telah disiasat, pihak polis boleh mengeluarkan surat kebenaran supaya pemilik atau pemunya bangunan itu boleh mendapatkan bekalan elektrik semula.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, telah membangkitkan isu-isu mengenai "*renewable energy*" iaitu satu tenaga yang boleh diperbaharui. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, kerajaan telah menetapkan supaya "*renewable energy*" ataupun tenaga diperbaharui menyumbangkan kepada 5% daripada jumlah bekalan elektrik bagi tempoh tahun 2001 hingga 2005. Pada masa ini, kerajaan sedang mengambil tindakan menggalakkan penjanaan elektrik "*renewable energy*" daripada sisa kelapa sawit dan sekam padi. Dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat tidak lama lagi

satu syarikat yang menjana *renewable energy* akan dimulakan. Ini satu berita yang baik.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz juga membangkitkan isu mengenai peratusan gas yang dibakar dan dibiarkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Petronas Berhad yang di bawah kawalan Jabatan Perdana Menteri. Perkara ini tidak di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Tenaga. Yang sebenarnya Suruhanjaya Tenaga yang hanya mengawal selia bekalan gas di peringkat *downstream* iaitu bekalan gas melalui talian paip sahaja dan lain-lain adalah di bidang kuasa JPM.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menerangkan bahawa iaitu EKTRAN Berhad atau Yang Berhormat dari Kelantan telah membangkitkan sama ada EKTRAN Berhad terlibat dalam kontrak projek hidro Bakun. Sebenarnya tidak ada. Ya, tidak ada. Pelencongan sungai yang baru disiapkan telah dilaksanakan oleh Tongkah Construction. Manakala kontrak 'upper dam' telah ditawarkan kepada Cropper Up Nine Sdn. Bhd. Kontrak 'upper dam' telah dibuat secara kontrak terhad di kalangan enam syarikat pembinaan dan akhirnya syarikat Cropper Up Nine Sdn. Bhd. berjaya dapat kontrak itu. Ini bermakna tidak ada berkaitan dengan syarikat EKTRAN Bhd. Buat masa ini tender untuk membina projek empangan utama iaitu 'main dam' sedang dipanggil, sedang diuruskan dan dijangka awal tahun 2002 tender ini akan dikeluarkan. Saya berharap Yang Berhormat tidak dapat makluman yang salah. Sebenarnya syarikat EKTRAN Bhd. tidak terlibat dalam projek hidro Bakun.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman bangkitkan perkara mengenai fungsi Suruhanjaya Tenaga sebagai pelindung hak-hak pengguna. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, lesen PP yang dikeluarkan oleh Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas dan apabila Suruhanjaya Tenaga telah beroperasi ia akan mengambil alih fungsi-fungsi JBE. Pada masa dahulu memang lesen IPP dikeluarkan oleh kerana permintaan bekalan elektrik yang cukup tinggi tetapi pada masa sekarang semua tender atau projek IPP akan dibuat secara *competitive bidding*. Ini bermakna mana syarikat yang boleh menawarkan syarat-syarat yang baik dari segi kualiti atau harga yang murah ia memang akan dapat tender itu. Ini adalah penting, Tuan Yang di-Pertua, ia akan mengurangkan tarif bekalan elektrik. Jadi, inilah satu cara di mana Suruhanjaya boleh menjaga kepentingan pengguna.

Dan mengenai perlantikan ahli-ahli Suruhanjaya Tenaga, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa kerajaan memang telah mengkaji dengan

teliti mengenai keperluan melantik ahli bagi melindungi hak pengguna. Salah satu ahli yang telah dilantik ialah Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna yang boleh kata bertanggungjawab ke atas halhal pengguna. Beliau telah dilantik untuk tempoh tiga tahun mulai Mei 2001 sehingga Mei 2004.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz telah membangkitkan perkara mengenai projek hidro di negeri Pahang. Saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa TNB telah membuat kajian, TNB telah melantik sebuah syarikat dari Jepun telah melakukan kajian dan TNB berharap pada awal tahun depan ia akan mengemukakan cadangan kepada kerajaan supaya satu projek hidro elektrik akan diadakan atau dibangunkan di negeri Pahang dan ia akan membekal lebih banyak electricity kepada negeri Pahang dan negeri-negeri lain. Kawasanya belum ditentukan. Jadi, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat saya tidak pasti tetapi sekurang-kurangnya syarikat Jepun yang dilantikkan oleh TNB pun telah mula mengkaji. Jadi, kita tumpulah pada tahun depan projek ini akan dimulakan.

Tuan Yang di-Pertua, inilah penjelasan atau penerangan daripada saya. Mana-mana yang saya tidak dapat jawab pegawai kementerian ini pun telah mencatatkan semua perkara-perkara iaitu cadangan, teguran dan semua ini akan diambil kira dan diberi pertimbangan sewajarnya.

Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Dato' Lee Pit Chern, Yang Berhormat K. R. A Naidu, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, Yang Berhormat Tuan Yew Tuan Chiew, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman dan Yang Berhormat dari Kelantan saya tidak dapat nama

Tuan Yang di-Pertua: Jamilah.

Datuk Tan Chai Ho: Siti Zailah ya.

Tuan Yang di-Pertua: Jamilah, Jamilah. Dua-dua bangun.

Datuk Tan Chai Ho: Yang Berhormat Puan Jamilah ya. Minta maaf tidak sebut nama Yang Berhormat ya. Semua Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai rang undang-undang ini. Dan semua tadi saya kata cadangan dan teguran akan diberi pertimbangan yang sewajarnya. Sekianlah, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan ali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 40 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang .

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG MAKANAN (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.00 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohame d]:

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mengemukakan rang undang-undang bernama suatu akta meminda Akta Makanan 1983 dibaca kali yang kedua di Dewan Negara sekarang.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Akta Makanan 1983 yang mula dikuatkuasakan pada tahun 1985 merupakan suatu undang-undang diwujudkan untuk melindungi orang ramai dari bahaya kesihatan dan penipuan di dalam penyediaan, penjualan, dan penggunaan makanan dan perkara-perkara yang berhubungan dengannya. Kementerian Kesihatan Malaysia telah diberi mandat untuk menguatkuasakan akta ini serta peraturan-peraturan di bawahnya.

Setelah 18 tahun Akta Makanan 1983 berkuat kuasa, kini ia perlu dikemaskinikan melalui pindaan ke atas beberapa peruntukan oleh kerana didapati peruntukan-peruntukan yang sedia ada tidak mencukupi untuk membolehkan Kementerian Kesihatan memastikan sistem kawalan mutu makanan negara berada di satu tahap yang tinggi selaras dengan perkembangan semasa. Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini akan dapat memperkukuhkan lagi undang-undang tersebut dengan memperketatkan atau mengatasi kelemahan atau dengan izin, "*lacuna*" yang sedia ada. Dengan pindaan ini, kewibawaan penguatkuasaan akan meningkat dan secara tidak langsung martabat kerajaan terpelihara dalam menghadapi cabaran globalisasi perdagangan makanan di alaf ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu keselamatan makanan sudah menjadi satu isu yang penting di negara ini mahupun di seluruh dunia masa kini. Dengan tertubuhnya Pertubuhan Perdagangan Sedunia, dengan izin, *World Trade Organization*, kepentingan keselamatan makanan meningkat khususnya yang berkaitan dengan perjanjian-perjanjian dengan izin, *Sanitary and Phytosanitary Measures (SPS)* dan *Technical Barrier To Trade (TBT)*, seperti signatory-signatory yang lain. Malaysia perlu menghormati perjanjian tersebut dan memenuhi segala kehendak-kehendak yang termaktub di dalamnya. Selain daripada WTO, kita perlu mengambil kira, dengan izin, *Asian Free Trade Area (AFTA)* menjelang tahun 2003 yang akan melicinkan urusan perdagangan makanan antara Asian. Dengan itu, kita perlu bersedia mulai sekarang untuk menentukan makanan dari negara-negara Asian yang dipasarkan di negara kita adalah selamat.

Di arena antarabangsa juga, sukacita saya memaklumkan, Malaysia kini telah melibatkan diri secara aktif dalam bidang keselamatan makanan di forum-forum seperti dengan izin, *Codex Alimentarius*, *ASEAN Senior Officials Meeting on Health*, *ASEAN Senior Officials Meeting of the Ministers of Agriculture and Forestry* dan *ASEAN 3*. Sokongan yang kita perolehi di forum antarabangsa tersebut serta keupayaan dan komitmen Kementerian Kesihatan dalam menangani isu-isu keselamatan makanan boleh menjadikan Malaysia sebagai dengan izin, *Centre of Excellence* dan Malaysia berupaya untuk memimpin negara-negara membangun yang lain dalam isu-isu keselamatan makanan di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan makanan mempunyai hubung kait yang rapat dengan kejadian penyakit-penyakit bawaan makanan yang bukan sahaja boleh memudaratkan kesihatan, bahkan boleh mengakibatkan maut. Pada tahun 1999 sahaja terdapat 536 kes penyakit kolera dengan 9 kematian, 811 kes penyakit tiroid dengan 2 kematian, 319 kes hepatitis A dan 8,640 kes keracunan makanan dengan 3 kematian di seluruh negara. Pada tahun 2000 pula, terdapat 128 kes penyakit kolera dengan 1 kematian, 722 kes penyakit tifoid dengan 4 kematian, 494 kes hepatitis A dan 8,052 kes keracunan makanan dengan 2 kematian di seluruh negara.

Kejadian penyakit-penyakit ini bukan sahaja menjejaskan kesihatan rakyat tetapi ia turut memberi impak negatif ke atas perdagangan antarabangsa dan impak yang paling kritikal ialah apabila industri pelancongan kita terjejas akibat penularan penyakit bawaan makanan seperti di atas. Ini memburukkan imej negara di kaca mata dunia yang negara kita kurang bersih dan sanitari. Selain daripada kejadian

penyakit bawaan makanan, berlaku juga pencemaran makanan oleh bahan-bahan kimia seperti *beta-agonist*, *nitrofurantoin*, *chloramphenicol*, residu racun perosak, dioksin dan lain-lain yang seringkali dibangkitkan di Dewan yang mulia ini.

Seperti yang kita sedia maklum, pencemaran bahan-bahan toksik seperti bahan kimia dan racun perosak boleh menyebabkan penyakit-penyakit yang kronik seperti kanser yang mungkin tidak boleh diubati atau amat mahal untuk dirawat. Dalam tahun 1999, sebanyak 8% pelanggaran *beta agonist* daripada 311 sampel, 3% pelanggaran *nitrofurantoin* daripada 627 sampel, 2% pelanggaran *chloramphenicol* daripada 97 sampel dan 3.9% pelanggaran residu racun perosak daripada 4,190 sampel telah dikesan. Pada tahun 2000, sebanyak 16% pelanggaran *beta agonist* dari 718 sampel, 3% pelanggaran *nitrofurantoin* daripada 892 sampel, 0.6% pelanggaran *chloramphenicol* daripada 494 sampel dan 1.3% pelanggaran residu racun perosak daripada 4,410 sampel telah dikesan.

Penguatkuasaan ke atas penyalahgunaan *beta agonist* dalam daging khinzir telah dipertingkatkan semasa Tahun Baru Cina 2000 dari 20 Januari hingga 17 Februari 2000 melalui operasi khas iaitu Ops Naga. Hasil operasi ini, didapati 46% sampel melanggar undang-undang daripada 124 sampel yang dianalisa. Ini telah membuktikan peruntukan perundangan semasa, terutama daripada segi denda yang dikenakan adalah tidak mencukupi atau dengan izin *deterrent* untuk memberi iktibar kepada mereka yang sengaja melanggar peraturan-peraturan untuk mengaut keuntungan tanpa mempedulikan kesan ke atas kesihatan masyarakat.

Pada pertengahan tahun 1999 pula, seluruh dunia dikejutkan dengan krisis dioksin akibat pencemaran eksport makanan seperti daging dan hasil ternakan dari benua Eropah khususnya dari negara Belgium.

Demi melindungi kesihatan masyarakat, Kementerian Kesihatan telah memainkan peranan proaktif dalam isu ini dengan mengenakan penahanan import makanan di pintu-pintu masuk serta penyitaan makanan di pasaran dengan serta merta. Sepanjang tempoh krisis dioksin ini pengimportan pelbagai makanan yang bernilai lebih kurang RM10 juta telah ditahan untuk saringan di pintu-pintu masuk, manakala makanan bernilai lebih RM1.7 juta telah disita di pasaran tempatan. Lebih kurang 2,000 panggilan telah diterima dengan izin, *hot line dioxin*. Dalam hal ini kita harus bersyukur kerana Malaysia merupakan satu-satunya negara membangun yang telah dapat mengambil tindakan tegas bagi mengawal krisis ini dengan pantas

sebagaimana yang dilaksanakan oleh negara maju walaupun dikritik oleh negara asing.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum industri pelancongan kita merupakan sumber ekonomi ketiga terpenting bagi negara. Pada tahun 1999, sejumlah 7.9 juta pelancong melawat negara ini dan pada tahun 2000 jumlah ini telah meningkat ke 10.2 juta. Tidak dapat dinafikan industri penting yang mendapat manfaat dari industri pelancongan ini ialah industri makanan tempatan dan Malaysia kini memang terkenal sebagai dengan izin, *food heaven* di rantau ini.

Mengikut statistik tahun 1999, para pelancong telah membelanjakan 18.8% atau RM2.54 bilion daripada keseluruhan perbelanjaan mereka ke atas makanan dan minuman sahaja. Tentu sekali makanan yang selamat, prasarana yang berketerampilan serta persekitaran yang bersih lagi terkawal akan lebih meyakinkan pelancong datang ke negara kita. Semua faktor ini menyumbang dan menyokong hasrat negara untuk menjadikan dengan izin, *Malaysia Truly Asia*.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus ambil maklum jumlah eksport makanan negara semakin meningkat. Pada tahun 1994, nilai eksport makanan negara ialah RM3.14 bilion dan ini telah meningkat kepada RM5.1 bilion pada tahun 2000 antara bulan Januari hingga Ogos.

Malangnya, masih terdapat makanan yang dieksport ke negara maju ditolak atas sebab-sebab pencemaran mikro organisma yang boleh menyebabkan penyakit bawaan makanan. Sekiranya perkara ini berterusan dan berleluasa, ia tentu sekali merugikan negara. Untuk menentukan produk Malaysia berdaya saing di arena antarabangsa, pengeluar-pengeluar perlu meningkatkan pengeluaran makanan yang selamat dan berkualiti mengikut kehendak-kehendak standard antarabangsa. Dengan itu program-program bagi memastikan jaminan kualiti perlu diwajibkan ke atas industri-industri makanan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan amat memandang serius ke atas semua perkara yang berkaitan dengan keselamatan makanan yang harus wujud ke atas semua rantai makanan dari ladang hingga ke meja makan atau *from farm to table*. dengan izin. Dengan itu pindaan ke atas beberapa peruntukan akta ini amat tepat sekali supaya menentukan makanan keluaran tempatan atau yang diimport tidak menjejaskan kesihatan rakyat dan juga dapat memastikan persaingan sihat di kalangan industri makanan negara termasuk bagi tujuan eksport. Pindaan-pindaan

tersebut juga dialu-alukan oleh semua pihak terutama oleh pihak industri dan pihak pengguna kerana dapat melindungi kepentingan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, secara am, pindaan yang dimaksudkan merangkumi beberapa perkara yang ketara iaitu:

- (i) Pindaan yang membenarkan Menteri Kesihatan membuat peraturan untuk mengawal selia premis makanan dan orang-orang yang terlibat dengannya di seluruh negara. Ini amat diperlukan bagi memastikan keselamatan makanan melalui peningkatan sanitasi dan kebersihan makanan. Peraturan tersebut juga akan mewajibkan semua pengendali makanan menjalankan pemeriksaan kesihatan dan latihan pengendalian makanan yang sempurna seperti yang sering disarankan oleh semua pihak.
- (ii) Peruntukan baru dimasukkan bagi mewajibkan pihak industri memanggil balik atau dengan izin, *recall*, produk yang boleh memudaratkan kesihatan awam. Peruntukan ini akan memastikan pihak industri sentiasa berwibawa dan dengan izin, *accountable*, dalam menghasilkan makanan yang selamat dan berkualiti. Peruntukan ini bagi memastikan pihak industri bertanggungjawab sekiranya tidak menghasilkan makanan yang selamat.
- (iii) Pindaan ke atas kadar penalti supaya ianya ditingkatkan setimpal dengan kesalahan yang berat seperti mana yang diharapkan oleh semua pihak. Buat masa ini, di bawah Seksyen 13 akta tersebut, hanya terdapat satu penalti am bagi semua kesalahan tanpa mengambil kira tahap kesalahan yang dilakukan. Pindaan ini akan memastikan orang yang disabit kesalahan dikenakan hukuman setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini telah dialu-alukan oleh pihak industri dan pengguna serta mendapat persetujuan agensi-agensi kerajaan yang lain. Ulasan pihak berkenaan telah diambil kira bagi melicinkan penguatkuasaan dan pelaksanaan pindaan berkenaan. Faedah yang banyak yang akan diperolehi oleh semua pihak di mana penyakit akan berkurang, kebersihan meningkat dan imej

negara akan lebih terserlah. Ini secara tidak langsung akan dapat meningkatkan produktiviti di mana penolakan produk akan berkurang dan kualiti produk akan meningkat. Ia juga akan memperkembangkan lagi industri pelancongan kita, meyakinkan lagi pengeksporan negara dan mengurangkan kos rawatan penyakit yang perlu ditanggung oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menghuraikan pindaan-pindaan penting yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda Seksyen 2, Akta Makanan 1983 bagi memasukkan takrif baru tertentu atau meminda takrif tertentu yang sedia ada seperti berikut:

- (a) Takrif baru bagi “hasil tembakau” untuk memenuhi keperluan pemakaian akta secara langsung bagi hasil tembakau;
- (b) Pindaan takrif “makmal” yang diluluskan untuk melengkapkan definisi “makmal” yang diluluskan seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 4(14);
- (c) Pindaan takrif “menjual” atau “penjualan” yang termasuk tukar barang dan tukar ganti dan juga penjualan elektronik selain daripada penjualan langsung;
- (d) Pindaan takrif “pengarah” bagi mengambil kira nama jawatan yang baru;
- (e) Pindaan takrif “penyediaan” yang meliputi pembungkusan supaya pembungkus makanan boleh dikenakan tanggungan bagi kesalahan di bawah akta;
- (f) Takrif baru “peraturan-peraturan kesihatan antarabangsa” dipakai bagi tujuan penahanan mana-mana pesawat udara, kapal atau kenderaan dalam pelayaran antarabangsa di bawah akta ini;
- (g) Pindaan takrif “perkakas” untuk meliputi kesemua alat dan yang berkaitan dengan perdagangan makanan; dan
- (h) Takrif baru “premis makanan” bagi memperjelas dengan terperinci tafsiran bagi premis yang digunakan berhubung dengan makanan dan takrif baru bagi “tembakau” untuk memenuhi keperluan pemakaian akta secara langsung bagi tembakau.

Fasal 3 bertujuan memasukkan seksyen baru, Seksyen 3A untuk memberi kuasa kepada Menteri meluluskan makmal bagi maksud akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan beberapa peruntukan di bawah Seksyen 4 sedia ada adalah kurang lengkap dan tidak sesuai dipakai pada masa ini, seksyen berkenaan dipinda di bawah Fasal 4 bertujuan meminda:

- (a) subseksyen 4(1) untuk membolehkan seseorang pegawai berkuasa menjalankan kerja penguatkuasaan pada bila-bila masa;
- (b) subseksyen 4(1)(a) untuk mengambil kira takrif baru premis makanan;
- (c) subseksyen 4(1)(b) supaya selaras dengan Peraturan-peraturan Kesihatan Antarabangsa 1969; dan
- (d) Subseksyen 4(1)(f) untuk membolehkan pegawai berkuasa menyita dan menahan makanan yang melanggar akta berserta dengan apa-apa perkakas yang digunakan berkaitan dengan makanan itu.

Fasal ini juga bertujuan memasukkan subseksyen 4(1A), 4(1B), 4(1C), 4(1D) dan 4(1E) bagi memberi kuasa kepada pegawai berkuasa merekodkan pernyataan daripada saksi-saksi untuk tujuan menjamin pelaksanaan penguatkuasaan yang lebih berkesan dan meminda subseksyen 4(3) untuk mengambil kira takrif baru "premis makanan".

Subseksyen 4(8) membolehkan mahkamah atas permintaan seseorang pegawai berkuasa membuat perintah bagi pemusnahan atau pelupusan bukan sahaja makanan yang melanggar akta tetapi termasuk juga apa-apa perkakas yang digunakan berkaitan dengan makanan itu.

Subseksyen 4(10) memberi kuasa kepada pegawai berkuasa untuk memusnahkan makanan yang melanggar akta dan yang telah disita berserta dengan apa-apa perkakas yang digunakan berkaitan dengan makanan itu dan subseksyen 4(15) dipotong dengan adanya sub subseksyen baru 32A dalam Fasal 16 mengenai pendakwaan kesalahan di bawah akta.

Tuan Yang di-Pertua, bagi melicinkan tugas-tugas pegawai berkuasa, Fasal 5 bertujuan meminda subseksyen 8(1) untuk memberi kuasa kepada seseorang pegawai berkuasa semasa pemeriksaan premis makanan untuk mendapatkan maklumat sama ada dalam bentuk dokumen atau selainnya berhubung dengan,

antara lain, pengimportan atau penyediaan makanan di premis makanan itu dan subseksyen 8 (4) (b) dalam Bahasa Inggeris dipinda supaya selaras dengan terjemahannya di dalam Bahasa Malaysia.

Fasal 6 bertujuan menyusun semula peruntukan seksyen 10 dengan meminda nota birai dengan memasukkan takrif "premis makanan" dan seterusnya meminda subseksyen 10 (1), 10 (2), 10 (3), 10 (4), 10 (5) dan 10 (6) dalam akta dengan adanya takrif "premis makanan".

Fasal 7 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 12A untuk memberikan takrif baru bagi istilah "pemunya hak pengilang ataupun pembungkus" untuk memperluaskan tanggungan kepada pemunya hak pengilang atau pembungkus bagi memastikan pihak yang melanggar peruntukan Akta Makanan menerima hukuman yang setimpal dengan kesalahan.

Fasal 8 bertujuan menggabungkan subseksyen 13 (1) (a) dan subseksyen 13 (2) sedia ada kepada seksyen 13 baru yang menyatakan seseorang yang menyediakan atau menjual apa-apa makanan adalah melakukan suatu kesalahan jika makanan itu mengandungi apa-apa bahan yang beracun, merosakkan atau selainnya yang memudaratkan kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 9 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 13A, 13B dan 13C untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan tertentu berhubung dengan makanan dan untuk menggambarkan berat kesalahan dengan peruntukan penalti yang setara dengan kesalahan itu.

Seksyen baru 13A memperuntukkan penalti ke atas kesalahan menyediakan atau menjual apa-apa makanan yang tidak sesuai untuk dimakan oleh manusia seperti makanan dari binatang atau sayur-sayuran yang berpenyakit, kotor atau reput. Penalti bagi kesalahan ini adalah denda tidak melebihi RM50,000. Hukuman penjara yang boleh dikenakan ialah tidak melebihi 8 tahun, berbanding dengan 5 tahun seperti yang diperuntukkan sekarang.

Penalti dan hukuman penjara yang lebih berat ini adalah setimpal dengan kesalahan yang dilakukan dan ini akan menjadikan pengeluar makanan lebih bertanggungjawab ke atas keselamatan makanan yang mereka hasilkan.

Subseksyen baru 13B memperuntukkan penalti ke atas kesalahan menjual makanan yang diadunkan atau dicairkan untuk menyusutkan sifatnya yang semula jadi. Satu contoh yang dapat diberikan ialah mencairkan susu lembu mentah dengan air untuk mendapat keuntungan yang lebih. Denda ke atas kesalahan seperti ini

ialah tidak melebihi RM20,000 dan hukuman penjara yang boleh dikenakan ialah tidak melebihi 3 tahun.

Denda dan hukuman yang sama dikenakan ke atas kesalahan mengeluarkan ramuan dari makanan seperti mengeluarkan minyak essential ruap dari rempah-ratus yang menjadikan rempah-ratus tersebut mempunyai mutu yang lebih rendah. Begitu juga penggunaan bahan pewarna dalam serbuk teh yang menyembunyikan kerendahan mutu teh yang digunakan. Akta yang sedia ada tidak mempunyai peruntukan untuk memanggil balik, memindahkan atau menarik balik makanan yang melanggar akta ini daripada jualan. Dengan itu, Fasal 9 juga bertujuan untuk memasukkan seksyen baru, Seksyen 13C mengenai satu peruntukan baru yang memberi kuasa kepada pihak berkuasa memerintah pemanggilan balik, pemindahan atau penarikan balik daripada jualan makanan yang melanggar akta dari premis makanan.

Seksyen ini juga mewajibkan mana-mana orang yang disebut di Seksyen 24 supaya memanggil balik, memindah atau menarik balik daripada penjualan apa-apa makanan yang melanggar akta. Peruntukan baru ini akan menjadikan semua pihak yang berkaitan dengan makanan menjadi lebih prihatin dan bertanggungjawab atas makanan yang dijual oleh mereka.

Fasal 10 bertujuan mewujudkan satu subseksyen baru, subseksyen 19(1A) yang mengenakan tempoh masa tidak melebihi 90 hari bagi pengeluaran perakuan juru analisis untuk mengatasi masalah pengeluaran perakuan juru analisis, manakala subseksyen 19(2) memanjangkan tempoh sebelum sesuatu pendakwaan dimulakan bagi satu kesalahan di bawah akta dari 90 hari ke-150 hari untuk mengatasi masalah kerja siasatan yang mengambil masa.

Fasal 11 bertujuan meminda subseksyen 20(i) supaya pihak yang memerlukan juruanalisis memberi keterangan, memberi notis tentang permintaan itu kepada pendakwa tiga hari genap sebelum perbicaraan.

Fasal 12 bertujuan meminda subseksyen 22(a) untuk memperluaskan pemakaian subseksyen ini terhadap pengimport, pengilang atau pembungkus supaya meliputi pemunya hak pengilang atau pembungkus dan ejen-ejen mereka.

Fasal 13 memperuntukkan satu seksyen baru iaitu seksyen 23A mengenai isu keterangan pakar dan menjelaskan kehendak-kehendak dari segi tatacara sebelum keterangan itu boleh dikemukakan dalam mahkamah.

Fasal 14 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 24(3) yang menganggap bahawa pengimport, pengilang, pembungkus, peladang atau orang-orang yang menyediakan makanan atau pemunya hak pengilang atau pembungkus atau ejen-ejen mereka bertanggungjawab bagi penjualan apa-apa makanan yang melanggar akta oleh mana-mana pihak, seolah-olah setiap seorang daripada orang itu secara perseorangan melakukan penjualan itu.

Fasal 15 bertujuan meminda seksyen 28 dengan memperluaskan tanggungan seseorang pengimport, pengilang, pembungkus atau orang yang menyediakan makanan bagi penjualan apa-apa makanan yang melanggar akta, yang dijual dalam bungkusan tidak terbuka bagi meliputi pemunya hak pengilang ataupun pembungkus atau ejen-ejen mereka. Fasal 16 bertujuan meminda subseksyen 32(2) berikutan pindaan kepada seksyen 19 dalam Fasal 9.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini telah mengambil kira perkara 145 Perlembagaan Persekutuan untuk memulakan, menjalankan atau menghentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan dan mencadangkan Fasal 17 untuk memasukkan seksyen baru 32A mengenai pendakwaan kesalahan di bawah akta yang memerlukan keizinan bertulis dari Pendakwa Raya.

Sehubungan dengan itu Fasal 18 dicadangkan bertujuan meminda seksyen 33 mengenai kuasa Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Pengarah untuk mengkompaun kesalahan di bawah akta. Fasal itu menjelaskan tatacara bagi pengkompaunan sesuatu kesalahan. Akta yang sedia ada tidak mempunyai peruntukan mengenai kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan.

Fasal 19 dicadangkan untuk memasukkan tiga seksyen baru 33A, 33B, 33C. Seksyen 33A ialah mengenai peruntukan di mana pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai sesebuah pertubuhan, perbadanan yang serupa boleh dipertuduh secara berasingan atau bersama dalam prosiding yang sama dengan pertubuhan-pertubuhan perbadanan itu. Seksyen 33B adalah berhubung dengan perlindungan terhadap prosiding undang-undang yang diberikan kepada seseorang pegawai berkuasa, manakala seksyen 33C mengandungi peruntukan tanggungan rugi.

Fasal 20, bertujuan meminda seksyen 34 mengenai kuasa Menteri untuk membuat peraturan dengan:

- (a) meminda subseksyen 34(h) untuk mengawal selia premis makanan dan orang-orang yang terlibat dengannya dan

memotong subseksyen 34(i) disebabkan pindaan ke atas seksyen 34(h).

- (b) memasukkan subseksyen baru 34(ra) untuk membolehkan pemanggilan balik pemindahan atau penarikan balik daripada penjualan makanan yang melanggar akta dari premis makanan; dan
- (c) meminda subseksyen 34(w) untuk meningkatkan penalti maksimum denda RM5,000 yang sedia ada kepada RM10,000 bagi pelanggaran mana-mana peraturan yang dibuat di bawah akta.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 21 bertujuan meminda subseksyen 36 akta yang membolehkan peruntukan akta diperluaskan kepada tembakau atau hasil tembakau melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah akta. Subseksyen baru 31(1) mengadakan peruntukan bagi pemakaian langsung akta kepada tembakau dan hasil tembakau.

Melalui subseksyen 36(2) Menteri tanpa menjejaskan kuasanya untuk membuat peraturan-peraturan akta adalah diberi kuasa untuk membuat peraturan-peraturan tentang perkara-perkara tertentu berhubung dengan tembakau dan hasil tembakau. Peruntukan yang sedia ada akta menyatakan secara umum kuasa untuk membuat peraturan-peraturan tentang tembakau dan hasil tembakau. Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk memberikan kuasa tentang hal itu secara mutlak dan khusus.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta Makanan 1983 yang disebutkan di atas perlu dan tepat pada masanya supaya dapat memperkukuhkan serta meningkatkan lagi keberkesanan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G. Sothinathan]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Makanan 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu.

3.35 ptg.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Kesihatan kerana membentangkan satu akta yang penting iaitu satu akta untuk meminda Akta Makanan 1983. Mukadimah yang diberikan oleh Yang Berhormat adalah yang terbaik dan begitu komprehensif dan kita berharap visi dan misi Kementerian Kesihatan akan tercapai khususnya mengenai keperluan WTO dan AFTA. Kita harus meningkatkan kualiti makanan dan juga makanan yang selamat untuk mencapai satu *world-class standard*. Walaupun kita telah memfokuskan, mempertingkatkan kualiti makanan kita kepada suatu tahap yang *world-class standard* kita harus juga menumpukan atas makanan tempatan iaitu beberapa pindaan yang dicadangkan adalah sejajar dengan perubahan yang telah berlaku, bukan sahaja dalam negeri tetapi juga di luar negara iaitu proses globalisasi dan liberalisasi dan juga dalam negara ialah sektor perkhidmatan telah meningkat khususnya peningkatan bilangan hotel, restoran dan gerai-gerai makan. Majoriti rakyat kita suka keluar makan dan kita suka makan beberapa kali sehari. Oleh kerana itu pihak berkuasa harus menjamin apa yang kita makan adalah makanan yang bersih dan tidak memudaratkan kesihatan.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan juga merangkumi bukan sahaja menjual atau penjualan tetapi juga termasuk barang dan tukar ganti dan penjualan elektronik dan penjualan langsung. Ini adalah perubahan yang baru dan saya merasa bangga bahawa Kementerian Kesihatan menumpukan atas penjualan seperti ini khususnya penjualan elektronik.

Berhubung seksyen 13A, 13B dan 13C menjamin bahawa penjual makanan tidak menjual apa-apa bahan yang beracun atau bahan yang merosakkan atau memudaratkan kesihatan kita.

Seksyen 13B menentukan makanan yang tidak sesuai untuk dimakan oleh manusia dan seksyen 13C mengenai makanan yang diadukan. Seksyen-seksyen baru ini adalah penting untuk menjaga kesihatan rakyat kita. Akta Ibu iaitu Akta 281 mempunyai kuasa untuk mengawal selia makanan yang dijual adalah bersih dan sesuai untuk dimakan oleh manusia. Ada beberapa syarat mengenai kawal selia makanan kebersihan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, selalu kita dengar atau membaca dari surat khabar bahawa murid-murid daripada sekolah atau asrama sekolah kena sakit perut

ataupun *diarrhoea* daripada makanan yang diberikan kepada mereka. Ini adalah satu masalah yang sentiasa kita hadapi di negara kita. Operator kantin-kantin sekolah membekalkan makanan kepada asrama-asrama sekolah harus dikawal selia dengan lebih ketat.

Oleh kerana beberapa kesalahan seperti menjual *stale food*, makanan yang diadukkan berlaku di sana. Guna tenaga mengikut sektor iaitu perniagaan barang runcit, hotel dan restoran menggunakan 17% dibandingkan dengan pertanian 15% dan pembuatan 28%. Pada tahun 2000, guna tenaga yang *actively employed* adalah 9.2 milion daripada jumlah penduduk 23.2 milion. Saya sebutkan data-data ini untuk menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada guna tenaga ini makan di luar rumah iaitu di tempat kerja mereka, di kantin, di gerai dan di restoran dan sebagainya. Bilangan pembekal-pembekal telah pun meningkat sejajar dengan permintaan. Walaupun akta ini mempunyai beberapa syarat untuk menjaga kebersihan makanan dan kebersihan premis-premis yang menjual makanan, masih ada banyak ruang untuk menjaga kebersihan ini. Satu tanda kebersihan di kawasan gerai-gerai makanan adalah ketiadaan tikus. Saya difahamkan bahawa dalam beberapa kawasan gerai makanan, tikus adalah sebesar kucing. *Rats are as big as the cat, so much so the rat catch the cat not the other way round* dan saya harap Kementerian Kesihatan dan DBKL harus berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh untuk menghapuskan masalah tikus oleh kerana tikus adalah ejen atau pembawa penyakit-penyakit yang serius seperti yang telah disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu kolera, Hepatitis A dan B, keracunan, tifoid dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan yang lebih lanjut adalah Fasal 10 di mana tempoh untuk analisis dan kerja siasatan akan dipanjangkan daripada 90 hari ke 150 hari. Saya ingin tahu apakah terjadi kepada penjual atau pembekal makanan yang bersalah. Adakah penjualan beliau dihentikan atau diberi kebenaran untuk menjalankan perniagaan beliau. Jika perniagaan beliau diberhentikan, bukankah tempoh ini adalah panjang dan akan membawa kerugian yang besar.

Fasal 18 memberi kuasa untuk kompaun kesalahan. Saya harap pegawai-pegawai yang diberi kuasa ini tidak salah gunakan kuasa yang diberi kepada mereka. Sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian untuk membentangkan satu rang undang-undang yang begitu komprehensif. Satu

masalah yang di timbul beberapa kali adalah penguatkuasaan yang efektif, *the effective implementation of the law*. Untuk menguatkuasakan rang undang-undang ini, pembekal dan juga pengguna harus mendapat maklumat mengenai beberapa syarat dalam akta ini khususnya mengenai kebersihan jualan makanan yang memudaratkan kesihatan, mengendalikn makanan dari premis makanan dan sebagainya. Bolehkah saya bertanya kepada Kementerian Kesihatan bagaimanakah maklumat ini disampaikan kepada penjual makanan khususnya pemilik gerai-gerai seperti penjual kue tiau atau roti canai dan teh tarik.

Satu aspek yang lain adalah pendidikan konsumen. Mereka juga harus mempunyai maklumat mengenai rang undang-undang ini supaya mereka akan memainkan peranan mereka sebagai pengguna yang bertanggungjawab, juga mereka mengetahui hak-hak mereka sebagai konsumen. Dengan itu jika kita memberi maklumat kepada mereka, kita boleh meningkatkan taraf dan kualiti makanan yang diberi di dalam negara. Dengan itu saya ingin menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Safinah.

3.45 ptg.

Puan Safinah Jusoh: Bismilahir rahmanir rahim. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memulakan perbahasan Rang Undang-undang Makanan (Pindaan) 2000 dengan membaca maksud sepotong ayat suci Al-Qur'an yang maksudnya, "*wahai manusia makanlah dari apa-apa yang ada di atas muka bumi ini yang halal dan baik dan janganlah kamu mengikuti jejak syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagi kamu.*"

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang untuk saya turut sama membahaskan Rang Undang-undang Makanan ini. Umum mengetahui bahawa makanan merupakan keperluan asasi manusia dan sangat berkait rapat dengan produktiviti pertanian negara. Dalam Islam, faktor makanan dan pemakanan ini merupakan suatu hal yang perlu diberi perhatian yang berat kerana makanan yang diambil akan menentukan tahap kesihatan seseorang itu baik dari segi fizikal, jiwa, mental dan juga kerohanian mereka. Justeru itu saya mencadangkan agar kedua-dua faktor ini iaitu kesan ke atas fizikal, rohani, emosi dan mental akan diambil kira dalam melaksanakan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejak akhir-akhir ini import bahan makanan negara telah menjangkau lebih daripada RM2.5 bilion. Ini seolah-olah menunjukkan kepada

kita bahawa negara kita belum mampu mengadakan persediaan dan perancangan negara untuk menghasilkan produk makanan tersendiri. Dengan hal yang demikian, rakyat keseluruhannya terdedah kepada ancaman pencemaran makanan terutamanya kandungan bahan kimia yang tinggi dalam makanan yang diimport kerana ada sesetengah makanan itu perlu diawet supaya tahan lama untuk sampai ke negara kita. Kita juga terdedah kepada kesan negatif daripada bahan makanan yang diimport dari luar negara seperti daging lembu yang dicemari oleh penyakit lembu gila yang membawa kepada sejenis penyakit yang menyerang sistem saraf di bahagian otak manusia dan begitu juga dengan penyakit kuku dan mulut.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, bagi menentukan rakyat dalam negara selamat daripada menghadapi risiko makanan import, kerajaan mestilah memastikan agar program-program penyelidikan dan pembangunan (R&D) harus dipergiat dan dipertingkatkan bagi memperluaskan dan mempelbagaikan sumber makanan agar tidak terhad. Peranan dan fungsi MARDI mestilah diperluaskan dan diperkasakan dalam usaha membantu negara mencapai satu tahap yang membanggakan dalam penyediaan bahan makanan sendiri yang berkualiti kepada rakyat seluruhnya dan juga untuk diekspor.

Tuan Yang di-Pertua, pada bulan April 2000 yang lalu, kira-kira 100 orang pelajar Sekolah Menengah Che Tom, Sungai Petani Kedah telah disahkan keracunan makanan. Sebelum dan selepas ini juga terdapat banyak kes yang dilaporkan berkaitan masalah yang sama. Saya mengharapkan pindaan terhadap Akta Makanan 1983 ini akan turut menumpukan terhadap kaedah membendung dan mengatasi permasalahan ini. Secara keseluruhannya saya melihat betapa pindaan ini juga banyak menumpukan kepada perkara-perkara perundangan sahaja seperti contohnya kenaikan amaun denda daripada RM1,000 dahulunya kepada RM100,000 berdasarkan kepada pindaan berserta dengan hukuman penjara kepada para pengusaha makanan yang bersalah.

Walau bagaimanapun, aspek pendidikan kepenggunaan makanan masih kurang diberi penekanan dan kurang disentuh. Pada hal, ia perlu disampaikan dan diketahui oleh semua pihak yang terlibat dengan makanan iaitu seperti pengeluar dan pengguna makanan dan begitu juga dengan para pegawai yang menguatkuasakan rang undang-undang ini.

Seandainya semua pihak mempunyai ilmu dan maklumat, maka mereka akan lebih mudah memahami baik buruk tentang satu-satu makanan dan boleh membuat

satu penilaian yang sebaik-baiknya dan tepat terhadap pengambilan makanan itu. Justeru itu, saya mencadangkan pihak kerajaan mempergiatkan lagi kempen-kempen kaedah pemakanan yang berkhasiat dan seimbang di samping terus memberi garis panduan kepada rakyat berkaitan isu-isu semasa mengenai makanan ataupun bahan-bahan makanan yang disyaki bermasalah dan tercemar dan untuk kita menghadapi AFTA dan juga WTO nanti, akan terdapatlah lambakan makanan dalam pasaran di negara kita.

Akhirnya, saya mencadangkan agar sebarang penguatkuasaan, hendaklah dijalankan dengan jujur, cekap dan dengan penuh rasa bertanggungjawab, dan dengan ini saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

3.51 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin menyokong pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Akta Makanan 1983. Satu aspek yang penting pada pendapat saya ialah begitu seriusnya kerajaan untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang menyediakan makanan yang beracun atau makanan yang memudaratkan kesihatan atau makanan yang tidak baik daripada segi kesihatan. Ini adalah langkah-langkah yang patut disokong oleh semua pihak.

Dalam pindaan yang dicadangkan itu, saya dapati berkenaan dengan pindaan kepada fasal 4(a)(i) itu, satu cadangan untuk diberi kuasa supaya dapat memasuki apa jua premis yang menjalankan aktiviti makanan itu daripada masa-masa yang munasabah kepada bila-bila masa iaitu satu peruntukan yang akan memberi lebih kuasa kepada pegawai kementerian atau mereka yang membuat kerja penguatkuasaan, memasuki sebarang premis pada bila-bila masa.

Sungguh pun ini adalah satu cadangan yang baik tetapi daripada segi penguatkuasaan, adakah ini bermakna selama 24 jam, pegawai daripada kementerian ini rela, bersedia dan cukup tenaga memasuki sebarang premis untuk menjalankan tugas penguatkuasaan itu. Kalau ini boleh dibuat dan ada tenaga pekerja yang mencukupi untuk membuat, saya sangat mengalu-alukan ini tetapi, kalau kita hanya ada undang-undang tetapi daripada segi penguatkuasaan, ada kelemahan dan kita tidak dapatlah masuk premis-premis berkenaan pada masa yang dianggap tidak begitu sesuai, oleh kerana tidak cukup orang, maka ini kena dikaji semula sama ada patut diadakan atau tidak?

Pada pendapat saya, ini adalah suatu kuasa yang begitu luas tetapi kalau ada kelemahan daripada segi penguatkuasaan, maka ini akan melemahkan sahaja hasrat untuk mengadakan pindaan kepada fasal 4(a)(i) ini.

Saya juga dapati dalam pindaan, ada difikirkan perlu bukan sahaja masuk tetapi mengambil sampel, membuat pemeriksaan, membuat ujian dan sebagainya kepada makanan itu tetapi kalau sesuatu makanan itu sudah tidak baik, sudah ada racun yang mungkin merosakkan kesihatan. Kalau kita mengambil sampel dan sampel itu kena diuji dan sebagainya, bagaimana kita boleh menjamin makanan itu tidak dijual semasa kita membuat pemeriksaan kepada sampel itu? Kalau itu masih dapat dijalankan, iaitu penjualan dapat diteruskan, maka tidak ada maknalah kerana apabila ujian itu telah memastikan betul-betul ada racun dalam makanan itu tetapi makanan itu sudah diedarkan kepada pihak-pihak lain dan telah sampai ke perut rakyat kita, maka sudah lambatlah untuk mengambil apa jua tindakan.

Lebih baik kalau ada peruntukan di mana kalau kita syaki, bukan sahaja kita berhak mengambil sampel tetapi makanan itu juga jangan dipindahkan, patut dirampas, patut disita dan mungkin patut dimusnahkan supaya ia tidak dapat digunakan. Kalau kita tidak berbuat demikian, maka bagi saya tidaklah bermakna langsung kalau nanti apabila kita sudah buat semua ujian itu, kita dapati apa yang kita syak itu memang benar, maka sudah terlambatlah kerana mungkin sudah mengakibatkan kematian dan sebagainya kepada pengguna-pengguna bahan atau barangan itu.

Pada pendapat saya, adalah lebih baik kalau kita syak sesuatu sampel itu betul-betul ada masalah, lebih baik kita serta merta mengehadakan pergerakan barang makanan itu, membawa balik ke stor, ke kementerian dan selepas itu, kita boleh buat ujian yang teliti kerana ujian itu mungkin akan mengambil masa yang begitu panjang.

Di bawah pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 34(w) itu iaitu amaun penalti dicadangkan dinaikkan daripada maksimum RM5,000 ke RM10,000. Sungguh pun ini adalah satu amaun yang boleh dikatakan dua kali ganda daripada amaun asal, pada saya ini masih satu amaun yang sangat kecil sahaja memandangkan kalau seseorang itu telah mati akibat daripada termakan racun dalam makanan itu, maka didenda RM10,000 itu pun bagi saya tidak mencukupi. Adalah elok kalau kita kena kaitkan sama ada barangan itu telah membawa satu akibat yang serius atau tidak? Kalau makanan itu tidak memudaratkan maka

mungkin amaun yang kita patut kenakan itu tidak begitu banyak tetapi kalau makanan itu mengandungi bahan-bahan yang telah dilarang, tetapi masih digunakan oleh pihak itu, maka amaun denda bagi saya, sungguh pun RM10,000, sungguhpun wang sudah jadi dua kali ganda yang asal itu, masih terlalu rendah dan haruslah dipertingkatkan.

Saya dapati ada banyak fasal jugalah yang memerlukan pihak yang menyediakan makanan itu sentiasa mengawasi perkara ini demi kebaikan dan kesihatan rakyat yang menggunakannya. Bagi saya, itu adalah langkah-langkah yang patut dilakukan tetapi daripada segi penguatkuasaan, saya haraplah semangat yang diberi kepada pindaan itu juga dipanjangkan kepada penguatkuasaan. Semangat yang sama, harus dipanjangkan kepada penguatkuasaan kerana dalam banyak kes yang kita lihat, selepas kejadian itu, baru kita ambil tindakan. Tetapi, kita patut mengambil tindakan pencegahan sebelum sesuatu perkara yang serius itu berlaku.

Dengan demikian, saya menyokong pindaan-pindaan ini. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Jamilah dahulu.

4.00 ptg.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut mengambil bahagian dalam perbahasan untuk meminda Akta Makanan 1983.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini kita melihat kebanyakan institusi perniagaan dan juga institusi-institusi lain beroperasi hanya memikirkan soal keuntungan semata-mata. Kita dapati pengusahanya tidak lagi memikirkan soal implikasi kepada pengguna atau pembeli atau sebagainya. Maka sepanjang hari ini kita membincang untuk membuat pindaan kepada dua bil iaitu bil di waktu pagi tadi saya mengambil bahagian dan saya memberi peringatan awal supaya tenaga kerja yang beroperasi mesti diawasi agar mereka tidak terlibat dengan rasuah. Sayangnya tidak ada respons oleh pihak kerajaan. Maka dalam pindaan rang undang-undang ini saya juga terus memberi peringatan yang sama supaya dengan pindaan yang akan dilakukan ini dan tenaga pekerjanya adalah sumber tenaga manusia sekali lagi saya akan memberi peringatan yang sama iaitu laksanakan kerja dengan ikhlas, beramanah dan tidak menggunakan jalan yang tidak betul.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil perhatian dalam Dewan ini mengenai pengimport daging dari luar negara. Saya ingin memastikan supaya Kementerian Kesihatan membuat pemeriksaan yang rapi kerana akhir-akhir ini kita melihat pengguna lebih-lebih lagi penyedia makanan boleh dikatakan kebanyakan penjual-penjual makanan menggunakan daging import terutamanya pengguna-pengguna daripada kalangan umat Islam. Saya harap pihak Kementerian Kesihatan menggunakan apa bentuk mekanisme yang boleh diguna pakai bagi memastikan makanan-makanan yang diimport khususnya daging dan makanan yang lain juga, pastikan ianya halal kerana kita yakin dan satu kefahaman yang telah diberi peringatan awal oleh al-Quran bahawa makanan yang bersih dan halal akan meninggalkan implikasi baik kepada kesihatan minda dan kecergasan fikiran. Kalaulah perkara ini kita tidak kawal maka sudah pasti generasi muda warga pelajar akan turut terganggu daya fikir mereka dan kecerdasan pemikiran mereka. Manakala warga lama ataupun warga tua sudah pasti akan terganggu dengan kesihatan diserang oleh pemakanan yang tidak dikawal.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ingin saya sebutkan di sini ialah hasrat kerajaan untuk menjaga kualiti dan kewibawaan makanan. Jadi saya ingin menarik perhatian di Dewan ini bahawa di setengah-setengah jabatan perlulah dibuat lawatan mengejut dengan segera. Kerana saya melihat sendiri iaitu di pejabat JPJ Selangor yang beroperasi di Padang Jawa, Shah Alam sehingga hari ini tidak ada kantin dan tidak ada kafeteria sedangkan di sini tempat yang begitu sibuk sekali kepada pengguna. Cubalah Tuan Yang di-Pertua, bayangkan kalau tidak ada kantin dan tidak ada kafeteria dan orang ramai terpusu-pusu pergi tiap-tiap hari berurusan dengan JPJ bagaimana keadaan? Jadi, saya mintalah kepada pihak kerajaan yang berkenaan terutamanya Kementerian Kesihatan kalau boleh esok pagi hantar wakilnya pergi ke JPJ Selangor kerana saya pergi sendiri dan saya tengok sendiri hanya gerai-gerai (stall) didirikan di tepi pinggir parit sahaja. Itu....

Tuan S.G. Sothinathan: Pohon penjelasan. Apa kementerian ada kena mengena dengan JPJ? Saya rasa eloklah kita terus kepada...

Puan Jamilah binti Ibrahim: Ya, saya sentuh mengenai kesihatan. Dia ada hubung kait mengenai kesihatan. Ini di jabatan kerajaan dan di antara pindaan tadi ialah melihat kepada kualiti dan kewibawaan yang akan dioperasikan oleh Kementerian Kesihatan. Sebab itulah saya sentuh dan perkara ini adalah keperluan pengguna dan orang awam dan harus disegerakan.

Jadi, akhirnya satu hal lagi untuk minta kepada Kementerian Kesihatan memastikan pemakanan yang berkualiti kerana ini juga satu faktor penting kepada kedatangan pelancong dalam negara kita. Jadi, saya rasa saya tidak perlu bercakap dalam banyak-banyak hal. Kita beri peluang kepada kawan-kawan kita untuk menyentuh dalam hal-hal yang lain.

Jadi, saya akhirnya turut menyokong pindaan ini, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Datuk William.

4.06 ptg.

Datuk William Lau Kung Hui: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang untuk membuat pindaan kepada Akta Makanan.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan di atas usahanya yang telah memainkan peranan penting dalam bidang mengawal selia.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta Makanan ini sangatlah kena pada masanya berikutan kajian jangka panjang ke atas undang-undang makanan yang menunjukkan betapa kawalan terhadap penyediaan dan pengeluaran makanan perlu dipermodenkan dan dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat beberapa pindaan yang terkandung dalam rang undang-undang ini akan mendapat perhatian serius para peniaga yang berkenaan kerana beberapa kesalahan baru akibat tidak mematuhi undang-undang telah diwujudkan dan hukuman melanggar undang-undang telah juga dinaikkan. Pindaan-pindaan yang dinyatakan ini akan mengakibatkan setiap orang yang terlibat dengan penyediaan makanan serta yang berkaitan dengannya dikenakan dengan tanggungjawab yang tinggi.

Sebagai contohnya, Tuan Yang di-Pertua, di bawah Fasal 15 dan Fasal 16, kedua-dua Seksyen 24 dan 28 akan merangkumi lebih ramai orang yang dipertanggungjawabkan kerana terlibat dengan penjualan makanan yang ditegah. Manakala di bawah Fasal 9 pula mewujudkan satu tanggungjawab baru di atas sesiapa sahaja yang dirujuk di dalam Seksyen 24 untuk memanggil balik, memindahkan atau menarik balik daripada penjualan sebarang makanan yang melanggar seksyen baru 13, 13A dan 13B.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 19 lagi mewujudkan satu seksyen baru 33A untuk menangani kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh badan-badan korporat. Semua perubahan dasar besar yang dicadangkan ini akan membolehkan kawalan yang lebih ketat dikenakan ke atas mereka yang bertanggungjawab menyediakan makanan yang tercemar dan untuk mempertingkatkan prosedur penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kementerian Kesihatan bersikap keras dan tegas, pada pandangan saya dalam melaksanakan undang-undang ini namun ianya juga mempunyai sifat timbang rasa. Keadaan ini boleh saya buktikan dengan melihat Seksyen 33A (b) di mana dibekalkan dengan specific defenses, dengan izin kepada mereka yang boleh membuktikan sebaliknya iaitu

- (b) *jika pertubuhan perbadanan itu didapati bersalah atas kesalahan itu, hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsi-fungsinya atas sifat itu dan semua hal keadaan, dia membuktikan –*
- (i) *bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya, keizinannya atau pembiarannya;*
 - (ii) *bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah dan menjalankan segala usaha yang sewajarnya untuk mengelakkan pelakuan kesalahan itu.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai pertanyaan dan komen bagi kedua-dua proviso (i) dan (ii). Walau bagaimanapun, izinkan saya berucap dalam bahasa Inggeris kerana perkara ini adalah sedikit teknikal.

Tuan Yang di-Pertua, *the general principal of criminal law is that authority must prove that a person intended to commit the offences if which he or she is charged before the conviction can be obtained.*

Di bawah proviso (i), nampaknya *the offence must have involved the consent or cognizance of the accused person. It is suggested that the consent presupposes knowledge while cognizance really requires suspicion alias to acquiescence and that actual knowledge may not be essential. Further, it seems that negligence is a relevant concept as criminal liability may also arise if the company's criminal act is acceptable to the neglect of the Director or other officer.*

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan proviso ini mungkin boleh menimbulkan kekeliruan, saya berharap Kementerian Kesihatan dapat memberikan penjelasan terhadap isu-isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya selanjutnya ingin menyentuh proviso (ii) di mana diperuntukkan "dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah dan menjalankan segala usaha yang sewajarnya untuk mengelakkan pelakuan kesalahan itu" atau dalam bahasa Inggeris, "*that he took all reasonable precautions and had exercised due diligence to prevent the commission of the offence*".

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *the defense of due diligence appears in different context under different status. Some version of the defense of due diligence simply required due diligence and all reasonable precautions to be shown.* Manakala, *others have a preliminary requirement that something such as a mistake, accident or other cause beyond the accused control, reliance or information supplied but endurance or the act of default of endurance be shown to have cause the commission of the offence.*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta penjelasan dari Kementerian Kesihatan sama ada *due diligence*, dengan izin, yang diperuntukkan di bawah proviso (ii) ini dimasukkan berdiri dengan sendiri tanpa sebarang syarat awalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berhasrat menyentuh satu perkara di bawah Fasal 19 yang mengatakan tanggungan kepada pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai serupa ini yang lain bagi penubuhan perbadanan itu atau orang yang berupaya sebagai bertindak atas mana-mana sifat sedemikian atau mengikut apa-apa cara atau sehingga apa-apa tahap bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan atau membantu dalam pengurusan sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini sangatlah jelas kerana ia menghalang pegawai syarikat yang bertanggungjawab dari berlindung di sebalik tabir perbadanan, atau dengan izin, *to hide behind the corporate's view*. Untuk mengelakkan tanggungan, prosedur ini mengiktiraf doktrin yang bernama *entity corporate* berasingan dan ditujukan kepada struktur pengurusan pangkalan korporat yang terdiri daripada mereka yang mengeluarkan arahan atau dengan izin, *alter ego of the company*.

Tuan Yang di-Pertua, tanpa peruntukan ini, para pengarah, setiausaha syarikat dan lain-lain boleh menafikan semua tanggungan kesalahan jenayah yang dilakukan oleh syarikat walaupun atas desakan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya selanjutnya ialah saya ingin bertanya kepada kementerian berkenaan, kumpulan anggota khusus yang manakah yang boleh dikategorikan sebagai pengurus? Adakah ini termasuk kakitangan rendah seperti pengurus cawangan yang tidak mengambil peranan dalam membuat keputusan di peringkat pusat atau atasan dan juga tidak bertanggungjawab bagi pihak mereka? Saya berharap Kementerian Kesihatan boleh menjelaskan maksud liputan perkataan 'pengurus' supaya ketidaktentuan dalam perkara ini boleh dihindarkan.

Tuan Yang di-Pertua, makanan adalah sangat penting kepada kesihatan anda. Jika makanan yang tercemar di tangan dan dimakan oleh kita, ia sudah tentu akan menjejaskan kesihatan kita. Untuk menjamin rakyat di negara ini menikmati makanan yang baik, penggubalan undang-undang ini, peraturan sahaja adalah tidak mencukupi sahaja. Pelbagai pendekatan seperti pendidikan, publisiti, rundingan, galakan dan sebagainya adalah diperlukan juga.

Sehubungan dengan ini, saya sukacita mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan di atas usahanya menubuhkan Majlis Keselamatan Makanan Negara (National Food Safety Council) yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri. Dengan wujudnya majlis ini, saya yakin peranan kementerian untuk mengawal selia mutu pengeluaran makanan dan menjamin makanan adalah selamat untuk dimakan atau menjadi lebih berkesan.

Dengan kata-kata ini dan komen, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menyokong sepenuhnya rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Aziz.

4.19 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah juga kepada pihak kerajaan kerana membuat pindaan di atas Akta Makanan 1983 yang lebih mengkhususkan kepada pengawalan dari segi keselamatan negara.

Saya juga ucapkan tahniah kepada sahabat saya, Senator Datuk William yang memberikan hujah-hujah legalistic terhadap rang undang-undang ini, mudah-mudahan ianya dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, kerana kita dapati statistik yang diberitahu kepada kita, berapa banyak kes-kes makanan beracun dianalisa dan sebagainya itu amat sedikit, amat kecil jika dibandingkan dengan jumlah penggunaan.

Saya tengok dari segi tahun 1999, misalnya, penternak yang menggunakan *nitrofurans*. Contoh yang diambil oleh pihak kementerian, 619 contoh ayam yang disyaki menggunakan *nitrofurans* yang dianalisa, 17 contoh atau 2.7% didapati positif. Benda ini akan membawa kanser, Tuan Yang di-Pertua.

Soalan saya kalau setakat 619 contoh ayam ini tidak memadai. Saya difahamkan jumlah ayam yang dimakan oleh penduduk-penduduk Malaysia ini berjuta-juta sehari. Jadi, bolehkah atau tidak pihak kementerian menentukan contoh-contoh sampling ini dibesarkan dan diperluas sehinggakan ianya menjadi betul-betul 'representative' – wakil kepada pengguna-pengguna. Jadi, saya minta jumlah itu ditentukan dan diperluaskan. Saya tidak tahu di mana contoh ini diambil. Mungkin di Kuala Lumpur sahaja, kita ambil contoh-contoh di Pulau Pinang, di Johor Bharu, Kuala Lumpur, Kuantan, Sabah dan Sarawak dan kita tentukan mereka ini memenuhi hasrat kita.

Begitu juga bagi tahun 2000, saya diberitahu di sini 868 contoh ayam dianalisis, 23 contoh atau 2.6% disahkan positif. Sampelnya kecil sangat. Jadi, kalau sampel 868 dapat 2.6%, ini tidak memberikan gambaran yang menentukan orang-orang lain yang makan ayam itu selamat. Jadi, saya teramat kecewa dengan contoh-contoh semacam ini.

Selain daripada itu, 5 daripada pengeluar ini mendapat surat amaran. 8 orang didenda. Daripada contoh-contoh ini, 5 dapat surat amaran, 8 orang didenda, jumlah denda yang dikutip pada tahun 2000, RM4450. Kalau dibahagikan dengan 8 orang tadi, bererti tiap-tiap seorang didenda RM556.25. Mereka mengakibatkan kanser. Kerja-kerja macam ini, hendak menggemukkan ayam, dahulu saya sudah pernah bercerita dalam Dewan ini, kalau disuntik sini... [*Menunjukkan di tengkuk*] Ayam itu, kalau kita makan tengkuk dia ini Tuan Yang di-Pertua, orang lelaki akan jadi perempuan [*Ketawa*] kerana dari segi hormon ayam itu akan membesarkan tempat-tempat tertentu yang hanya elok kepada wanita dan bukan kepada lelaki. Jadi, kanser ini bila kita sudah tahu, barang-barang semacam ini akan mengakibatkan kanser. Lepas itu, dari segi 'Chlorom Fennico' 97 contoh ayam dianalisis, 2 contoh atau 2.1% positif. Tahun 2000 508 ayam contoh dibuat dapat 3 yang positif, 0.6% yang positif.

Jadi, saya perhatikan sampling dia ini tidak begitu sesuai dalam keadaan sekarang dari segi jumlah penggunaan rakyat jelata begitu tinggi dan ianya tidak memberikan kita, tidak berapa senang hatilah dengan sampel yang sekecil itu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan sayur-sayuran. Dahulu, kalau Tuan Yang di-Pertua ingat sayur-sayuran dari Cameron Highlands, bila dihantar ke Singapura pada satu ketika, Singapura banyak. Singapura dari segi jabatan pengeluaran utama dia telah pun banyak menolak sayur-sayuran kita kerana kadang-kadang terlalu banyak toksik yang terdapat dan dia menjeniskan 9 bahan aktif dalam racunnya ini iaitu 'methamedopose, chloperepose, monochroctopose, pentiac, profenopose, proteopose, quilnopose, theazopose'...*[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: Apa banyak sangat "pose" tu Dato'?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: ...dan 'omituac'. Jadi, semuanya ini dalam 9 jenis racun Tuan Yang di-Pertua, orang Singapura tolak dan sampel yang digunakan banyak dan banyak yang ditolak. Bila sampai kepada penganalisis di Malaysia, sikit sangat ditolaknyanya. Ini pun saya merasa sangsi. Sampling yang kita buat itu mungkin tidak, bukan sahaja tidak banyak, berkemungkinan 'cincai' sedikit kalau dalam bahasa pasar ini. Jadi, saya bimbang sangat, toksik daripada sayur-sayuran.

Jadi, kalau saya pergi ke pasar, kadang-kadang saya pergi. Saya hanya beli sayur-sayuran yang ada kesan ulat-ulat. Yang mana sayur-sayuran yang tidak begitu hijau tetapi ada lubang-lubang, maknanya ada kesan digigit oleh ulat. Itu saya beli. Kalau yang licin, yang memancar, berkilat, hijau itu, jangan beli, Tuan Yang di-Pertua kerana sayur-sayuran semacam itulah yang diselaputi ra cun dan serangga-serangga tidak datang makan.

Timbalan Yang di-Pertua: Untuk makluman, saya pun macam Dato' juga.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Ha, itu bagus.

Timbalan Yang di-Pertua: Pilih yang berlubang-lubang.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Yang berlubang-lubang kita ambil, hak tidak berlubang jangan ambil. *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya amat kecewa kerana amalan pengurusan perosak bersepadu telah pun kita tunjukkan kepada petani-petani kita sejak tahun 1984 tetapi malangnya mengikut satu kajian, petani Selangor dan Negeri Sembilan yang patuh kepada amalan pengurusan perosak bersepadu ini yakni menggunakan toksik mengikut formula yang baiklah, hanya 49.9% sahaja. Ini telah pun diajar, yang diajar oleh Jabatan Pertanian, Lembaga Pertubuhan Peladang dan sebagainya tetapi hanya 49.9% petani-petani di Negeri Sembilan dan juga di Selangor yang menggunakan dan mengikut cara-cara pengurusan perosak bersepadu ini.

Bererti lebih separuh daripada petani, ini di Selangor dan Negeri Sembilan, tidak termasuk yang lain-lain, tidak menggunakan cara dan kaedah yang ditetapkan oleh pihak kerajaan – penggunaan toksik. DDT misalnya, dahulu Tuan Yang di-Pertua, DDT kita gunakan untuk menghalau nyamuk dan sebagainya tetapi rupanya content DDT ini pun begitu merbahaya kepada kita.

Jadi, saya bimbanglah adakah mereka yang kena kanser sekarang ini, dari hospital kita, adakah pihak kerajaan mengkaji kanser-kanser itu, adakah ianya dikaitkan dengan sayur-sayuran yang beracun. Adakah ianya dikaitkan dengan ayam-ayam yang banyak menggunakan toxic dan chemical ini tadi. Adakah ianya akibat dari orang yang terlalu banyak menghisap rokok ataupun orang yang bersekongkol dengan orang yang menghisap rokok. Dia tidak menghisap rokok, dia kata silent smokers, dia duduk sebelah.

Misal kata saya duduk sebelah Tan Sri, Tan Sri hisap cerut tiap hari, jadi saya lagi teruk akibatnya daripada asap cerut itu yang saya hidu. Kalau 20 batang, Tuan Yang di-Pertua, kalau dihisap saya duduk dekat dia. Seolah-olah sa ya menghidu udara di chimney, negara kita tidak ada chimney tetapi negara-negara Barat yang ada chimney, kita duduk di chimney kita sedut nafas. Itu dibandingkan. Jadi, silent smoker ini rupa-rupanya mendapat silent killer daripada orang yang menghisap rokok. Asap-asap daripada sahabat kita. Mujur Tan Sri tidak menghisap cerut. Kalau begitu saya amat bimbang.

Datuk M. Kayveas: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang minta laluan.

Datuk M. Kayveas: Penjelasanlah di sini. Itu unwilling smoker ataupun innocent smoker, not silent smoker.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih, innocent smoker, unwilling smoker, dia tidak menghisap rokok tetapi dia menerima akibat yang teruk, kanser ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, memanglah banyak sekarang ini pejabat-pejabat kerajaan, kementerian-kementerian buat label "*Jangan Menghisap Rokok*", "*Dilarang Merokok*" dan pegawai-pegawai dan kakitangan pergi menghisap di bawah. Jadi, banyak masa dihabiskan, menghisap di bawah. Dia keluar daripada bangunan. Saya pun pergi ke tempat-tempat di luar negara pun begitu Tuan Yang di-Pertua. Banyak bangunan, syarikat yang besar-besar ini dia larang orang merokok tetapi kakitangan mereka duduk tepi jalan hisap rokok. Lepas hisap rokok naik ke atas balik.

Saya bimbang kepada pihak kementerian, pihak kerajaan. Ramaikah atau tidak kakitangan kerajaan yang tidak dapat hisap rokok tetapi pergi, macam kita pergi ke tandas, sekali-sekala, bukan selalu. Dia pergi ke tempat menghisap rokok ini lebih kurang tiap-tiap satu jam sekali. Jadi, masa pun habis, kesihatan terganggu dan saya minta kempen anti merokok ini diperluas supaya ianya tidak merebak.

Tuan Yang di-Pertua, kita hanya mengkaji dari segi pengeluaran-pengeluaran, kita tidak mengkaji dari segi pemakanan-pemakanan. Kini Tuan Yang di-Pertua, kita termasuk dalam era, dalam zaman moden ini di mana penyakit terbesar di dunia dan termasuk di Asia sekarang ini iaitu penyakit obesiti dan diabetes selain daripada kanser.

Obesiti ini Tuan Yang di-Pertua, saya pun naik sedikit badan pasal lama tidak naik kuda selalunya badan saya tidak sebegini gempal. Jadi, saya hendak tutuplah sedikit, malu sedikit – saya rasa malu kalau sekiranya badan saya naik.

Jadi, soalnya sekarang obesiti sudah pun menjadi punca selain daripada diabetes kepada punca penyakit-penyakit bukan sahaja negara-negara yang maju, negara-negara membangun sebab apa Tuan Yang di-Pertua, negara kita dilanda dengan McDonalds, dilanda dengan barang-barang jenama yang francaisnya yang dibuat secara mudah tetapi banyak contentnya mengandungi lemak.

Saya hendak tahu daripada pihak kerajaan kalau kita berkempen 'Anti Obesiti' dengan senaman, kita kempen 'Anti Diabetes' dan sebagainya kurangkan gula, adakah kita mengawal supaya makanan-makanan yang dipasarkan di negara kita ini mengikut had lemak dan had gula yang ditentukan. Kalau tidak Tuan Yang di-Pertua, saya tengok dari segi minuman tin rupanya gula terlalu tinggi di dalamnya. Coca Cola misalnya, saya tidak tahu Coca Cola itu sebab itu saya tidak minum Coca Cola. Coca Cola itu bukan main tinggi content gulanya dan ianya juga seolah-olah beracun. Kalau kita taruh duit syiling Tuan Yang di-Pertua, lepas itu taruh Coca Cola, duit syiling yang berkilat dari segi coppernya akan menjadi kelabu pasal entah apa barangan chemical di dalam Coca Cola, ini sebagai satu contoh.

Begitu juga kalau kita gunakan duit syiling yang baru ini letak di sini lepas itu taruh cili sos atau tomato sos, kita gosok-gosok pada duit syiling itu, duit syiling itu bertukar warna serta-merta. Saya tidak tahu pasal apa, saya bimbang perut saya bertukar warna apabila saya makan cili sos ataupun tomato sos yang dijual di pasaran.....

Timbalan Yang di-Pertua: Balik ini Yang Berhormat Tuan S. G. Sothinathan kena buat apa yang Dato' suruh.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:yes, kita boleh pergi ke kantin taruh duit syiling, taruh cili sos atau tomato sos gosok pada duit syiling, duit syiling itu akan bertukar warna yang amat mengejutkan.

Jadi, soalnya Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan selain daripada mewujudkan akta yang begitu komprehensif ini mesti mengawal had-had (limitations) kepada pertamanya gula, kedua lemak, yang ini penting.

Jadi, kalau kita pergi ke kedai-kedai hamburger ini lemak punya content kita hendak tahu berapa, kita mesti beritahu kepada pengguna. Macam saya hendak pergi – saya hendak tanya berapa peratuskah lemak di dalam hamburger ini, mungkin 40%, mungkin 50%, dagingnya kecil-kecil dan sedikit-sedikit sahaja tetapi lemaknya banyak. Begitu juga dari segi makanan-makanan lain, mereka terpaksa melabelkan berapa jumlah peratusan gula dan lemak kerana kita hendak menjaga kesihatan generasi yang datang, generasi sekarang ini tidak boleh jaga dia terlalu terikat dengan makanan-makanan.

Serupa juga di kantin ada seorang sahabat saya iaitu Senator Dato' Dr. T. Marimuthu mengatakan di kantin pun begitu juga kenapa sekarang ini anak-anak murid kita lebih suka makan makanan yang dipanggil makanan apa itu snek-snek, [Disampuk] ha, *fast food, snack*. Makanan semacam itu minyak pun banyak, lemak pun banyak jadi tidak memberikan kekuatan kepada badan dari segi protinnya kurang, lebih banyak negatif daripada positif dan perkara seperti ini kena kawal, dia kena didik daripada sekolah. Kantin-kantin sekolah mesti ada senarai makanan yang telah pun diluluskan oleh Kementerian Kesihatan supaya anak-anak yang pergi ke sekolah hanya mendapat makanan-makanan yang sepatutnya dijual mengikut kaedah yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan. Barulah kita membesarkan anak-anak kita dalam iklim yang sihat.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah mencadangkan di Dewan yang mulia ini salah satu cara untuk hendak mengatasi masalah-masalah racun ini Tuan Yang di-Pertua, terutama dari segi sayur-sayuran dan tanam-tanaman ialah supaya Malaysia dijadikan sebuah negara yang terkenal dari segi tanaman-tanaman organik. Kita banyak tanah, luas dan komposnya banyak. Kompos ini Tuan Yang di-Pertua, ialah baja yang digunakan daripada hampas-hampas, daripada kayu-kayan, rumput-rumpai kita buat baja kompos. Tidak payah kita gunakan chemicals ini, kimia-kimia

ini dan negara-negara macam Iceland, Tuan Yang di-Pertua, telah mengutamakan tanaman-tanaman organik.

Kalau kita pergi ke pasaran-pasaran dunia sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, di mana-mana sahaja tiap-tiap pasar raya, supermarketnya ada satu corner khusus untuk tanaman-tanaman organik, pisang organik, buah-buah organik, sayur-sayur yang organik layu-layu sedikit, berlubang-lubang sedikit. Memang itu tidak ada chemical.

Jadi, kenapa kita tidak boleh? Ini kerjasama antara kementerian – ini mengurangkan kerja-kerja Kementerian Kesihatan kerana bila ia organik, pengawasannya hanya kepada Kementerian Pertanian dari segi tanaman, dari segi content tanahnya adakah ianya mempunyai chemical. Tanah itu bebas (free) daripada bahan kimia, maka kerja-kerja untuk menentukan akta ini tidaklah sebegitu hebat yang ada sekarang ini kerana terlalu banyak chemical.

Jadi, kalau kita jadikan Malaysia sebagai sebuah negara pengeluaran barang-barang organik saya yakin dan percaya ini merupakan satu paradigma baru. Kalau negara China pun boleh buat, di negara China ini, Tuan Yang di-Pertua, satu bukit itu khusus untuk mengeluarkan teh-teh organik dan harga pasarannya lebih tinggi. Dia buat satu persatuan yang diiktiraf oleh European Union, Kesatuan Eropah dan Amerika dan sekarang ini barang-barang itu mendapat harga yang ada premium, lebih mahal daripada yang tidak organik. Di sini pun ada tetapi tidak begitu luas.

Saya mencadangkan perluaskanlah tanaman-tanaman sayur-sayuran, buah-buahan secara organik bagi menentukan kesihatan generasi kita yang akan datang terutamanya dan ini tentu juga akan mendatangkan hasil apabila kita mengeksport barang-barang ini ke negara-negara yang kini hanya mengutamakan barang-barang organik.

Tuan Yang di-Pertua, jadikanlah Malaysia sebagai negara yang mengamalkan barang-barang organik. Jadi, saya sudah sentuh tentang obesiti, saya sudah sentuh tentang penyakit diabetes.

Saya hendak sentuh pula dari segi Majlis Pemakanan Negara yang mengeluarkan sijil kualiti kesihatan setiap makanan ini. Saya difahamkan Majlis ini telah pun dan hanya dapat mengeluarkan 36 sahaja sijil. Daripada 63 pengeluar makanan untuk dieksport. Sijilnya itu Tuan Yang di-Pertua, diberi oleh kementerian menunjukkan bahawasanya proses untuk membuat makanan-makanan itu mengikut

kaedah-kaedah yang diluluskan oleh piawai antarabangsa, yang diterima oleh pasaran antarabangsa Amerika dan Kesatuan Eropah 36 buah pengeluar sahaja daripada 63.

Saya ingin bertanya yang 63 itu selain daripada mengeluarkan barang-barang untuk pasaran luar juga mengeluarkan barang-barang pasaran dalam. Kalau mereka tidak diluluskan dengan certificate untuk ke pasaran luar adakah pihak kementerian membiarkan mereka mengeluarkan makanan untuk kita makan. Bererti apa yang kita makan daripada yang tidak dapat certificate 36 daripada 63 tadi mengeluarkan makanan, kita makan mengikut piawai yang tidak diterima oleh antarabangsa tetapi diterima oleh kita.

Saya hendak tanya adakah ianya begitu ataupun sebaliknya. Kalau perkara ini berlaku sedemikian rupa bererti kita mendiskriminasikan pengguna-pengguna yang menggunakan makanan-makanan yang kurang tahap piawaiannya dari segi kesihatan. Yang baik kita hantar eksport ke luar macam kita hantar sayur ke Singapur, orang Singapura check betul-betul jadi sayur yang mereka terima itu sayur yang betul-betul hebat, tidak ada keracunan kerana dia check betul-betul tetapi orang kita check tidak berapa banyak, makanlah benda yang ada racun sedikit-sedikit itu tidak apalah. Ha, ini saya bimbang diskriminasi antara kualiti untuk eksport dan kualiti untuk penjualan dalam negeri, saya hendak kalau boleh kita samakan.

Jadi perkara ini sudah berlaku. Kalau sekiranya hanya 36 daripada 63 syarikat-syarikat pengeluaran makanan ini diberikan certificate, adakah ianya bererti kita di Malaysia ini mendapat makanan yang kurang dari segi kesihatan? Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah pihak Kementerian Kesihatan, dengan adanya akta yang begitu comprehensive ini, pertamanya memperbanyakkan sampling contoh-contoh untuk dianalisa. Kalau setakat 300 atau 800 tidak menyakinkan, kita banyakkkan dan luaskan lagi proses iaitu, sekejap di buat di Kuala Lumpur dan kemudian dibuat di merata-rata tempat di seluruh Malaysia supaya kita benar-benar berwaspada bahawa makanan yang kita terima itu adalah makanan yang sihat.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Tuan Haji Abdullah bin Abdul Rahim.

4.42 ptg.

Tuan Haji Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Rang Undang-undang Akta Makanan (Pindaan) 2000.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah membentangkan rang undang-undang ini. Saya berpendapat bahawa ianya tepat pada masanya. Mengapa ianya tepat pada masanya ialah kerana seperti mana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa pada masa ini negara kita sedang mengalami banyak lawatan daripada pelancong-pelancong asing. Dengan adanya penyediaan makanan yang bersih mengikut peraturan antarabangsa, maka saya percaya pelancong-pelancong asing akan mempunyai confidence, dengan izin, yang lebih tinggi untuk melawat ke negara kita kerana mendapati bahawa makanan di negara kita ini adalah sihat.

Sambil itu, Tuan Yang di-Pertua, kita juga harus menentukan bahawa kawalan kebersihan ke atas makanan ini bukan sahaja khas untuk pelancong-pelancong asing tetapi juga untuk rakyat kita sendiri supaya mereka tidak dijangkiti oleh penyakit-penyakit yang dibawa oleh pelancong asing.

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini akan hanya menyentuh sedikit sahaja perkara yang ada hubung kait dengan perkakas yang digunakan untuk menyediakan makanan. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya - tetapi malangnya saya tidak mempunyai statistik - sebahagian besar daripada rakyat kita yang makan luar daripada rumah, makan di gerai-gerai kecil, kerana kebanyakan daripada rakyat kita suka makan di gerai-gerai yang kecil dan banyak juga pengusaha-pengusaha kecil menjalankan perniagaan di gerai-gerai yang kecil. Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit berhubung dengan kebersihan penyediaan makanan di gerai-gerai ini.

Sebentar tadi Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu telah mengatakan bahawa di sebahagian premis tempat penjualan makanan ini terdapat tikus yang ada juga sebesar kucing. Saya di sini tidak menyentuh berhubung dengan tikus tetapi yang saya ingin sentuhkan ialah pinggan-mangkuk, cawan dan juga sudu dan garpu yang digunakan untuk menyediakan makanan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pergi ke gerai, selalunya garpu dan sudu ini dibungkus dalam kertas tisu dan ada juga sebahagian gerai menggunakan cawan di mana diisi dengan air panas dan disimpangkannya sudu dan garpu di situ. Di sini

saya tidak tahu sama ada kertas tisu itu bersih atau tidak dan saya tidak yakin juga sama ada air panas dalam cawan di mana diletakkan sudu dan garpu itu adalah bersih daripada jangkitan penyakit. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak Kementerian Kesihatan akan mengawalselia perkara ini dengan lebih rapi lagi supaya tidak ada penyakit berjangkit akan dapat berjangkit secara luas di kalangan penghuni-penghuni stalls yang kecil ini.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga apabila kita makan di stalls yang kecil seperti ini cawan-cawan dan pinggan-pinggan yang retak, berlainanlah keadaannya kalau kita makan di restoran yang besar, di mana pengurusannya adalah lebih rapi lagi ke atas alatalat dan perkakas-perkakas untuk penyediaan makanan. Selalunya kalau di restoran yang besar atau di hotel, pinggan yang retak atau cawan yang retak tidak akan digunakan. Tetapi dukacita di kalangan stalls untuk orang kecil-kecil ini selalunya terdapat juga pinggan yang retak digunakan untuk menghidangkan makanan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya maklumkan tadi, kalaulah saya ada statistik, tetapi mengikut pandangan kita sebahagian besar daripada rakyat kita yang makan di luar ini iaitu makan di gerai-gerai kecil. Saya khuatir sekiranya perkakas untuk menyediakan makanan ini tidak bersih ianya boleh membawa orang yang makan di situ terkena penyakit. Kita selalu bimbang apabila kita terdengar merebaknya penyakit taun. Bagi saya taun senang diubat, kalau sekali kita kena kita tahu di mana taun itu berlaku, kita akan dapat mengambil tindakan serta merta untuk membersihkan tempat itu daripada taun, tetapi ada silent killer, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, yang dibawa oleh cara kita makan iaitu hepatitis B dan mungkin juga hepatitis A.

Barangkali kalau kita di sini pergi berjumpa doktor mungkin ada juga yang tidak mempunyai anti bodies untuk melawan hepatitis A ataupun hepatitis B dan mungkin juga ada yang sudah menghidap hepatitis B kerana penyakit ini tidak jelas kita lihat. Kita hanya tahu apabila keadaan kita sudah larut di mana penyakit itu sudah merebak luas ataupun apabila kita memeriksa darah. Saya telah difahamkan bahawa penyakit seperti ini mudah dibawa daripada makanan. Selain daripada penyediaan makanan saya percaya penyakit seperti ini bolehlah juga merebak melalui perkakas-perkakas yang tidak bersih seperti apa yang saya maklumkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ingin saya sentuhkan di sini ialah cara pengusaha-pengusaha di tempat kecil seperti gerai, menyediakan makanan. Kadang-kadang mereka menggunakan tangan yang tidak dicuci dan kadang-kadang mereka menggunakan kain yang mereka gunakan untuk mencuci meja digunakan juga untuk mencuci pinggan. Ini sini saya berharap pihak Kementerian Kesihatan akan mengawal selia perkara ini dengan lebih rapi lagi supaya penyakit seperti apa yang saya maklumkan tadi tidak akan dapat merebak.

Tuan Yang di-Pertua, di sini inginlah saya bertanya kepada kementerian dalam rekod mereka berapa banyakkah orang-orang yang telah diperiksa darah yang didapati tidak mempunyai anti bodies untuk hepatitis A dan hepatitis B?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin juga menyentuh sedikit tentang food supplement. Saya tidak tahu sama ada food supplement ini termasuk dalam takrif makanan tetapi saya percaya oleh kerana kita memakannya, maka ianya mungkin juga termasuk dalam takrif makanan. Seperti mana yang kita lihat dalam kaca TV pun ada, dalam surat khabar pun ada, banyak penjual-penjual terutama sekali direct selling dengan izin menjual food supplement. Ada yang mengatakan kalau kita gemuk, kita makan food supplement kita boleh menjadi kurus dan bermacam-macam lagi dan saya tidak tahu sama ada food supplement ini selamat kita makan. Pernah juga dikatakan bahawa seseorang yang telah mengambil food supplement ini telah mendapat side effects, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ingin saya sentuh di sini walaupun ianya tidak berkait dengan makanan tetapi mungkin pihak kementerian dapat membantu kita iaitu mengenai ubat-ubat untuk menjaga kulit terutama sekali untuk kaum wanita ini - mereka suka makan ubat untuk menjaga kulit supaya kulit itu cantik dan pernah juga saya terbaca dalam surat khabar di mana wanita-wanita yang memakan ubat-ubat untuk mencantikkan kulit dan lain-lain lagi telah menghidap dengan izin, *side-effect* daripada ubat-ubat yang dimakan ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah ingin menyentuh tentang hukuman ke atas mereka yang telah melanggar *proviso* yang ada dalam rang undang-undang ini. Seperti mana yang telah dimaklumkan oleh Datuk William Lau tadi, terdapat beberapa perkara yang mungkin kita perlu kaji semula terutama sekali berhubung dengan penjaja-penjaja kecil yang saya maksudkan tadi. Penjaja kecil ini didapati salah daripada segi penyediaan makanan melalui radas ataupun alat-alat yang tidak bersih dan mereka dihukum dengan hukuman yang ada di sini yang begitu tinggi,

saya percaya ini akan menyusahkan mereka dan sekiranya ianya digunakan, saya berharap pihak kementerian akan dapat memberi satu kelonggaran kepada mereka dan di sini saya berharap selain daripada hukuman, pendidikan adalah perlu diberi kepada penjaja-penjaja kecil yang menjual di gerai-gerai supaya mereka mematuhi pentingnya keperluan kita untuk menjaga kesihatan terutama sekali bukan sahaja daripada segi penyediaan makanan bahkan juga daripada alat perkakas yang digunakan untuk menyediakan bahan makanan seperti apa yang saya maklumkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata yang demikian, saya menyokong rang undang-undang ini dan sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kita akan menjemput wakil Menteri Kesihatan untuk menjawab perkara yang telah dibangkitkan. Dijemput Yang Berhormat.

4.53 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G. Sothinathan]:

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu, Yang Berhormat Puan Safinah, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, Yang Berhormat Puan Jamilah, Yang Berhormat Datuk William Lau, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz dan Yang Berhormat Tuan Haji Abdillah yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ke atas pindaan kepada Akta Makanan 1983 kerana cadangan dan sokongan yang telah mereka berikan.

Yang Berhormat Senator Marimuthu telah membangkitkan isu tentang perlunya Kementerian Kesihatan menumpukan perhatian kepada makanan tempatan seperti yang disediakan di hotel, kedai dan gerai-gerai makanan dan juga harus menjamin makanan yang dijual adalah bersih dan selamat. Memang kementerian bersetuju dan ini adalah hasrat dan tujuan kerajaan untuk membawa cadangan pindaan ini supaya akta ini memberi kesan yang lebih bagi memastikan bahawa makanan yang disediakan itu adalah selamat untuk semua.

Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasaan Akta Makanan adalah dijalankan oleh pegawai-pegawai berkuasa dari Kementerian Kesihatan Malaysia dan pihak berkuasa tempatan. Pada masa ini terdapat 2,606 pegawai berkuasa di bawah Akta Makanan iaitu 1,917 orang pegawai di Kementerian Kesihatan dan 727 orang pegawai di bawah pihak berkuasa tempatan.

Pada tahun 1999, sebanyak 6,238 premis makanan telah ditutup kerana kebersihan premis tidak memuaskan. Pada tahun 2000 pula, sebanyak 2,630 premis ditutup. Menurut Program Keselamatan Makanan Kebangsaan, tumpuan khas diberikan kepada kantin-kantin sekolah, asrama penuh di mana 100% adalah diperiksa dan pengendali makanan diwajibkan mendapat latihan pengendalian makanan yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu juga turut membangkitkan isu tentang mengapa tempoh analisis dipanjangkan daripada 90 hari ke 150 hari.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan pindaan tempoh masa sehingga 150 hari adalah bagi lanjutan masa yang diberikan kepada pegawai berkuasa untuk mengambil tindakan mahkamah. Lanjutan masa ini adalah penting kerana adakala sesuatu pelanggaran tidak dapat disiasat dengan sempurna dalam tempoh 90 hari. Ini tidak bermakna pengusaha makanan yang menyediakan makanan yang disampel tidak dibenarkan meneruskan perniagaan.

Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu juga turut membangkitkan tentang latihan-latihan yang disediakan untuk pengendali makanan.

Kementerian Kesihatan telah mewujudkan Program Latihan Pengendali Makanan. Sebanyak 72 institut latihan pengendalian telah diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menjalankan latihan pengendalian makanan. Pihak berkuasa tempatan juga telah mengenakan latihan pengendalian makanan sebagai salah satu syarat pelesenan.

Satu lagi isu yang turut dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu adalah bagaimana maklumat-maklumat diberikan kepada penjual di gerai-gerai.

Sebenarnya maklumat ini disampaikan kepada pengendali makanan melalui beberapa cara. Pertama, Kempen Cara Hidup Sihat seperti yang dijalankan pada tahun 1994 di mana ianya mendidik masyarakat terhadap cara-cara pengendalian makanan yang betul. Begitu juga cara-cara untuk mengelakkan keracunan makanan. Pada tahun 1996, masyarakat Malaysia dididik untuk mengubah sikap daripada aspek cara-cara pemakanan. Dalam kempen ini juga diperkenalkan Piramid Makanan di mana rakyat diajar bagaimana memilih makanan.

Kedua, banyak risalah dan buku-buku panduan untuk mendidik pengendali makanan di restoran atau gerai telah dicetak dan disebar untuk pengendali makanan. Ketiga, pihak kementerian juga akan menganjurkan Hari Keselamatan

Makanan yang akan diadakan setiap tahun. Tujuan Hari Keselamatan adalah untuk membuat *road show* daripada segi aspek pendidikan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk William Lau turut membangkitkan tentang Majlis Keselamatan Makanan Negara. Sebenarnya Kabinet telah meluluskan kewujudan satu majlis iaitu Majlis Keselamatan Makanan Negara atau dengan izin, National Food Safety Council baru-baru ini. Di antara objektifnya ialah untuk menentukan penyelarasan aktiviti antara agensi. Majlis ini akan dipengerusikan oleh Menteri Kesihatan dan ahli-ahlinya adalah Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Ketua-ketua Setiausaha pelbagai kementerian dan juga Presiden FOMCA dan juga President Federation of Malaysian Manufacturers dan termasuk juga Bahagian Kawalan Mutu Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz telah membangkitkan isu tentang kawalan gula dan kandungan lemak.

Sebenarnya Kementerian Kesihatan tidak mengawal had gula dalam makanan tetapi di bawah draf Peraturan Nutrition Labeling mewajibkan amaun gula dilabel. Dengan itu pengguna seharusnya lebih prihatin semasa memilih makanan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Safinah dan juga Yang Berhormat Puan Jamilah turut membangkitkan isu tentang pengawalan import makanan. Sebenarnya di negara kita terdapat 34 pintu masuk dan sejumlah 106 orang pegawai bertugas untuk menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan ke atas makanan yang diimport.

Yang Berhormat Puan Jamilah juga membangkitkan mengenai daging yang diimport dari luar negara. Sebenarnya pihak Kementerian Kesihatan telah mendapat persetujuan dari Kabinet untuk bersama-sama dengan Jabatan Perkhidmatan Haiwan untuk memeriksa tempat-tempat penyembelihan di negara-negara yang akan mengeksport daging ke Malaysia. Pihak Kementerian Kesihatan akan memastikan agar *good manufacturing practice* diikuti oleh tempat-tempat penyembelihan tersebut.

Selain dari itu Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz turut membangkitkan tentang isu-isu untuk mengatasi dan mengawal lemak dan gula seperti yang saya telah terangkan tadi. Sebenarnya ini termasuk dalam Kempen Cara Hidup Sihat dan juga terpulung kepada kita sebagai pengguna untuk memastikan bahawa kita sendiri mengambil tahu tentang maklumat-maklumat yang disebarkan oleh kementerian melalui pelbagai kempen yang diadakan dan kita juga harus memilih barangan atau

makanan yang memberi faedah kepada kita dan janganlah kita mengikut perasaan lidah kita.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz juga membangkitkan tentang isu racun perosak dalam sayur-sayuran. Sebenarnya Yang Berhormat Dato' Aziz berkata, dia cuma memilih sayur-sayuran yang mempunyai lubang-lubang dan Tuan Yang di-Pertua pun bersetuju tetapi sebenarnya saya pun tidak tahu. Apa yang saya perhatikan adalah biasanya kalau kita pergi ke pasar, saya rasa 99% daripada orang yang memilih sayur itu, dia tidak akan memilih sayur-sayur yang mempunyai lubang. Jadi ini adalah kerana sikap kita, kita hendakkan sayur-sayuran yang tidak mempunyai lubang, di mana sayur-sayuran yang tidak ada lubang itu cuma boleh dihasilkan kalau petani-petani dapat menggunakan racun yang lebih tinggi. Tetapi, yang penting adalah cara penanaman dan cara racun-racun perosak itu disembur. Biasanya di dalam kebun-kebun, kita selalu memberi nasihat kepada pekebun-pekebun, begitu juga Jabatan Pertanian supaya sebelum dua atau tiga minggu hasil-hasil itu dituai, jangan lagi gunakan racun perosak. Jadi, bermakna sayur-sayuran tersebut walaupun tidak berlubang, masih lagi selamat untuk dimakan. Jangan terpedaya dengan nasihat yang diberikan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz tadi. Tidak semestinya.....[Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi Yang Berhormat, dari segi sayurnya, ulat lebih pandai daripada orang. [Ketawa] Ha, itu sebabnya kita pakai fiil ulat, makan yang sudah berlubang. [Ketawa]. Kalau itu salah, saya tidak tahulah.

Tuan S. G. Sothinathan: Pasal racun perosak itu, boleh dikatakan *withdrawal of chemicals*. Sebelum dua atau tiga minggu sebelum hasil itu dituai, saya rasa tidak ada beri apa-apa kesan kepada kita. Yang penting ialah kita sebagai pengguna, kita haruslah dengan izin, *rinse* sayur tersebut di dalam air supaya bahan-bahan yang masih terkandung itu boleh dikeluarkan daripada sayur-sayuran tersebut. Jadi, ini tidak bermakna kita harus makan sayur-sayuran yang berlubang.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Kesihatan sentiasa mengambil tindakan ke atas pelanggaran residu racun perosak dalam sayur-sayuran dan buah-buahan. Sebanyak 2,926 sayur-sayuran dan buah-buahan telah diambil dan dari jumlah tersebut, sebanyak 45 ataupun 1.5% telah didapati melanggar Peraturan Makanan 1985 di mana dua pesalah telah dikenakan penjara selama enam bulan setiap orang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Jamilah juga ada membangkitkan isu pegawai berkuasa yang tidak amanah. Sebenarnya, Kementerian Kesihatan tidak akan bertolak ansur dengan mana-mana pegawai yang tidak amanah. Kerajaan juga telah mewujudkan Jawatankuasa Keutuhan untuk monitor, di antara lain, isu-isu berkaitan disiplin dan kurang amanah. Memandangkan pegawai berkuasa adalah daripada pelbagai agensi, disyorkan Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau merujuk perkara-perkara seperti ini, kalau kita dapat kesan, dirujuk kepada pihak berkuasa iaitu pihak pencegah rasuah.

Yang Berhormat Puan Safinah juga turut membangkitkan tentang peranan dan fungsi MARDI. Sebenarnya MARDI merupakan salah satu agensi kerajaan yang terlibat dalam pembentukan piawaian ataupun *standard* makanan termasuk program jaminan kualiti di peringkat industri. Kementerian Kesihatan juga sentiasa mengalukan sebarang inovasi yang baru, yang boleh dipertimbangkan dari mana-mana pihak termasuk daripada MARDI sekiranya ia mempunyai bukti saintifik atau selaras dengan piawaian *Codex*

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk William Lau turut membangkitkan tentang *due diligence* iaitu, usaha yang sewajarnya dan apakah kriteria-kriteria yang sewajarnya ini yang boleh digunakan sebagai pembelaan dan juga tentang kumpulan anggota khusus yang boleh dikategorikan sebagai pengurus. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan tidak menggariskan kriteria-kriteria untuk penentuan *due diligence* yang boleh dijadikan pembelaan. Adalah terpulang kepada orang yang dituduh untuk membuktikan bahawa ia telah menjalankan usaha-usaha yang sewajarnya dan terpulang pula kepada mahkamah untuk menentukan usaha-usaha itu wajar sebagai satu pembelaan dalam *proceeding* itu seperti yang diperuntukkan di dalam Seksyen 33A(b), (i) dan (ii).

Kumpulan orang yang boleh dikategorikan sebagai 'pengurus' pula, adalah kumpulan orang yang menjalankan atau membantu dalam pengurusan apa-apa hal-ehwal pertubuhan perbadanan itu. Oleh itu, adalah tidak perlu untuk menentukan sama ada pengurus itu berada di cawangan atau sebaliknya. Asalkan orang itu bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal-ehwal pertubuhan perbadanan itu, atau membantu dalam pengurusan sedemikian seperti yang diperuntukkan di dalam Seksyen 33A baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz pula membangkitkan isu kenapa bilangan sampel bilangan adalah terlalu kecil. Sebenarnya, Kementerian Kesihatan telah mengambil sejumlah 35,755 sampel makanan untuk membuat analisis pelbagai jenis parameter iaitu *microbiology*, editif makanan seperti bahan pewarna, bahan pengawet, perisa makanan dan lain-lain. Bahan pencemaran alam sekitar seperti plumbum dengan izin, *leads*, *mercury*, *arsenic* dan lain-lain bahan peracun, perosak, bahan dadah veterinar dan lain-lain lagi. Program pensampelan adalah dijalankan di setiap iaitu di 131 daerah di Malaysia berdasarkan program Pensampelan Makanan Kebangsaan. Program ini merangkumi semua jenis makanan iaitu makanan mentah sehingga makanan yang diproses. Ini termasuk daging dan sayur-sayuran mentah, makanan utama seperti beras, gandum, makanan bayi, makanan berkaling ataupun dengan izin, *canned food* dan lain-lain lagi. Bagi tahun 2000, sebanyak 4,589 pelanggaran dikesan daripada 35,755 sampel iaitu, 12.8%. 706 kes telah diselesaikan di mahkamah pada tahun yang sama dan denda sebanyak RM728.521 telah dipungut. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan tiada hak dalam menentukan amaun denda yang dikenakan oleh mahkamah. Hanya dengan pindaan perhukuman dalam akta, Kementerian Kesihatan dapat memberi satu gambaran kepada mahkamah tentang keseriusan kesalahan-kesalahan yang dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Abdul Aziz juga ada menanyakan tentang adakah pesakit kanser yang dirawat di hospital adalah kerana merokok atau terdedah kepada asap rokok? Sebenarnya, merokok dikaitkan dengan pelbagai jenis kanser paru-paru di mana sekurang-kurangnya 80% dari kanser jenis ini disebabkan oleh tabiat merokok. Golongan bukan perokok yang terdedah kepada asap rokok dikenali sebagai perokok pasif dan kumpulan ini juga berisiko untuk menghidap pelbagai jenis kanser sehingga lebih 30 kali ganda berbanding dengan seorang yang tidak terdedah.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya semua isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun saya jawab. Kalaulah ada mana-mana perkara yang saya masih belum sentuh, saya percaya pegawai-pegawai kementerian khususnya daripada bahagian Kawalan Mutu Makanan Kementerian Kesihatan ada di sini dan mereka telah mengambil perhatian tentang perkara-perkara dan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan dengan itu saya percaya, dengan lulusnya undang-undang ini, saya percaya kita

dapat mencapai hasrat seperti yang telah ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tentang betapa pentingnya kita menjadikan negara kita sebagai satu tempat di mana makanan yang diedarkan atau dijual di mana-mana peringkat, baik daripada tempat sayur-sayuran itu ditanam sehingga ianya dihidangkan baik di kedai atau di hotel-hotel yang besar, supaya ianya selamat untuk dimakan.

Jadi, dengan pandangan-pandangan dan kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat, saya percaya tidak lama lagi, kementerian dapat dengan penguatkuasaan yang lebih efektif, saya percaya kita boleh mencapai sasaran yang diharapkan oleh kementerian dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat dan seluruh rakyat Malaysia.

Jadi, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat termasuk juga Ahli-ahli Yang Berhormat daripada PAS yang turut memberi sokongan yang tidak berbelah bagi kepada cadangan pindaan ini dan itu sahajalah penerangan saya pada petang ini. Sekian, terima kasih. .

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibaca kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang undang-undang.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****5.12 ptg.**

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang undang-undang bernama Rang Undang-undang Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Pejabat Pendaftar Syarikat (ROC) dan Pejabat Pendaftaran Perniagaan (ROB) adalah dua bahagian yang berasingan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Pada asasnya kedua-dua bahagian ini mempunyai objektif untuk memastikan sistem pendaftaran syarikat dan perniagaan yang cekap dan teratur serta membantu pertumbuhan sektor korporat dan perniagaan yang sihat melalui penguatkuasaan undang-undang.

ROC telah diwujudkan pada tahun 1897 dengan tujuan awal untuk menguatkuasakan Companies Enactment Act 1897 dan kini mentadbir dan menguatkuasakan tiga akta iaitu Akta Syarikat 1965, Akta Syarikat Amanah 1949 dan Akta Larangan Kumpulan Wang Kutu 1971. Sehingga 30 Jun 2001, jumlah syarikat yang berdaftar dan diselenggarakan ialah sebanyak 555,599 buah syarikat. ROB pula telah ditubuhkan pada tahun 1953 bagi mentadbir dan menguatkuasakan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956. Sehingga Jun 2001 bilangan perniagaan yang didaftarkan adalah berjumlah 2,260,086 di mana 891,102 daripadanya merupakan perniagaan yang aktif. Fungsi-fungsi yang dijalankan oleh ROB dan ROC pada asasnya tidak begitu berbeza di mana fungsi pendaftaran, pengawalseliaan dan penguatkuasaan undang-undang yang ditadbirkan menjadi tumpuan utama. Pada masa yang sama sumber dan kakitangan adalah daripada punca yang sama.

Oleh yang demikian, terdapat kemungkinan sumber boleh dijimatkan melalui penyatuan ROB dan ROC di samping mewujudkan satu pusat bagi memudahkan pihak industri berurusan mengenai hal-hal korporat dan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi negara yang pesat sejak awal 90-an telah meletakkan sektor korporat dan perniagaan sebagai satu daripada pelaksana dan penjana penting pertumbuhan tersebut. Kedua-dua sektor ini turut mengalami perubahan yang sangat pesat dari segi jumlah, saiz struktur dan jenis aktiviti. Perkembangan ini telah mewujudkan bebe rapa isu dan cabaran yang penting

terhadap tadbir urus korporat yang mengkehendaki ROB dan ROC mengurus dan mengendalikannya secara efficient dan effective.

Pada masa ini ROC adalah pihak berkuasa yang mengawal selia syarikat-syarikat sendirian berhad dan syarikat awam yang tidak tersenarai di Bursa Saham sementara suruhanjaya sekuriti bagi syarikat tersenarai yang hanya merupakan 0.5% dari jumlah syarikat yang didaftarkan dengan ROC. Aktiviti kawal selia telah bertambah dari segi jumlah dan bentuk. Penyelewengan pegawai eksekutif (CEO) dan pengarah-pengarah syarikat, pelanggaran undang-undang serta kegagalan pengarah-pengarah melaksanakan tanggungjawab *fiduciary* mereka memerlukan ROC mempunyai keupayaan yang lebih tinggi untuk memantau dan mengesan kes-kes tersebut.

ROC perlu mempunyai kepakaran tertentu untuk menjalankan penyiasatan ke atas setiap kes penyelewengan di samping kakitangan profesional dan sumber kewangan yang mencukupi untuk urusan penyiasatan.

ROC juga perlukan autonomi dan fleksibiliti yang secukupnya bagi membolehkan ia bertindak pantas dan berkesan bagi menangani masalah kawal selia yang timbul dari semasa ke semasa.

Walau bagaimanapun, ROC sebagai satu jabatan kerajaan ia tidak mempunyai kemampuan kewangan dan kepakaran yang cukup untuk menjalankan kawal selia yang lebih effective berbanding dengan suruhanjaya sekuriti dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan yang diberikan oleh ROB dan ROC pada masa ini terhad kepada pendaftaran dan bekalan maklumat perniagaan dan syarikat kerana keupayaan dan kemampuan yang ada amat terhad. Seiring dengan pembangunan di sektor korporat perniagaan peranan ROB dan ROC bagi memastikan sektor tersebut berdaya saing dan maju kian mendesak. Perkembangan sektor ini telah meningkatkan kehendak pelanggan terhadap perkhidmatan bekalan maklumat yang mempunyai nilai tambah dan berkualiti serta mudah dan cepat. Dalam hal ini ROB dan ROC perlu meningkatkan perkhidmatan ke arah yang lebih cemerlang berorientasikan kepada keperluan dan kehendak pelanggan. Perkembangan teknologi maklumat mendesak ROB dan ROC untuk memaksimumkan penggunaan teknologi maklumat termasuk mewujudkan pengurusan dan pekerja yang berpengetahuan dan berkemahiran yang tinggi.

Sebagai badan kerajaan ROB dan ROC tidak mempunyai kemampuan untuk melaksanakannya. Penyatuan ROB dan ROC akan membolehkan usaha-usaha dan program-program tersebut digerakkan dengan pantas dan tersusun.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan perkembangan dan keperluan semasa yang telah disebut tadi, serta kemampuan dan keupayaan sumber yang terhad yang ada pada kedua-dua organisasi berbanding dengan tanggungjawab yang kian mencabar, maka wajarlah sebuah badan berkanun ditubuhkan bagi mengambil alih ROB dan ROC agar ia dapat memainkan peranan yang lebih berkesan daripada segi perkhidmatan dan usaha-usaha pengawalseliaan dan penguatkuasaan ke atas sektor korporat dan perniagaan negara ini.

Badan yang bakal diwujudkan nanti adalah berpandukan prinsip-prinsip bahawa ia mempunyai autonomi yang cukup dalam pengurusan kewangan, perancangan dan pembangunan tenaga manusia termasuk aspek penetapan gaji dan pengambilan personel dari segi urusan harian ia akan diterajui oleh Ketua Pegawai Eksekutif.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Suruhanjaya Syarikat yang dibentangkan ini bertujuan mencadangkan perwujudan satu badan berkanun yang akan dikenali sebagai Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Rang undang-undang ini mengandungi 6 bahagian utama yang menyediakan peruntukan mengenai perkara-perkara berhubungan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia termasuk fungsi, kuasa, urusan pengambilan pekerja, kewangan dan perkara-perkara am.

Bahagian I, rang undang-undang ini menyatakan tentang tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 dan takrif beberapa istilah yang digunakan di dalam rang undang-undang ini.

Bahagian II, rang undang-undang ini ialah peruntukan yang berhubungan dengan penubuhan suruhanjaya yang mencadangkan badan yang ditubuhkan dikenali dengan nama Suruhanjaya Syarikat Malaysia iaitu SSM. Penamaan ini bertujuan memberi profil yang tinggi kepada badan tersebut, mengambil kira fokus dan tanggungjawab dalam pengurusan dan perkembangan sektor korporat dan perniagaan yang teratur dan dinamik.

Nama Suruhanjaya Syarikat Malaysia dipilih setelah rujukan dibuat ke atas badan-badan yang sama di luar. Dengan penubuhan badan ini, segala harta, hak atau liabiliti Kerajaan Malaysia, Pendaftar Syarikat dan Pendaftar Perniagaan yang

ditentukan oleh Menteri adalah dipindahkan kepada suruhanjaya mulai tarikh perintah letak hak yang ditetapkan oleh Menteri dengan *Warta*.

Sebagai satu badan berkanun, suruhanjaya boleh memeterai perbadanan sendiri, membuat kontrak, memperoleh harta, memindahkan atau melupuskan harta atau kepentingan yang terletak hak dengannya. Perkara-perkara yang berhubung dengan keanggotaan suruhanjaya, pembatalan dan peletakan jawatan, pengosongan jawatan dan saraan atau elaun anggota juga dinyatakan di dalam bahagian ini.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Bahagian II rang undang-undang ini juga mengandungi perkara berkaitan dengan keanggotaan suruhanjaya. Anggota suruhanjaya akan dilantik oleh Menteri yang terdiri daripada seorang Pengerusi, Ketua Pegawai Eksekutif dan beberapa anggota lain yang tidak kurang daripada lima dan tidak lebih daripada tujuh. Sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, beliau akan berta nggungjawab terhadap pentadbiran harian suruhanjaya. Beliau akan dibantu oleh dua orang pengarah yang dilantik oleh Menteri untuk menjadi Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif.

Tempoh bagi anggota memegang jawatan ialah tidak melebihi tiga tahun melainkan jika anggota tersebut terlebih dahulu meletakkan jawatannya atau keanggotaannya dibatalkan atau dikosongkan apabila anggota hilang kelayakan disebabkan perkara-perkara dinyatakan dalam Fasal 9 rang undang-undang ini.

Rang undang-undang ini turut menyediakan peruntukan mengenai prosedur mesyuarat suruhanjaya, bilangan kuorum, penyelenggaraan, minit mesyuarat dan kuasa kepada Menteri untuk memberikan arahan bersifat am berhubung dengan fungsi suruhanjaya. Suruhanjaya bertanggungjawab untuk memberi penyata akaun dan maklumat yang berhubung dengan pelaksanaan fungsinya kepada Menteri dari semasa ke semasa seperti dikehendaki oleh Menteri.

Setiap anggota suruhanjaya atau sesuatu jawatankuasa dikehendaki membuat penzahiran mengenai kepentingannya berhubung sebarang perkara yang sedang dipertimbangkan oleh suruhanjaya atau jawatankuasa di mana penzahiran hendaklah direkodkan di dalam minit mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara perhubungan fungsi dan kuasa suruhanjaya dinyatakan di dalam Bahagian III rang undang-undang ini. Suruhanjaya ini akan meneruskan fungsi yang sedia ada iaitu termasuk mentadbirkan dan menguatkuasakan undang-undang yang ditadbirkan, pembekalan maklumat korporat

dan memastikan perkembangan undang-undang sejajar dengan perkembangan sektor korporat.

Di samping itu, ia akan menjalankan fungsi tambahan yang antara lain meliputi aspek-aspek pembangunan, kawal selia, perhubungan antarabangsa serta penganalisan maklumat korporat dan perniagaan.

Suruhanjaya diberi kuasa untuk melaksanakan segala tindakan yang bersesuaian dalam menjalankan fungsi-fungsinya. Ini termasuk memanfaatkan harta alih dan tidak alih dengan apa cara, mengenakan fee atau caj bagi perkhidmatan, melantik ejen, pakar yang sewajarnya untuk membantunya, memberikan pinjaman kepada pekerja, pembangunan manusia, bekerjasama dengan mana-mana pertubuhan dan sebagainya.

Rang undang-undang mencadangkan agar Suruhanjaya boleh menubuhkan jawatankuasa yang perlu untuk melaksanakan fungsi-fungsinya di mana jawatankuasa boleh dilantik di kalangan anggota Suruhanjaya atau mana-mana orang.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian IV rang undang-undang memperkatakan mengenai urusan pekerja iaitu pengambilan, pelantikan ejen, peraturan penggajian dan prosiding tatatertib. Daripada segi pengambilan pekerja, anggota tetap ROB dan ROC diberikan pilihan dengan terma dan syarat perkhidmatan yang tidak kurang baiknya daripada terma dan syarat perkhidmatan yang berhak diterima sebelum tarikh ditetapkan. Anggota ROB dan ROC boleh memilih sama ada menerima atau menolak berkhidmat dengan Suruhanjaya.

Seterusnya rang undang-undang mencadangkan agar Suruhanjaya diberi kuasa untuk membuat peraturan berkenaan dengan penggajian termasuk cara pelantikan, terma dan syarat perkhidmatan serta pembayaran ganjaran, pencen dan faedah lain kepada pekerja.

Rang undang-undang ini memberikan perlindungan kepada mana-mana anggota dan pegawai daripada apa-apa prosiding undang-undang selama mereka melakukan tugas dengan suci hati dalam melaksanakan tanggungjawab di bawah undang-undang.

Semua anggota atau mana-mana jawatankuasa dan mana-mana pegawai atau ejen Suruhanjaya adalah disifatkan sebagai pengkhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 juga terpakai bagi Suruhanjaya.

Tuan Yang di-Pertua, fasal-fasal mengenai kewangan terkandung di dalam Bahagian V. Pada masa ini kesemua keperluan perbelanjaan pembangunan dan pengurusan ROB dan ROC dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan melalui peruntukan belanjawan tahunan. Sementara jumlah hasil kutipan kedua-duanya, ROB dan ROC dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan, dengan izin, *consolidated fund* oleh kerana penubuhan Suruhanjaya adalah bertujuan menjadikan badan tersebut satu entiti yang berupaya membiayai semua kegiatannya.

Rang undang-undang ini juga mencadangkan Suruhanjaya akan mentadbirkan dan mengawal kumpulan wang melalui penubuhan suatu kumpulan wang. Suruhanjaya akan mengurus sendiri segala wang yang diterima menerusi perkhidmatan yang diberikan, pemberian, pelupusan harta, pemajakan atau penyewaan, pinjaman, pendapatan dan wang lain yang diterima dengan sah.

Walaupun Suruhanjaya mempunyai kuasa mentadbirkan dan mengawal kewangannya, Suruhanjaya dikehendaki menyediakan anggaran perbelanjaan sebelum permulaan setiap tahun dan anggaran tambahan jika ada untuk pertimbangan dan kebenaran Menteri.

Suruhanjaya juga bertanggungjawab untuk memelihara kumpulan wang bagi menjamin jumlah hasil adalah mencukupi untuk membiayai perbelanjaan yang harus ditanggung.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masih banyak lagikah?

Tuan Wong Kam Hoong: Tidak, satu dua minit, sudah hendak habis.Yang harus ditanggung. Suruhanjaya bertanggungjawab menyimpan akaun dan laporan-laporan yang mengandungi kunci kira-kira dan akaun pendapatan dan pernyataan mengenai kegiatannya. Dalam hal ini, Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 adalah terpakai kepada Suruhanjaya ini. Perkara-perkara berkaitan pinjaman dan penerbitan bon Suruhanjaya perlu mendapatkan kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan.

Rang undang-undang ini mencadangkan agar Suruhanjaya membayar kepada Kumpulan Wang Yang Disatukan (Persekutuan) sebanyak 50% daripada jumlah hasil tahunan. Cadangan adalah setelah mengambil kira keperluan perbelanjaan pembangunan Suruhanjaya nanti. 50% daripada jumlah kutipan hasil yang diperoleh oleh Suruhanjaya akan digunakan untuk perbelanjaan aktiviti Suruhanjaya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara am yang meliputi hal-hal berhubungan dengan proses pendakwaan, kewajiban menyimpan rahsia dan kuasa Menteri meminda Jadual kepada rang undang-undang disebut di dalam bahagian akhir iaitu Bahagian VI. Dalam mentadbirkan dan menguatkuasakan akta dan peraturan yang ditadbirkan, tindakan pendakwaan hanya boleh dimulakan dengan kebenaran Pendakwa Raya. Setiap anggota pegawai, pekerja atau ejen Suruhanjaya berkewajipan untuk menyimpan rahsia mengenai maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan hal ehwal Suruhanjaya daripada mana-mana orang.

Rang undang-undang ini memberi kuasa kepada Menteri untuk meminda Jadual kepada rang undang-undang ini melalui perintah di dalam *Warta* dan membuat apa-apa peraturan yang sesuai atau perlu atas syor yang diberikan oleh Suruhanjaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S. G. Sothinathan]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk menubuhkan Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi-fungsi kuasa-kuasanya bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dijemput.

5.33 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membuat beberapa komen tentang Rang Undang-undang Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang baru ini tetapi memandangkan sudah tidak mencukupi masa, mungkin saya sambung esok pagi. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini, saya tangguhkan majlis mesyuarat Dewan ini pada hari esok, Selasa, 7 Ogos 2001, jam 10.00 pagi.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.33 petang.

6 Ogos 2001

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum, D.P.M.S.
(Dilantik)
- " Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,
Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
(Dilantik)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
- " Menteri Pendidikan,
Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N.,
D.P.C.M. (Dilantik)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin
(Dilantik)
- " Timbalan Menteri Pendidikan,
Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
(Dilantik)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, (Dilantik)
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Datuk M. Kayveas P.J.N. (Dilantik)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan
Datuk Zainudin bin Maidin, (Dilantik)
- " Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- " Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub (Dilantik)
- " Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- " Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- " Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- " Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun
(Dilantik)
- " Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,
B.K.M. (Kedah)
- " Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- " Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- " Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)

- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
- Yang Berhormat Dato’ Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- ” Datuk Christina Tibok Vanhouten (Sabah)
- ” Datuk Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Datuk Ghazi bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P.
(Selangor)
- “ Dato’ Hamzah bin Zainudin (Perak)
- “ Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
- “ Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Kee Ah Kau (Selangor)
- “ Dato’ Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae,
(Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mazlan bin Abu (Johor)
- “ Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
- “ Puan Melanie Chia Chui Ket (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ Haji Mohamed bin Ya’acob, P.S.M., P.M.K.,
S.P.M.K., Dato’ Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A.
(Dilantik)
- “ Dato’ Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
- ” Tuan K. R. A. Naidu (Dilantik)
- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)

- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
- ” Dato’ Poo Yew Choy, D.I.M.P., A.M.P. (Pahang)
- “ Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan M. Ratnam (Dilantik)

- “ Tuan M. Saravanan (Dilantik)
- “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Tuan R. Sinniah (Dilantik)
- “ Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- “ Puan See Too Mee (Johor)
- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor (Dilantik)
- “ Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Tuan Wee Kok Tiong (Dilantik)
- “ Tuan Yew Teong Look (Dilantik)
- “ Tuan Yew Tuan Chiew (Perak)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA

PEGAWAIPEGAWAI KANAN

Dato' Abdullah Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA

Jilid III	Bil. 18	Isnin	6 Ogos 2001
------------------	----------------	--------------	--------------------

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAH:

- Y.B. Tuan Wee Kok Tiong (Halaman 1)

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

- Mengalu-alukan Ahli Baru (Halaman 1)
- Memperkenankan Akta-Akta (Halaman 1)
- Perutusan Daripada Dewan Rakyat (Halaman 2)
- Urusan Mesyuarat (Halaman 3)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 3)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2000 (Halaman 24)
- Rang Undang-undang Makanan (Pindaan) 2000 (Halaman 57)
- Rang Undang-undang Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Halaman 97)